

**20 MAC 2019 (RABU)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**SHAH ALAM, 20 MAC 2019 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, P.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, P.P.T. (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

**20 MAC 2019 (RABU)**

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**20 MAC 2019 (RABU)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**20 MAC 2019 (RABU)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbahasan**

**20 MAC 2019 (RABU)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 20 Mac 2019 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhammadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in*

Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkau Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadrat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu jua pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadiran Mu agar memberikan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu jua Ya Allah kami berserah.

*Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'iin Walhamdulillah Robbil 'Alamiin.*

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan-aturan mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Selamat pagi, Salam sejahtera. Saya persilakan Yang Berhormat Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, Soalan No. 17

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENGENDALI WIFI SELANGORKU**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

## 20 MAC 2019 (RABU)

- a) Berikan perincian nama, pemilik dan tempoh kontrak syarikat pengendali Wifi Selangorku?
- b) Berapakah jumlah pembayaran untuk kontrak tersebut?
- c) Bagaimanakah pemilihan pengendali dan nyatakan kriteria lantikan?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong yang bertanya tentang Wifi Selangorku. Untuk menjawab soalan yang pertama terdapat 2 syarikat pengendali Wifi Smart Selangor iaitu Telekom Malaysia Berhad iaitu TM dan Celcom Mobile Sdn Bhd iaitu Celcom. TM merupakan syarikat pengendali utama Wifi di mana pihak TM telah memasang sebanyak 3390 *hotspot* ataupun *Acces Point* (AP) Wifi Selangorku. Tempoh kontrak pihak TM bagi perkhidmatan Wifi adalah selama 5 tahun bermula dari 6 Julai 2015 hingga 5 Julai 2020.

Di kawasan-kawasan yang pihak TM tiada *infrastructure backhaul* internet, Wifi Selangorku disediakan oleh syarikat pengendali kedua iaitu Celcom yang telah pun memasang 521 *hotspot* atau *access point* di mana langganan bulanan bermula 2015. Untuk menjawab soalan kedua, pembayaran kepada syarikat pengendali hanya dibuat setelah pengesahan bagi pemasangan AP ataupun *hotspot* di tempat-tempat yang disasarkan.

Proses pengesahan adalah melalui '*site verification*' dan data berkaitan pengguna AP terbabit seperti yang dilaporkan pada setiap bulan. Jumlah pembayaran kontrak kepada syarikat-syarikat pengendali, penyata Wifi awam percuma pada tahun 2018 adalah sebanyak 12,551,601.29. Walaupun ia Wifi percuma tapi kerajaan Selangor yang membayar. Untuk menjawab soalan yang ketiga kriteria pemilihan pengendali adalah berdasarkan kepada beberapa faktor utama.

lalu yang pertama, *infrastructure* pembekal perkhidmatan yang sedia ada. Yang kedua kawasan liputan wifi yang disediakan oleh pengendali. Yang ketiga kos yang punyai nilai faedah terbaik. Yang keempat kemampuan memasang 2500 lokasi *hotspot* dalam masa 3 bulan.

Proses pemilihan ini dilaksanakan oleh pihak Menteri Besar Incorporated iaitu MBI melalui proses perolehan yang ditetapkan mengikut tadbir urus MBI termasuklah permohonan pengendali secara terbuka, penilaian pengendali, pemantauan dan penilaian prestasi perkhidmatan. Sekian.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong.

**20 MAC 2019 (RABU)**

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan tambahan saya ialah sejauh mana pemantauan ini di buat untuk memastikan supaya pelaksanaan terutamanya di kawasan hotspot yang meliputi liputan yang slow ini dapat diperbaiki atau ditambah baik dari masa ke semasa.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih soalan tambahan. Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di mana sering kali kita menerima *complaint* tentang masalah wifi yang mengatakan terlalu slow ada yang tidak dapat akses so untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, so (SMART SEL) telah pun mengadakan Mesyuarat Mingguan Operasi dengan pembekal iaitu penyelarasan Operasi dan Penyelenggaraan dan menangani isu-isu berbangkit menyelesaikan isu-isu perkembangan dan '*Optimasi*'. Saya rasa yang pertama tentang papan permukaan pemantau status AP, kita ada *online* untuk memantau AP yang tidak berfungsi yang tak ada masalah so kita akan buat untuk baiki keadaan dengan serta-merta. Yang ketiga penyusunan semula aliran meja bantuan termasuk (SISPA) sebagai input tambahan kepada alur kerja sedia ada iaitu pengurusan insiden ataupun Pusat penyelarasan dan laporan insiden dan laporan berkala. Yang keempat Pusat Operasi Rangkaian NOC. Semasa sedang menubuhkan pusat Operasi Rangkaian iaitu Network Operation Center sendiri untuk menyelaras dan memantau penyelarasan ketersediaan dan prestasi rangkaian. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Tuan Y.B Exco, Yang Berhormat, saya nak bertanya tentang konteks yang berkaitan pembekal ini adakah meliputi kerja-kerja maintenance dan bagaimana pula pihak kerajaan memantau tentang kerosakan-kerosakan yang berlaku dan juga bagaimana dengan penggantian nya.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Seperti mana yang saya sebut tadi, (SMART SEL) mempunyai papan permukaan pemantau status AP. Itu *real time reading* yang boleh pantau di Pusat Center so kalau ada AP ataupun hotspot yang ada masalah yang rosak ataupun bermasalah tak berfungsi so mereka ambil tindakan yang segera untuk memulihkan ataupun membaiki keadaan yang sedia ada.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR** : Tuan Speaker, ada Class soalan saya no. 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PELABURAN ASING**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan jangka pendek / panjang Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur luar mahupun dalam negeri ke kawasan Bukit Sentosa / Beruntung memandangkan masih banyak lagi premis kedai/perniagaan dan perumahan yang terbiar tanpa diuruskan dengan baik?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan speaker, permasalahan di Bandar Bukit Beruntung dan di Bukit Sentosa merupakan prioriti utama bagi Majlis Daerah Hulu Selangor. Pelbagai usaha dan perancangan telah dan di dalam perancangan pihak Majlis Daerah Hulu Selangor bagi menjadikan kawasan berkenaan kembali membangun setara bandar-bandar lain di Hulu Selangor.

Sejak tahun 2006 pelbagai perancangan telah dijalankan bagi menarik pelabur, pengusaha dan *stakeholder* / *anchor* bagi melabur dan menjalankan pelaburan di Bandar Bukit Beruntung.

Bagi mengawal pembangunan, pihak MDHS telah mengambil langkah proaktif dengan membekukan tanah-tanah pembangunan di sekitar Serendah dan Sungai Buaya di dalam Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 bagi memberi tumpuan pembangunan di Bandar Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa.

Bagi mengawal pembangunan, pihak MDHS telah mengambil langkah proaktif dengan membekukan tanah – tanah pembangunan di sekitar Serendah / Sungai Buaya di dalam Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 bagi memberi tumpuan pembangunan di Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa.

Bagi menjadi *anchor* utama di Bukit Beruntung, pihak Tesco Distribution telah membuka gudang pengedaran terbesar (repacking) seluas 50 ekar di Bukit Beruntung dan diluluskan oleh pihak MDHS pada Mei 2008. Selain itu, bagi menarik penduduk untuk mendiami Bukit Beruntung serta menggalakkan aktiviti perniagaan, pihak MDHS telah menjemput pihak Tesco untuk membuka Tesco Store di Bukit Sentosa yang telah dibuka pada 2011.

Bagi pembangunan institusi, pihak Polis Diraja Malaysia telah mengambil alih Kolej Aman, Bukit Sentosa dan dijadikan Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Bukit Sentosa. Disamping itu sepanjang 2006 hingga kini, pihak MDHS telah meluluskan 2 Sekolah Rendah dan 1 Sekolah Menengah kebangsaan di Bukit Beruntung / Bukit Sentosa di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 Kementerian Pelajaran. Di samping itu sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil telah dibina di Bukit Beruntung.

Dari segi keselamatan, Bandar Bukit Sentosa telah mempunyai Balai Polis selain Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Sentosa telah siap dibina dan menunggu masa untuk beroperasi sepenuhnya. Pihak MDHS juga di dalam proses perbincangan secara

**20 MAC 2019 (RABU)**

berkala dengan agensi – agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran untuk agensi berkenaan membangunkan kemudahan di Bandar Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa bagi kemudahan penduduk. Aktiviti perindustrian juga berjalan rancak. Ini ditunjukkan dengan 90% lot industri di Jalan Jasmine Bukit Beruntung telah dibina kilang – kilang. Selain itu kawasan perindustrian lain seperti di Jalan Kenanga dan Jalan Kamunting Bukit Beruntung, Jalan Seroja dan Jalan Ros, Bukit Sentosa juga kini mula diisi oleh pelabur. Lot – lot kilang di Bukit Beruntung / Bukit Sentosa merupakan pilihan utama bagi pengilang vendor bagi PERODUA, PROTON dan TANCHONG (NISSAN).

Terkini, Pihak PERODUA telah menyediakan jalan terus dari persimpangan PERODUA ke Bukit Sentosa. Dengan pembukaan jalan ini, ia akan menjadi alternatif kepada penduduk Bukit Sentosa terus ke Tol Sungai Buaya selain Tol Bukit Beruntung kini. Pihak PERODUA bersama pihak UMW Development kini dalam penyediaan jalan penyambung dari Bukit Sentosa ke Serendah yang boleh dihubungkan terus ke Jalan Pintasan Rawang.

YAB Dato Menteri Besar di dalam pembentangan Belanjawan Negeri Selangor 2019 telah menetapkan kawasan Serendah termasuk Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa sebagai Kluster Aeroangkasa dan Automotif. Pihak UMW Aerospace telah melabur dan membina Kilang Pemasangan Kelongsong Enjin Kapal Terbang untuk Airbus di kawasan ini dan pihak UMW juga bercadang untuk memindahkan operasi mereka dari Shah Alam ke Serendah. Pemajuan ini memberi impak tinggi kepada Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa selain menaikkan lagi nilai hartanah di kawasan berkenaan.

Bagi mencari penyelesaian secara mampan, pihak MDHS dengan kerjasama PlanMalaysia dan PlanMalaysia Selangor telah menyediakan Pelan Tindakan Kawasan Brownfield Bukit Beruntung yang menyediakan pelan komprehensif pembangunan semula kawasan terbengkalai (brownfield) di Bandar Bukit Beruntung terutamanya di kawasan kilang teres seperti di Jalan Seroja dan Jalan Kamunting, Bukit Sentosa.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker, saya soalan no. 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN 2019**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

## 20 MAC 2019 (RABU)

- a) Apakah program pembangunan modal insan yang telah dirancang bagi tahun 2019?
- b) Adakah ianya meliputi program pasca perkahwinan seperti yang telah dinyatakan di dalam belanjawan 2019?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Bismillahirrahmanirrahim, Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Soalan yang pertama berhubung kait dengan pembangunan modal insan. Program pembangunan modal insan merupakan salah satu dasar dan agenda penting kerajaan yang bertujuan melahirkan rakyat yang cemerlang, berkualiti, berdaya maju, berdaya saing yang menjadi aset kualiti kepada negeri dan berupaya menyumbang kepada pencapaian dan hala tuju kerajaan Negeri Selangor.

Pelaksanaan program modal insan sejak 2008 telah memberi banyak manfaat terutama terhadap kualiti kehidupan masyarakat dan program yang berfaedah termasuk program-program yang telah kita susun. Program INSAN yang merupakan program latihan memberi penekanan dalam penerapan nilai-nilai murni bagi mewujudkan individu dan masyarakat yang mempunyai nilai jati diri yang kuat sekali gus melahirkan masyarakat yang prihatin. Pada tahun 2019 perancangan bagi program pembangunan modal insan adalah menerusi pelaksanaan program insan. Kita mengekalkan konsep insan yang sebelum daripada itu kita kenali sebagai 'SPIES'. Jadi program insan yang telah kita kekalkan lebih terfokus kepada kluster utama iaitu Program INSAN Belia dan Remaja yang meliputi Program Pemantapan Jati Diri Belia, Program Sembang Santai Budaya Buli, Program Kesedaran Pencegahan Gejala Sosial, Program Bengkel Remaja Cemerlang. Sementara Program Insan Komuniti ada tiga (3), iaitu Program Pengupayaan Pimpinan Komuniti, Program Kemahiran Coaching bagi pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan Dan Program Karnival Komuniti Prihatin. Sementara Program Insan Keluarga ada tiga (3). Program Semarak Ramadhan iaitu Jalinan Ukhuwah Penduduk, Program Forum Perdana iaitu Rahmat Maghrifah Dan Pembebasan dan Program Pembangunan Kemahiran Pentadbiran Rumah Perlindungan. Sementara Program Insan Wanita iaitu kita punya Program Kursus Asas Kemahiran Kaunseling iaitu kita ada semua sebelas tidak termasuk Program Selangor-*Job Fair* yang telah kita adakan baru-baru ini. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini kita telah adakan pada 16 Mac 2019 kita telah adakan Selangor Mega-*Job Fair* 2019 di MAEPS yang merupakan penganjuran program terbesar dalam sejarah bagi negeri ini. Iaitu dengan kehadiran 200 majikan yang menawarkan 11,000 peluang pekerjaan kepada seluruh rakyat Negeri Selangor. Kelainan antara kelainan Program Mega-*Job Fair* yang telah kita adakan baru-baru ini iaitu kita melibatkan pasukan badan beruniform seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia iaitu Tentera Darat dan juga Tentera Udara Diraja Malaysia.

## 20 MAC 2019 (RABU)

Dan dalam menawarkan pekerjaan pada kali ini kita juga telah bekerjasama dengan Jawatankuasa Tetap Kebajikan iaitu kita juga mengadakan Program Tawar Kerja pada Golongan Orang Kurang Upaya. Ada 20 syarikat yang telah terlibat dalam program tersebut dan kehadiran yang kita nilai pada 16 Mac yang lalu seramai melebihi 10,000 orang hadir. Untuk soalan kedua Yang Berhormat Sijangkang, adakah Program Pembangunan Modal Insan berada dalam termasuk pasca perkahwinan, tidak. Semua program pasca perkahwinan iaitu *smart parenting* juga duduk di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap Pendidikan iaitu kesinambungan daripada insentif perkahwinan yang telah kita ada sebelum ini.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Templer daripada semalam tiga kali bangun.

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya, isu perpaduan adalah perkara yang sangat penting. Adakah akan dipertimbangkan isu yang mempunyai modus soal perpaduan dan juga kesedaran sivik kepada masyarakat ataupun rakyat di Negeri Selangor. Dan juga Pembangunan Modal Insan yang melibatkan kaum orang asli daripada sudut pendekatan pendidikan dan kesedaran pendidikan dan juga kerjaya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang, jawapan yang saya berikan tadi terutama belia dan remaja kita tidak mengkhususkan kepada satu golongan sahaja. Apa yang kita tekankan adalah sebab itulah kita rasakan modal insan ini kita melibatkan semua kaum dan masa dan sasaran kita adalah di sekolah rendah dan sekolah menengah untuk semua kaum. Untuk jawapan kedua untuk Hal Ehwal Orang Asli, kita ada JAKOA kita juga melibatkan program-program JAKOA termasuk program-program sukan, kita ada *Fit Malaysia* dengan kerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan. Kita ada program-program yang melibatkan Program Sukan Rakyat termasuk dalam Modul Belia dan Modal Insan yang kita adakan Yang Berhormat.

**YB. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Kebenaran Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**YB. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat EXCO, Cuma nak tanya Yang Berhormat EXCO la, alhamdulillah kita dengar tadi banyak program-program yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri tadi. Cuma kita nak tau ada tak program-program khususnya kepada belia-belia kita sekarang ni program-program contohnya kita benci

## 20 MAC 2019 (RABU)

kepada dadah, benci kepada amalan rasuah dan kita nak tanya jugak dengan Sijangkang ni, dulu saya ni dalam parti bersama-sama dengan Sijangkang ni, tapi hari ini kita tengok parti Sijangkang ni, dok berkawan pulak dengan parti yang rasuah, parti yang menteka darah duit rakyat, parti yang curi duit rakyat. Jadi saya nak tanya dengan Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat EXCO ini orang baru, orang muda dia punya ketegasan, dia punya wawasan, kita nak tanya ada tak program-program yang melibatkan anak muda ini benci kepada rasuah, benci kepada...

**TUAN SPEAKER** : Soalan-soalan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Semalam tiga kali speaker bangun.

**TUAN SPEAKER** : Nanti boleh dibahas.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Masalahnya bila dipindahkan belah hujung ini, duduk belakang speaker, speaker tak berapa nak nampak, bagi la peluang sikit.

**TUAN SPEAKER** : Saya dah bagi peluang, nanti boleh bahas lagi. Sekarang terus soalan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Soalan nya begitu tadi, ada tak program-program kita nak supaya belia-belia kita ini masyarakat dan rakyat di Negeri Selangor ini, benci kepada amalan-amalan rasuah, amalan awangan penyelewengan yang kita memang semua kita tidak setuju dengan amalan-amalan korup sebegini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Itu nak marah ke apa Yang Amat Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Bukan, sarapan pagi tadi dekat kedai mamak tu sedap.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Baik-baik Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Templer yang begitu semangat. Saya agak konfius soalan tetapi walau bagaimanapun, untuk menjawab adakah mempunyai program yang berkaitan dengan benci dadah, benci rasuah, ya memang kita telah bermesyuarat dengan AADK dan PEMADAM. Malah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam ucapan bajet beliau pun menyebut tentang peruntukan yang diberikan pada agensi-agensinya untuk kita khusus melihat pada gejala memerangi dadah. Insyaallah kita akan atur program-program untuk 2019 dan Yang Amat Berhormat boleh bersama-sama dengan kita untuk kita memerangi dadah dan rasuah Yang Amat Berhormat ya. Yang kedua tu tadi apa Yang Amat Berhormat, banyak sangat tadi yang berkaitan dengan rasuah.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Saya pun konfius jugak.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Baik kalau begitu Speaker itulah jawabannya.

**TUAN SPEAKER** : Jawapan jangan konfius sudah ye. Jawapan tepat. Saya bagi Sungai Pelek lah.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih, Tuan Speaker saya difahamkan ini modal insan, pembangunan modal insan saya difahamkan selain daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan pun ada Pusat-pusat Latihan dan saya difahamkan hanya *tickup rate* untuk Pusat-pusat latihan ini hanya sampai 30% sahaja. *Most of them* la, jadi apakah Negeri Selangor boleh *connect* , boleh berhubung dengan Kementerian-kementerian tersebut supaya ada peluang dan juga ruang untuk belia di Negeri Selangor untuk dekat di Pusat-pusat latihan tersebut. Apakah kita sudah bermula dengan perhubungan itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Sebenarnya soalan Yang Berhormat Sijangkang adalah berkaitan dengan Modal Insan. Manakala soalan tambahan adalah berkaitan dengan fasiliti sukan yang ada dalam Negeri kita. Yea memang kita mempunyai pelbagai kemudahan sukan tetapi, kemudahan ini dahulunya di bawah Jabatan Belia dan Sukan iaitu pada satu waktu dahulu dia tidak bersama-sama dengan kita. Sebab itulah *rate* Yang Berhormat Sungai Pelek yang dinyatakan itu rendah kerana tidak ada penglibatan Kerajaan Negeri dengan Jabatan Belia dan Sukan. Tetapi sekarang ini kita telah mula bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan termasuk dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk kita bangunkan industri sukan kita dalam Selangor kita dan kita akan gunapakai kemudahan-kemudahan yang ada di peringkat Negeri dan Daerah. InsyaAllah lepas daripada ini *rate* penggunaan akan lebih tinggi daripada apa Yang Berhormat Sungai Pelek nyatakan tadi.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI** : Tuan Speaker, terima kasih Tuan Speaker. Terima Kasih Yang Berhormat EXCO atas penerangan banyak program-program untuk meningkatkan lagi jati diri pada khasnya golongan remaja dan wanita di Selangor ini. Jadi saya terpanggilah nak bertanya pada YB EXCO adakah benda ini program ini pun Adun atau program di peringkat Negeri sahaja. Kalau dapat biarlah diagih kepada peringkat-peringkat Adun pastu kita rasa lebih sama dan saya menarik perhatian pada apa tadi Yang Berhormat Templer tadi mengatakan kita akan nilai-nilai murni akan meningkatkan lagi jati diri khususnya golongan muda mengenai rasuah, mengenai salah guna kuasa sebagainya. Saya harap apa yang diperkatakan oleh YB Templer tadi telah terjawab.. persekutuan ini memanglah ada badan pencuri, badan BPR.. rasuah ada BPR.. tak perlu pertikaikan benda-benda yang berlaku. Terima kasih.

**20 MAC 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat. Semenyih, Semenyih, Semenyih, Semenyih, Semenyih, Semenyih, Semenyih, Semenyih, Semenyih. Apabila Speaker tegur kena dengar, bukan terus cakap terus. Orang baru ini kena belajar jangan nak tunjuk hero di sini kena belajar satu persatu dulu. Kalau saya kata, YB tu tak boleh kena sebut Yang Berhormat. Macam tu ye caranya.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI** : Baik, saya belajar harini.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Sama ada melibatkan Adun-adun atau tidak memang kita mengalu-alukan dalam masalah sosial, dalam masalah gejala sosial dadah mahupun sukan kita tidak membezakan tidak ada keperbatasan politik. Jadi kalau Yang Berhormat Semenyih berminat untuk sama-sama dengan Kerajaan Negeri ada dua pilihan. Iaitu bekerjasama dengan kita dan kita juga punyai penyelaras DUN. Yea, saya baru nak sebut...Jadi, kedua-dua adalah bermatlamat, kita nak bekerjasama untuk memerangi gejala sosial.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Isi borang, isi borang

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya no. 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)**

Soalan No. 20 bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi program Tuisyen Rakyat Selangor pada tahun 2008 sehingga kini.
- b) Apakah kerajaan akan menggunakan kaedah baru untuk pelaksanaan program Tuisyen Rakyat Selangor?

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Speaker dan Rawang yang bertanyakan soalan berkenaan dengan Program Tuisyen Rakyat. Untuk jawapan A,

prestasi Program Tuisyen Rakyat Selangor dinilai dengan purata keputusan peperiksaan SPM ataupun Sijil Pelajaran Malaysia berdasarkan 5 tahun terkini seperti berikut, sebanyak 36.3% pelajar-pelajar yang mengikut Program Tuisyen Rakyat telah mendapat Gred A daripada keseluruhan, yang mendapat Gred B sebanyak 37.4% yang mendapat Gred C ialah 18.3% dan selebihnya kira-kira 7.5% mendapat Gred D dan E serta G ataupun gagal. Untuk Bahasa Inggeris 66% yang mendapat Gred A, 17.9% Gred B, 25.1% Gred C dan 27.6% mendapat Gred D. Manakala bakinya sekitar 22% atau 22.7% mendapat Gred E dan G. Untuk Sejarah 19.5% mendapat A, 27.2 % mendapat Gred B, 30.9% mendapat Gred C dan 13.4% mendapat Gred D selebihnya iaitu sekitar 9% mendapat Gred E dan G, dan untuk matematik 23.2%, 19.2% B, 23.2% adalah A tadi dan 22.8% mendapat Gred C, 17.9% mendapat Gred D, manakala 11.1% dan 5.9% masing-masing mendapat Gred E dan G. Berdasarkan analisa yang saya bacakan sebentar tadi, didapati bahawa jumlah pelajar yang lulus bagi semua mata pelajaran agak baik, dan jumlah pelajar yang mendapat gred gagal agak minima. Syarat wajib lulus mata pelajaran untuk layak mendapat sijil SPM adalah mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Berdasarkan graf ini didapati juga jumlah peratusan pelajar yang lulus bagi mata pelajaran ini agak tinggi jika dibandingkan dengan jumlah pelajar yang gagal. Oleh itu sebagai rumusan bolehlah saya katakan Program Tuisyen Rakyat Selangor sedikit sebanyak telah membantu pelajar yang lemah atau sederhana ini sekurang-kurangnya layak untuk mendapat Sijil Pelajaran Malaysia. Ahli Yang

Berhormat sekalian untuk soalan B, benar pada pensejajaran IPR, Program Tuisyen Rakyat akan diperkasakan. Di antara perkara pertama yang kita akan perkasakan ialah menambah jumlah bilangan pelajar yang akan mengikuti Program Tuisyen Rakyat. Bagaimana ia boleh berlaku sebab sebelum ini ia dianjurkan di waktu hujung minggu atau waktu malam di sekolah-sekolah yang disewa atau bangunan-bangunan yang disewa. Namun begitu Program Tuisyen Rakyat 2019 di bawah Malaysia Baru adanya kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, angka yang akan menerima manfaat daripada Program Tuisyen Rakyat daripada 6,000 orang diangkat menjadi 10,000 orang pada tahun 2019. Yang kedua, selain daripada empat mata pelajaran yang telah diajarkan Insyaallah Program Tuisyen Rakyat Tahun 2019 akan menambah satu lagi mata pelajaran dan dengan satu lagi mata pelajaran yang diangkat seperti Geografi itu akan membantu menaikkan graf-graf dan angka yang telah diberikan serta manfaat kepada pelajar-pelajar yang terbabit. Ahli Yang Berhormat sekalian, dengan tambah nilai Program Tuisyen Rakyat ini saya percaya ia akan memberi manfaat pertama kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan kerana Tuisyen Rakyat akan dilakukan di sekolah-sekolah secara langsung, yang kedua jumlah pelajar akan lebih ramai dan yang ketiga kalau berdasarkan trend yang ada sedia ada sekarang ini kita akan dapat meningkatkan kadar purata lulus di kalangan pelajar-pelajar di Negeri Selangor khususnya untuk peperiksaan SPM. Terima kasih.

**20 MAC 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Sungai Tua dan cuma saya nak tanya Yang Amat Berhormat Sungai Tua, apakah ada pegawai yang dikhususkan untuk menyelaras setiap ADUN dari segi pendaftarannya, apa sahaja yang berkaitan?

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Seri Setia. Dengan pertukaran format di antara masa sekarang dengan masa sebelum ini. Sebelum ini kita mendapat kekangan untuk masuk ke sekolah. Kali ini sekolah membenarkan program Kerajaan Negeri dianjurkan di sekolah. Jadi, kita telah menukar kibat pelaksanaan program ini daripada Pejabat Urusan DUN kepada sekolah-sekolah dan penyelaras akan diambil daripada sekolah-sekolah. Dan apa nasib kepada pegawai-pegawai itu? Pegawai-pegawai itu jangan bimbang kerana pegawai-pegawai terbabit kita akan cuba *absorb* untuk menjadi pegawai tambahan di pusat-pusat Khidmat DUN untuk menyelaras dan memperkukuhkan perkhidmatan Pusat Khidmat DUN. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT** : Terima kasih. Yang ni soalan tambahan. Macam mana Kerajaan Negeri Selangor hendak meng*identified* yang murid tersebut adalah yang tidak mampu? Adakah kita akan menggunakan data B40 atau kerjasama dengan sekolah?

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Pertamanya kita akan lihat daripada data di sekolah sebab di sekolah juga mempunyai penyata gaji bagi keluarga-keluarga yang memohon, itu yang pertama. Yang kedua, penumpuan juga diberikan kepada pelajar-pelajar yang lemah. Sebab apa kita *target* dalam 10,000? Sebab pada peperiksaan akhir tahun 2014 atau 2018, kita dapati ada 14,000 potensi anak-anak di Negeri Selangor yang kemungkinan gagal SPM berdasarkan kepada keputusan tingkatan empat. Jadi, bukan sahaja tangga gajinya, kita juga akan cuba lihat mereka yang lemah dan sangat lemah untuk dibantu dan paling tidak menganjak mereka ke arah pelajar cemerlang ataupun paling minimum pelajar-pelajar yang mendapat lulus dan sijil SPM dalam peperiksaan 2019. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Soalan tambahan saya ialah bilakah program di sekolah ini akan bermula dan saya jangka tak mungkin semua sekolah dapat

**20 MAC 2019 (RABU)**

melaksanakan program tuisyen percuma dengan hanya 10,000 pelajar. Jadi, macam mana sekolah akan dipilih untuk mengadakan program ini?

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Kita akan berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pendidikan Selangor sebab Jabatan Pendidikan Selangor akan memberikan jumlah pelajar-pelajar terbabit, kita akan mencari sekolah-sekolah tertentu dan program itu akan dibuat pada waktu petang. Jadi, pelajar-pelajar daripada sekolah berdekatan akan datang ke satu pusat ataupun di sekolah-sekolah tertentu yang dipilih terutama sekolah-sekolah yang mempunyai jumlah pelajar-pelajar berpotensi gagal ini untuk kita ambil dan kita letakkan. Bila akan bermula? *InsyAllah* program ini akan bermula sekitar April 2019. Jangan bimbang saya hendak beritahu pada Pusat-Pusat Khidmat DUN sebab di dalam program ini juga kita akan anjurkan program-program pemantapan jati diri di mana ada program pecutan akhir dan motivasi dan sebagainya dan pada waktu itu kita akan meminta ataupun berharap keterlibatan segala semua Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk memberikan semangat motivasi dan membina jaringan dengan pelajar-pelajar serta keluarga yang terbabit. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, nombor soalan 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : SISTEM ADUAN DAN PENYEMAKAN MASALAH INFRASTUKTUR  
ASAS YANG BARU**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar
- a) Adakah kerajaan akan mewujudkan satu cara yang baru supaya agensi kerajaan akan bertindak secara proaktif untuk menyelesaikan masalah tanpa menunggu aduan daripada rakyat?
  - b) Adakah kerajaan akan menimbangkan untuk melantik satu badan khasnya beronda untuk menyemak status infrastruktur asas?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Kembangan di atas soalan berhubung dengan sistem aduan dan penyemakan masalah infrastruktur. Yang Berhormat Seri Kembangan ingin mengetahui sama ada kerajaan akan mewujudkan satu cara baru dalam penyelesaian yang lebih proaktif dalam menyelesaikan masalah infrastruktur. Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan infrastruktur

sentiasa mengambil berat terhadap isu-isu berkaitan infrastruktur asas terutamanya berhubung dengan rangkaian jalan dan sistem pengairan dan saliran. Selain daripada perancangan jangka panjang yang dibuat oleh jabatan-jabatan yang berkaitan antara langkah-langkah proaktif lain yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut. Yang pertama, Jawatankuasa di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Asas kita telah mewujudkan Jawatankuasa Penyelaras Infrastruktur yang dianggotai oleh JKR, JPS, pihak PBT dan juga Pejabat-Pejabat Daerah iaitu empat jabatan agensi utama yang terlibat dalam urusan jalan dan juga saliran dan juga pihak UPEN yang bertujuan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan sistem saliran. Ini untuk jalannya adalah diketuai atau *lead agency* nya JKR. Ini bertujuan utama yang utamanya ialah memastikan inventori jalan dan saliran termasuk kolam tebatan banjir diuruskan dengan baik dan berkala. Bengkel khas bengkel-bengkel khas telah diadakan dan lawatan kerja ke daerah-daerah telah dibuat bagi menyelaras kerja-kerja ini dan telah dibuat yang untuk pertama kalinya di Daerah Klang pada 11 Februari 2019 dan juga Daerah Petaling pada 12 Mac yang lalu. Yang keduanya ialah Jawatankuasa Bertindak Banjir yang juga ada mesyuarat secara berkala bertujuan untuk bukan sahaja memastikan tahap kesiap sediaan banjir di Negeri Selangor tapi juga melihat kepada urusan infrastruktur yang berkaitan infrastruktur termasuklah sistem tebatan banjir bagi sentiasa kita proaktif dalam pelaksanaannya. Yang ketiga ialah yang terbaru kita telah wujudkan iaitu Jawatankuasa Bertindak Jalan Berlubang kerana kita dapati *pothole* ini, jalan berlubang in merupakan isu yang besar yang telah berlaku dan kita telah menyelaras aduan-aduan dan tindakan berhubung dengan jalan berlubang. Dan ini selain daripada pihak agensi dan jabatan yang saya sebutkan tadi, ia juga dianggotai oleh pihak *Smart Selangor Delivery Unit* melalui SSDU Inovation Sdn. Bhd. yang mengusahakan sistem *Intelligent Response Selangor* (IRS) bagi menyelaras aduan dan juga kerja-kerja berkaitan dengan jalan berlubang. Saya ingin maklumkan di sini juga bahawa sistem aduan ini adalah penting dan perlu juga diteruskan kerana cuma yang perlu dibuat adalah menyelaraskan aduan-aduan yang diterima kerana aduan diterima banyak bukan sahaja melalui IRS dan juga diterima melalui media sosial dan e-mel dan juga melalui jabatan-jabatan sendiri mempunyai kaedah yang tersendiri. Ini yang kita cuba susun untuk pastikan ia lebih teratur dan pelaksanaannya dapat dibuat dengan baik. Dan atas sebab itulah Kerajaan Negeri merasakan tidak perlu dan tidak ada perancangan untuk melantik satu badan khas yang pasukan peronda contohnya untuk tujuan menangani aduan ini kerana di pihak agensi jabatan pun mereka mempunyai pasukan rondanya mereka yang tersendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO tentang jawapan yang diberikan tadi tapi apa yang saya ingin tanya adalah kita ada banyak sistem aduan. Ada STARS, ada *social media* dan PBT juga mempunyai sistem aduan tersendiri dan sebagainya. Dan juga kita telah kerjasama dengan *Waze* untuk memberi *feedback* daripada aduan daripada pengguna jalan. Adakah kerajaan akan mewujudkan satu ataupun melantik satu agensi ataupun pihak untuk kita sendiri, kerajaan kita berlaku sebagai proaktif untuk menyemak ataupun

mencari masalah yang berlaku di jalan raya ataupun longkang dan sebagainya supaya kita tidak menunggu penduduk ataupun rakyat memberi aduan kepada kita. Kita buat sendiri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Seri Kembangan. Itu yang saya sebutkan tadi yang berhubung dengan IRS ini lebih tumpuannya ialah kepada masalah ataupun isu jalan berlubang. Tapi isu di jalan raya ini ataupun di infrastruktur asal termasuk sistem saluran bukan sahaja melibatkan jalan berlubang. Ia lebih banyak lagi isu aduan yang diterima dan dalam pemantauan saya dan juga pertemuan saya adalah didapati bahawa sebahagian besar aduan ini kita boleh uruskan kalau kita mengambil langkah proaktif yang lain termasuk penyelarasan inventori kerana didapati bahawa di dalam bila saya turun dan menemui pihak yang terbabit contohnya ada jalan-jalan semalam pun disebut dalam perbincangan di mana ada jalan yang tidak ada tuan. Dibina tapi tidak ada yang menguruskan selepas itu kerana dibina di atas tanah-tanah persendirian. Dan begitu juga longkang, ada yang di kawasan-kawasan yang longkang yang tidak diuruskan kerana tidak tahu siapa yang sepatutnya menguruskan. Ini antara yang saya sebut tadi penyelarasan dulu. Kita buat penyelarasan dulu di bawah Jawatankuasa Infra ini kerana hendak selaraskan dan boleh mengurangkan aduan berhubung dengan infrastruktur. Selain daripada itu, aduan tetap akan ada, akan wujud dan sebab itu dalam pertemuan pertama itu yang *pothole* itu ataupun jalan berlubang, kita telah menyelaraskan dan sedang dalam proses lagi untuk menyelaraskan lagi lebih baik lagi supaya kita *centralisedkan*, kita pusatkan aduan ini supaya lebih teratur tindakan susulan kita. Tapi untuk aduan-aduan lain yang berkaitan dengan infra itu kita belum lagi melihat bagaimana kaedah sekarang ini masih lagi menggunakan melalui agensi-agensi yang ada. Kemungkinan di hadapan ini, selepas kita selesaikan isu *pothole* ini kita mungkin akan melihat juga tindakan-tindakan lain yang boleh lebih proaktif dan lebih tersusun. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih. Saya cukup faham kita perlu buat penyelarasan siapa tuan kepada setiap jalan dan longkang tersebut tapi sementara kita buat penyelarasan, apa susahnya kita melantik satu pasukan untuk meronda, untuk mencari masalah terlebih dahulu? Jangan kita tunggu sampai rakyat buat aduan baru kita *addressed that* aduan. Kita kena cari lubang jalan, kita cari lampu yang tidak berfungsi sebelum rakyat buat aduan. *So, all the assets* JKR yang sudah kenal pasti tuannya, *why not* kita jalan terlebih dahulu buat pemantauan?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Bukit Gasing. Bukit Gasing dia minat tentang infra ni. Selalu soalan infra. Dan sebagaimana saya sebut tadi, sebenarnya agensi atau PBT, pihak JKR, JPS mereka memang mempunyai pasukan ronda mereka tersendiri. Cuma kita tidak pusatkan. Saya dulu Ahli Majlis 10 tahun. Memang kita ada. Cuma aduan ini di kemampuan mereka untuk mendapatkan 100% masalah infra ini adalah satu perkara yang hampir agak mustahil. Kalau kita nak kata tidak ada inventori mereka sendiri tentang masalah-masalah rakyat ini sama ada melalui Ahli Majlis, melalui Pegawai Daerah, pegawai kawasan masing-masing adalah

**20 MAC 2019 (RABU)**

satu perkara yang tidak benarlah. Memang ada, cuma tidak diselaraskan. Ini yang hendak kita sebut tadi diselaraskan. Sebab di pihak PBT ada pasukan ronda mereka, di peringkat JKR pun ada, peringkat JPS pun ada. Cuma kita buat penambahbaikan untuk *dicentralisedkan* supaya dapat kita lihat dan dapat kita pantau. Saya bagi contoh, macam jalan. Kita tahu berapa ratus atau ribu aduan jalan ini tapi tidak ada yang memantau dari segi penurunan ataupun secara harian, ataupun secara mingguan. Ada tak penurunan ataupun tempat-tempat yang kata berlubang itu bila kekerapan dia berlaku? Ini antara perkara-perkara yang kita perlu selaraskan untuk penambahbaikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing tambah sikit.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Sedikit sahaja. Mungkin saya boleh tanya soalan tu berapa beza peratus antara bilangan aduan sebulan daripada orang awam dan berapa bilangan masalah yang dijumpai oleh pasukan peronda kita? Yang tadi Yang Berhormat EXCO kata telah wujud tapi kami tak pernah temui mereka sebelum ini. *So, first time* kami dapat tahu mereka wujud. Mungkin boleh beritahu mungkin adakah 50-50 ataupun apa *balance*? Dan kalau tak dapat jawab hari ini mungkin secara bertulis.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Dan itu soalan agak spesifik, soalan daripada Bukit Gasing. Saya amat hairan sebab Yang Berhormat dulu adalah Ahli Majlis juga di MPSJ. Saya yakin tentu tahu bahawa mereka mempunyai *database* ataupun maklumat berhubung dengan masalah-masalah infrastruktur di kawasan masing-masing. Jadi, saya rasa data itu ada. Saya tidak boleh bagi secara khusus hari ini. Saya akan dapatkan maklumatnya secara detail tapi saya tetap menegaskan bahawa kita di jabatan dan juga agensi yang terbabit memang mempunyai rekod tentang masalah infrastruktur di kawasan atau bahagian masing-masing. Mungkin tidak lengkap dan walaupun lengkap saya tetap yakin aduan masih kita perlukan untuk memastikan bahawa kita terus melaksanakan isu-isu yang timbul dalam masalah infrastruktur. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Taman Templer.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Ramal.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Soalan saya nombor 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Tidakkah Kerajaan Negeri bercadang mewajibkan Pihak berkuasa Tempatan mengadakan sesi "townhall meeting" terbuka kepada pihak awam secara berkala sebagai satu usaha untuk meningkatkan prestasi dan kepekaan mereka dalam menyelesaikan masalah rakyat?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Sungai Ramal. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri menyambut baik akan cadangan Yang Berhormat Sungai Ramal agar Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan sesi *Townhall Meeting* terbuka kepada pihak awam secara berkala. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesi *Townhall Meeting* telah pun dilaksanakan oleh PBT Negeri Selangor bagi mendengar masalah setempat dan pandangan umum berdasarkan isu dan keperluan semasa. Sebagai contoh pada tahun 2018, MPAJ dan MBSA telah mengadakan *Townhall Budget* 2019. MP Sepang pula mengadakan sesi *Townhall* bersama komuniti zon dan MPS pula mengadakan sesi *Townhall* bersama Ahli Majlis di kawasan zon masing-masing. Selain itu, PBT juga telah mengambil inisiatif lain dengan mengadakan Program Hari Bertemu Pelanggan bagi mendekati penduduk setempat secara terus bersemuka dan memberi peluang kepada orang ramai dan pihak berkepentingan atau *stake holder* untuk menyalurkan aduan, komen dan saranan untuk penambahbaikan perkhidmatan PBT. Bagi menambah baik sistem penyampaian PBT, bagi tahun 2019 Kerajaan Negeri telah memutuskan agar PBT berstatus Bandaraya memperuntukkan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Juta dan PBT berstatus Perbandaran sebanyak 1 juta ringgit melalui program komuniti *engagement*. Program ini adalah salah satu usaha untuk meningkatkan penglibatan komuniti setempat di dalam satu projek atau program. Dengan program ini PBT dapat memastikan peranan dan pandangan komuniti turut diambil kira dalam sesuatu projek atau program. Di samping itu, pembentukan jawatankuasa penduduk di setiap zon di PBT masing-masing juga merupakan satu platform yang kolektif terhadap isu-isu tempatan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Ramal.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** Terima kasih, sedikit soalan tambahan. Daripada contoh yang diberikan tadi itu tidak termasuk PBT di mana saya berada iaitu Majlis Perbandaran Kajang. Jadi mungkin sebab itu saya timbulkan persoalan ini kerana mungkin tiada arahan atau pemantauan daripada pihak EXCO untuk memastikan semua PBT melakukannya. Kami daripada pihak ADUN merasakannya kerana terlalu banyak aduan yang diterima oleh Pejabat ADUN menandakan bahawa rakyat kurang yakin kepada kemampuan pihak PBT untuk melayan aduan-aduan mereka. Sebab itulah timbulnya sesi *Townhall* ini dan saya harap ada pemantauan kepada semua PBT untuk melakukannya. Terima kasih.

## 20 MAC 2019 (RABU)

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Seperti apa yang telah saya jawab tadi, cadangan untuk mengadakan sesi *Townhall Meeting* terbuka adalah satu cadangan yang baik dan kami akan cuba usahakan untuk mengadakan lebih banyak *Townhall Meeting* di setiap PBT.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 23.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR (N05 HULU BERNAM)**

#### **TAJUK : PELABURAN TEMPATAN**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi pelaburan tempatan di Selangor pada 2016?
- b) Nyatakan bidang-bidang pelaburan yang diberi penumpuan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, bagi tahun 2016, saya tidak tahu kenapa Yang Berhormat Hulu Bernam berminat dengan perangkaan 2016. Bagi tahun 2016 Negeri Selangor merekodkan jumlah nilai pelaburan sebanyak 7.8 bilion ringgit dengan 242 projek perkilangan yang diluluskan. Daripada nilai ini sebanyak 4.52 bilion ringgit adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak 3.35 bilion ringgit daripada pelaburan asing. Sebanyak 16,427 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan dan antara bidang-bidang industri utama yang diberi penumpuan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

- 1) Elektrik dan Elektronik.
- 2) Peralatan Pengangkutan
- 3) Sains Hayat
- 4) Makanan dan Minuman
- 5) Mesin dan peralatan.

## 20 MAC 2019 (RABU)

Daripada bidang-bidang industri utama di atas, beberapa industri telah dikenal pasti untuk diberi tumpuan seperti berikut :

- 1) E–Commerce
- 2) Bioteknologi
- 3) Aeroangkasa
- 4) Industri Halal.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Soalan tambahan. Terima kasih. Saya ingin bertanya adakah pelaburan tempatan ini melibatkan tenaga kerja tempatan atau hanya daripada golongan profesional yang dilantik oleh syarikat pelaburan berkenaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Dalam bidang perkilangan kebanyakannya pekerja adalah pekerja tempatan ataupun pekerja asing tapi yang melibatkan profesional tidak begitu banyak kerana kebanyakan syarikat itu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan di mana sekurang-kurangnya 70% hingga 80% hendaklah pekerja tempatan.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan Ijok nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : KEHADIRAN ADUN DI MESYUARAT MAJLIS PBT**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apa pandangan Kerajaan Negeri terhadap perkara ini?
- c) Bolehkah arahan ini ditukar supaya mesyuarat lebih efektif?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Seksyen 23, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah menyatakan bahawa, semua mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai dan kepada wakil akhbar melainkan jika selainnya diputuskan oleh pihak berkuasa tempatan itu dengan ketetapan. Selaras dengan peraturan tersebut, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui surat bertarikh 21 November 2018 telah memohon agar semua PBT di seluruh Malaysia memberi kebenaran dan menggalakkan Ahli Parlimen dan ADUN untuk menghadiri Mesyuarat Penuh PBT sebagai pemerhati. Kerajaan Negeri menyambut baik akan saranan YB Menteri KPKT. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri juga berpandangan bahawa ia harus dilaksanakan mengikut ketetapan memandangkan Kerajaan Pakatan Harapan memegang teguh prinsip pengasingan kuasa dan ia terbukti sejak tahun 2008 apabila tiada lagi ADUN yang akan menyandang jawatan ahli majlis di PBT pada masa yang sama. Sedar akan peranan penting wakil-wakil rakyat yang membawa suara rakyat, Kerajaan Negeri telah memutuskan agar setiap PBT Negeri Selangor melaksanakan program komunikasi dua hala secara berkala di antara PBT dengan wakil rakyat termasuk wakil rakyat pembangkang sebagai langkah untuk memperkasa medium sedia ada bagi membincang dan menyelesaikan pelbagai isu di kawasan ADUN dan Ahli Parlimen masing-masing. Di samping itu, Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan sikap keterbukaan dan *inclusive* akan meneliti satu pendekatan serta kaedah yang lebih komprehensif bagi meluaskan penglibatan wakil-wakil rakyat dalam isu tempatan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat EXCO. Banyak aduan kawasan selalu yang jadi mangsa dapat ausmen aduan ADUN. Jadi kalaulah ADUN hadir di Mesyuarat Majlis sebagai pemerhati sahaja, ini bagaimana kita nak melaksanakan, mengatasi masalah-masalah di kawasan, sebab saya ada hadir ke Mesyuarat Majlis satu dua kali yang saya pergi sana cuma kita dengar sahaja, kita nak beri pendapat tidak boleh. Bukan apa, dalam sesuatu PBT kalau ada keputusan misalnya nak meluluskan kawasan industri berdekatan dengan perumahan yang dapat tempas aduan adalah penduduk kepada ADUN bukan Ahli Majlis. Itu sebab, bolehkah ini soalan kepada Yang Berhormat EXCO dan juga Kerajaan Negeri Selangor tukar peraturan ini supaya Selangor *take the lead*. *At least* kita boleh menjalankan menguruskan masalah di PBT dengan secara efisien.

Soalan kedua, saya tahu ini soalan sensitif. Sebelum merdeka dulu Malaysia dalam Kabinet dilantik dan unsur dipilih. Mungkin kita mendahului kerajaan-kerajaan negeri lain, ahli-ahli majlis di PBT separuh dilantik dan separuh dipilih. *At least*.

**TUAN SPEAKER** : Sila ringkaskan soalan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Itu soalan saya boleh ke kita?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Ya, saya akan jawab soalan kedua dahulu. Yang soalan kedua itu tentang Pilihanraya Kerajaan Tempatan, kita memang sokong sangat dengan adanya Pilihanraya Kerajaan Tempatan. Kita masih menunggu keputusan daripada kementerian KPKT kerana saya juga difahamkan bengkel-bengkel berkenaan pilihan raya kerajaan tempatan telah diadakan selagi keputusan belum dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan selagi akta-akta yang sedia ada belum dipinda kerajaan Negeri Selangor tidak dapat melaksanakan pilihan raya kerajaan tempatan. Tetapi pendirian kita adalah kita menyokong Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Bagi soalan yang kedua, Yang Berhormat perlu rujuk kepada akta yang sedia ada, akta seperti yang saya sebut tadi seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang jelas menyatakan, Ahli Majlis yang boleh buat keputusan dalam segala permohonan di dalam PBT. Sebagai seorang wakil rakyat, ADUN ataupun Ahli Parlimen, saya fikir tiada masalah sekiranya ADUN-ADUN ataupun Ahli Parlimen ingin memberi pandangan atau cadangan terhadap segala permohonan yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan tetapi keputusan itu hanya boleh dibuat oleh ahli mesyuarat iaitu Ahli Majlis yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor dan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ijok, *Selangor has to take the lead, and we took the lead*. Pada tahun 2008, kita mengamalkan pengasingan kuasa. Kita tidak mahu kuasa ini disalah guna. Oleh itu, ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh menjadi Ahli Majlis kerana kita mengamalkan pengasingan kuasa. Sekiranya ahli-ahli Yang Berhormat ada isu, boleh terus sampaikan kepada Ahli Majlis daripada parti masing-masing ataupun daripada parti yang lain. Saya percaya dengan ada komunikasi yang lebih kerap kita dapat selesaikan masalah-masalah tempatan. Saya juga baru terima satu surat daripada Yang Berhormat Jeram. Yang Berhormat Jeram juga membangkitkan masalah yang sama, saya setuju kita perlu meluaskan penglibatan ahli-ahli Yang Berhormat dalam isu-isu tempatan tetapi perlu melalui *proper channel*. Sekian terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Terima kasih. Saya mendengar tadi EXCO menyatakan bahawa ADUN Pembangkang juga dijemput untuk menghadiri mesyuarat PBT, ini suatu perkara yang amat dialukan supaya kita bukan menjadi pemerhati tetapi merupakan juga sebagai *check and balance* dengan izin untuk di dalam PBT berkenaan. Apakah ada surat jemputan atau sebagainya untuk kami menghadiri mesyuarat PBT, kerana sebelum ini belum ada. Tetapi saya ingin mengalu-alukan satu perjumpaan yang telah diadakan oleh YDP Majlis Daerah Hulu Selangor yang sangat-

**20 MAC 2019 (RABU)**

sangat baik, yang mana dia menjemput semua ADUN sama ada pembangkang ataupun yang kerajaan, kita duduk bersama untuk menyelesaikan masalah rakyat. Saya mengucapkan tahniah kepada Majlis Daerah Hulu Selangor. Terima kasih dan apakah diamalkan oleh semua Majlis Daerah.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Ya, Kerajaan Negeri Selangor telah ...

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan Speaker, perkara yang baik kita cakap perkara yang baik, tiada masalah. Itu sebab kita *check and balance*. Sebab itu saya kata kalau dibuat jemputan kepada ADUN-ADUN Pembangkang, kita sedia dan ..

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Tu kena ada kad tu..

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Suara Ijok tadi mengatakan boleh juga kita jadi sebagai mencadangkan beberapa perkara dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih atas pujian daripada Yang Berhormat Hulu Bernam. Saya juga berharap Hulu Bernam boleh menyampaikan mesej ini kepada negeri-negeri pembangkang seperti Pahang dan Perlis juga menjemput ahli-ahli Pembangkang turut setia dalam semua mesyuarat di PBT. Kerajaan Negeri memang telah memberi arahan kepada semua PBT di Negeri Selangor untuk menjemput semua ahli-ahli terhormat termasuk pembangkang untuk menyertai mesyuarat penuh bulanan. Dan selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga meminta PBT untuk mengadakan pertemuan bersama wakil rakyat secara berkala. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Berkaitan dengan program dialog dua hala, selain daripada ADUN adakah penyelaras DUN ada cadangan untuk turut dijemput dalam mesyuarat tersebut? Saya rasa dengan itu dapat memantapkan lagi kerja-kerja penyelaras DUN. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih atas cadangan.

**TUAN SPEAKER** : Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya ke 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : HASIL DAN KUTIPAN CUKAI TANAH**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bandingkan prestasi kewangan dan kutipan cukai khususnya kutipan cukai tanah dan premium Kerajaan Selangor, khususnya notis 5A dan 7G pada suku pertama 2019 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2018.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Ahli Yang Berhormat yang saya yang bertanyakan soalan daripada Banting. Pertama berkenaan ada satu soalan sahaja tetapi ada dua kompartmen. Pertama menyentuh tentang prestasi kutipan cukai tanah dan cukai petak dan yang kedua berkenaan dengan premium.

Pertama untuk cukai tanah dan cukai petak bandingan di antara Februari 2018 dengan 2019. Pada 28 Februari 2019 kutipan sebanyak RM82,243,329.16 telah berjaya dikutip untuk kutipan cukai semasa dan juga cukai petak di Negeri Selangor. Manakala pada tempoh yang sama pada tahun 2018 sebanyak RM151,307,171.70 telah dikutip dan ini menunjukkan adanya penurunan sebanyak RM69.063 juta. RM69.063 juta sehingga Februari ataupun 28 Februari 2019 berbanding apa yang telah dikutip pada tahun 2018. Untuk kutipan premium meliputi Notis 5A dan 7G, sehingga 28 Februari 2019 kutipan adalah sebanyak RM189,430,435.82 ataupun yang meliputi 17.7 peratus daripada sasaran-sasaran yang telah ditetapkan di pejabat-pejabat daerah.

Manakala pada masa yang sama 2018, jumlah premium yang dikutip dalam Notis 5A dan 7G yang telah dikutip adalah sebanyak RM97.44 juta ringgit Malaysia ataupun pada paras tersebut sekitar 6.7 *percent* sahaja dan ini menunjukkan kutipan premium menunjukkan peningkatan sebanyak 11 peratus pada tahun 2019 berbanding kutipan pada tahun 2018. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan. Terima kasih. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar apakah prestasi kewangan yang ditunjukkan oleh jawapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi menunjukkan adalah satu fenomena yang berkekalan ataupun punyanya hanya setakat fenomena ataupun yang berbentuk penyelarasan yang mana kita sekiranya boleh mengatasi masalah ini sekiranya kita meneruskan dasar-dasar Kerajaan Negeri yang sedia ada untuk memastikan *e-claim* dan juga keyakinan pelaburan dan juga sentimen tu tambah positif pada masa-masa yang akan datang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Kalau diukur daripada kutipan-kutipan cukai sebenarnya di pihak pejabat-pejabat daerah kita terutamanya di pejabat-pejabat daerah yang sudah mempunyai kawasan yang luas dan besar. Kutipan-kutipan cukai semasa mereka boleh dikatakan sekitar 80 hingga 90 peratus untuk kutipan-kutipan tersebut. Yang sedikit lemah sebelum ini ialah kutipan untuk cukai-cukai tertunggak. Sebab itu saya lihat secara puratanya saban bulan kalau dilihat daripada kutipan cukai semasa secara puratanya kita telah mengutip 15 peratus sepanjang dua bulan pertama iaitu

**20 MAC 2019 (RABU)**

sekitar 7 hingga 8 peratus pada tiap-tiap bulan dan kalau kadar ini dikekalkan saya percaya kita boleh mencatatkan keputusan yang agak baik sampai di hujung tahun dan ini adalah prestasi-prestasi biasa kalau kita lihat kepada kutipan cukai-cukai semasa.

Namun begitu, apa yang sedikit melegakan kita ialah kutipan premium pada tahun lepas kutipan premium agak perlahan terutamanya di dalam enam bulan pertama kerana pada masa tersebut adanya pilihan raya dan sebagainya, so dalam keadaan *cord uncord* ataupun tanda kutip *uncertain* itu wujud kerana kebimbangan keputusan dan sebagainya akhirnya keputusan-keputusan pembangunan di beberapa kawasan-kawasan ditangguhkan untuk enam bulan kedua dan kadang-kadang di bawa untuk tahun 2019. Sebab itu ia menjawab terhadap kenapa kutipan hasil premium kita meningkat sekitar 11 peratus kerana ada beberapa keputusan-keputusan pembayaran premium dibawa pada tahun 2019 kerana perancangan dan keadaan yang berbeza ataupun suasana politik dan suasana semasa yang menjurus kepada keadaan tersebut.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih Tuan Speaker. Dalam keadaan ekonomi yang tidak tertentu dan sebagainya rakyat memerlukan usaha Kerajaan dalam keadaan yang baik tak perlu lah. Swasta *i mean private sector* mereka boleh menguruskan semua isu-isu ekonomi. Jadi bagi Selangor apakah pandangan Yang Berhormat Banting kalau Kerajaan Selangor

**TUAN SPEAKER :** Kenapa Yang Berhormat Banting? (Ketawa). Apa pandangan Yang Berhormat Banting? Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar lah. Ya. Sila perbetulkan.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Ok. (Ketawa). No...No... sabar-sabar. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam perkara ini. Ok.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat, saya rasa kita tak bincangkan bagaimana *spending* dan juga rancangan fizikal. Sekarang nak bincang kutipan cukai tanah ni. Jadi kalau soalan ini agak jelas terpencong dah ni.

**TUAN SPEAKER :** Tak perlu jawab. Sila duduk. Saya bagi lain. Bagi Banting dulu. Ya. Sebab Sungai Pelek dia asyik pelik.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Dato' Menteri Besar satu soalan yang *simple* sahaja. Adakah ini memberi satu penjelasan bahawa segala tohmahan dan fitnah yang dilemparkan kepada Kerajaan Pakatan Harapan kononnya bahawa kita tidak pandai dalam mengurus ekonomi bahawa ekonomi di bawah Pakatan Harapan merudum. Kutipan cukai pun merosot dan sebagainya bahawa kesemua tohmahan dan fitnah itu pada awal permulaan pada

**20 MAC 2019 (RABU)**

permulaan pentadbiran kita sebagai kerajaan adalah satu gambaran negatif yang disengajakan kerana sekarang ini kita saling melihat ada trend perkembangan positif kutipan premium sudah bertambah. Ini menunjukkan bahawa permohonan ataupun transaksi tanah ni menunjukkan peningkatan dan mungkin akan menunjukkan peningkatan. Jadi adakah saya boleh membuat *interpretation* begini rupa bahawa tohmahan itu sebenarnya disengajakan tetapi sekarang telah pun bertambah baik.

**TUAN SPEAKER :** Soalan-soalan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan saya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Banting. Sudah pasti kerja Pembangkang ialah mencari kelemahan ataupun mencipta persepsi kelemahan kepada Kerajaan. Namun secara realiti dan faktanya selepas tarikh 9hb. Mei perkara yang sangat positif dapat dilihat ialah kepada iklim pelaburan. Pelaburan yang telah ditunjukkan dan juga hasil yang ditunjukkan di Negeri Selangor sehingga kita mampu mengutip lebih 200 peratus pencapaian pelaburan berbanding 2018 adalah satu bukti bagaimana pelaburan-tempatan dan juga asing yakin terhadap pentadbiran yang sedia ada terutamanya di Negeri Selangor yang sudah pasti kita mengambil peluang daripada keyakinan tersebut kerana kita mempunyai infrastruktur dan juga pelan-pelan yang telah terbangun sekian lama.

Dan saya setuju dengan pandangan Banting bahawa memang ada persepsi-persepsi itu namun bagi pihak Kerajaan yang pentingnya kita harus menjelaskan fakta dan penjelasan kepada rakyat supaya rakyat dapat memahami dan dapat melihat memang setiap perubahan yang berlaku pengalaman kita 2008 pasti ada sedikit ketidakfahaman atau kurang keyakinan tetapi saya yakin daripada masa ke semasa dan bukti telah ditunjukkan kali ini dengan peningkatan premium sehingga 11 peratus dan kerana adanya pelaburan-pelaburan baru tempatan dan asing di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker. Kita dengar tadi daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa jumlah kutipan kita terkini menurun berbanding dengan tahun semasa menurun berbanding dengan tahun yang lalu. Cukai tanah ya. Saya dapat, saya sendiri membayar cukai tanah pada tahun ini dan tahun lepas dan saya dapati saya dimaklumkan bahawa pada tahun ini bil-bil cukai tanah ini tidak dapat dihantar pada seperti masa kebiasaan disebabkan oleh masalah sistem. Saya tidak tahu sama ada daerah Kuala Langat sahaja ataupun seluruh Negeri Selangor dan saya kira kalau kita mengatakan bahawa kita negeri yang maju dan saya ingat bukan itu sahaja. Malah pada tahun lalu juga saya menghadapi masalah sistem untuk mengambil nombor giliran, bermasalah dan tahun ini juga masih lagi bermasalah. Mungkin ada jawapan daripada pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Saya akui masalah ini bukan hanya di Kuala Langat. Saya turut mendapat aduan daripada Petaling dan sebagainya. Sekarang ini pihak Pejabat Tanah dan Galian sedang mengemaskini sebab yang nyatanya ada sedikit kekeliruan di antara jumlah bayaran dengan bil yang dikeluarkan dan kita sedang meneliti untuk mengemaskini dan saya kira itu antara faktor yang menyebabkan kenapa kutipan itu berlaku masalah-masalah terutamanya berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Namun begitu, beberapa daerah sebagai contoh adalah daerah Petaling ya telah mampu mengutip sehingga 34 peratus daripada sasaran kutipan mereka dan walaupun ada sedikit masalah yang berlaku terutamanya di awal Februari sampai sekarang sebagaimana yang disebut oleh Sijangkang adanya kutipan-kutipan hasil yang masih lagi boleh lagi dianggap kontrak yang mana kita boleh mencatatkan kutipan 90 peratus sebagaimana pelaksanaan setelah pelaksanaan e-tanah di Negeri Selangor beberapa tahun yang lalu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Terima kasih kepada Tuan Speaker, soalan saya No. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : AGRO-PELANCONGAN DI MERU**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai plan khusus untuk menjadikan Meru sebagai hub agro pelancongan, kesenian dan sukan di Selangor?

**JAWAPAN:**

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Meru, Tuan Speaker. Pada masa ini Meru terutama sekali kawasan Kampung Bukit Kapar sangat terkenal dengan pelbagai aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan tradisional seperti permainan gasing pangkah, persembahan muzik cempuling serta amalan seni silat Melayu tradisional yang dilihat berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan tempatan bagi menarik pelancongan untuk datang ke kawasan ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri kini dalam usaha untuk melakar plan khusus untuk Meru. Satu kajian terperinci yang mengambil kira pelbagai aspek pembangunan setempat perlu dijalankan bagi

**20 MAC 2019 (RABU)**

menilai tahap kesesuaian secara keseluruhan sekiranya kawasan Meru ini ingin dibangunkan sebagai salah satu produk pelancongan di Selangor.

Di dalam hal ini Kerajaan Negeri akan bekerjasama erat dengan pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi mengenal pasti setiap cadangan pembangunan yang diterima adalah bersesuaian terutama sekali dari segi penyediaan infrastruktur, logistik, status tanah serta yang paling utama penyediaan dan kuota produk-produk pelancongan yang sedia ada berpotensi sebelum melaksanakan sebarang cadangan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : No. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PUSAT REKREASI BNO**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menaik taraf pusat rekreasi di Pantai BNO sebagai pusat tarikan pelancongan dengan membangunkan prasarana di sekitar kawasan tersebut?

**JAWAPAN:**

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI** : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Tuan Speaker. Pantai Bagan Nakhoda Omar yang turut dikenali sebagai gelaran Pantai BNO merupakan salah satu produk pelancongan yang terdapat di daerah Sabak Bernam. Kerajaan Negeri senantiasa memantau dan melihat peluang dan ruang baru untuk menaik taraf produk pelancongan negeri sedia ada. Walau bagaimanapun buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum merancang untuk membangun prasarana di sekitar kawasan Pantai BNO memandangkan kedatangan pelancong di kawasan ini masih belum berdaya saing untuk dipertimbangkan sebagai pusat pelancongan terutama negeri. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri berpandangan infrastruktur dan kemudahan sedia ada di Pantai BNO adalah mencukupi buat masa.

Bagaimanapun sebarang cadangan yang dikemukakan Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian untuk menaik taraf pusat rekreasi di Pantai BNO dan satu kajian perlu diperhalusi terlebih dahulu. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Majlis Daerah Sabak Bernam dan Tourism Selangor untuk mengenal pasti dan meneroka potensi-potensi Pantai BNO ini dari masa ke semasa terutama sekali dari segi kekuatan dan tarikan pelancong utama yang boleh ditonjolkan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan Tambahan. Terima kasih Tuan Speaker. Adakah Kerajaan Negeri sekarang sedar ada satu kelong yang dibina BNO sebagai satu daripada tarikan pelancongan dan juga pusat rekreasi. Sungai Burong ingin bertanya sejauh manakah, apa ni kelong ini dapat menarik pelancongan dan apakah langkah-langkah sekiranya ingin lagi menjadikan kawasan BNO ini lebih menarik, menambahbaikkan tarikan pelancong melalui apa orang kata pembangunan ataupun tarikan kelong yang ada di sana.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI** : Terima kasih Yang Berhormat. Saya dimaklumkan bahawa pembangunan kelong ini ada beberapa masalah sedikit dari segi pentadbirannya dan *management* dan sekarang Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk membaik pulih keadaan yang sedia ada dan saya sendiri telah pun melihat tempat kelong ini dan telah melawat serta duduk di situ. Dan saya lihat amat berpotensi untuk dibangunkan dan diteruskan usaha untuk menarik pelancong ke kelong ini. Dan sekarang ini satu usaha sedang dijalankan untuk membaik pulih keadaan kelong yang agak yang dikatakan sudah terbiar begitu lama dan akan dibaiki pulih untuk di perkenalkan kepada pelancong-pelancong di masa hadapan.

**TUAN SPEAKER** : Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R. GEORGE** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya No. 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN DAN KECERIAAN**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyusun dan membangunkan semula DUN Sentosa lebih kemas dan tersusun serta sistematik terhadap pembangunannya ?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri serta status mengenai tanah-tanah Kerajaan Negeri yang di bangunan secara haram tanpa kelulusan pihak berkuasa ?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Amalan pembangunan di Taman Sentosa adalah berdasarkan kaedah *piecemeal development* selaras dengan tanah-tanah majoriti yang dimiliki oleh individu. Kaedah ini tidak berdasarkan Pelan Komprehensif yang menyeluruh dan lebih secara *ad hoc development*. Hasilnya pembangunan tidak menyediakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang lengkap dan memenuhi kehendak penduduk. Oleh yang demikian satu Pelan Induk jangka panjang melalui Rancangan Tempatan Klang (Penggantian) 2035 akan disediakan bagi memastikan Taman Sentosa dirancang sebaik mungkin selari dengan dasar kerajaan dalam mewujudkan satu kawasan kediaman yang harmoni dan mampan serta menepati ciri-ciri kehidupan yang berkualiti.

Antara usaha Kerajaan Negeri bagi menyekat pencerobohan ke atas Tanah Kerajaan adalah dengan mendirikan papan tanda Tanah Kerajaan dan membina pagar di atas tanah tersebut. Sehingga Oktober 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sekitar RM100,000.00 bagi mendirikan pagar di dua (2) kawasan Tanah Kerajaan. Sekiranya berlaku sebarang pencerobohan di atas Tanah Kerajaan, Pentadbir Tanah akan mengeluarkan notis di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN). Tindakan penguatkuasaan seperti perobohan ke atas struktur-struktur akan dilaksanakan terhadap penceroboh yang masih ingkar daripada mengosongkan Tanah Kerajaan yang telah di ceroboh. Majlis Bandaraya/Perbandaran atau Daerah hendaklah mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit & Bangunan (Akta 131) bagi mengelakkan pembangunan secara haram tanpa kelulusan pihak berkuasa, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor ke 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PASUKAN HOKI SELANGOR**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan nama-nama pemain Selangor yang berjaya mewakili Skuad Malaysia dari tahun 2010 hingga 2019.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Selangor dapat membantu pemain meningkat taraf permainan?

- c) Apakah sumbangan yang dapat dibagi kepada pemain yang telah berjasa di peringkat negeri mahupun kebangsaan?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pandamaran. Bertanya tentang pasukan Hoki Selangor. Nama-nama pemain Sukan Hoki dari Negeri Selangor yang berjaya mewakili Skuad Malaysia pada tahun 2010 hingga 2019 adalah seperti berikut:

1. Yang Mulia Raja Norsharina binti Raja Shahbudin
2. Nurul Syafiqah binti Mat Esa
3. Elias Syahirah binti Elias
4. Eliya Amanina binti Elias
5. Nur Athirah binti Mohamad Ismail

Untuk makluman Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pasukan Hoki Selangor telah muncul Johan bagi pasukan wanita bagi temasya Sukan Malaysia SUKMA Perak 2018. Pasukan yang sama juga telah merangkul naib johan, pasukan Hoki Wanita bagi kejohanan Hoki Piala Tun Razak 2018. Bagi pasukan atlet Hoki Lelaki Selangor pasukan tersebut telah menyertai kejohanan Piala Tun Razak 2018, Liga Hoki Kebangsaan dan SUKMA 2018.

Menjawab soalan (b) Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Selangor sentiasa membantu persatuan untuk menaikkan taraf permainan sukan masing-masing. Di antara faktor penting adalah pemilihan jurulatih yang menjadi salah satu faktor untuk menaikkan taraf permainan. Jurulatih yang mempunyai pengalaman dan ilmu pengetahuan yang luas dapat mengendalikan pasukan di peringkat elit merupakan kriteria yang penting dalam meningkatkan taraf permainan atlet. Yang kedua faktor infrastruktur Sukan Hoki dan yang ketiga kebajikan para atlet seperti elaun, insurans dan lain-lain pakej kebajikan atlet yang bersesuaian adalah juga memainkan peranan penting untuk menyokong atlet tersebut agar terus berlatih bersungguh-sungguh untuk menaikkan taraf permainan mereka. Bagi Negeri Selangor sendiri kita mempunyai infrastruktur seperti stadium hoki Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan stadium Hoki Pandamaran Klang.

Bagi menjawab soalan yang ketiga Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor juga menyediakan insentif dan sumbangan kepada atlet-atlet negeri yang telah mewakili negara ke kejohanan antarabangsa. Insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah berdasarkan penyertaan kepada Sukan Sea, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Manakala sumbangan berbentuk wang saku juga diberikan kepada mana-mana atlet yang menyertai kejohanan mewakili negara ke peringkat antarabangsa. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, skim insentif yang telah diberikan kepada atlet Selangor yang telah layak adalah seperti

## 20 MAC 2019 (RABU)

berikut. Bagi Sukan SUKMA, bagi individu dan pasukan yang memegang pingat emas bagi individu RM3,500.00 seorang. Bagi pasukan yang kurang daripada lima orang RM2,500.00 seorang dan pasukan yang melebihi lima orang diberikan RM1,500.00 seorang. Bagi pingat perak pula, kategori individu RM2,000.00 seorang, kategori daripada kurang lima orang diberikan RM800.00 seorang dan pasukan yang melebihi lima orang RM700.00 seorang. Bagi pingat gangsa, kategori individu RM1,000.00 seorang, bagi kategori yang kurang pasukan yang kurang daripada lima orang RM500.00 seorang dan pasukan yang melebihi lima orang RM400.00 seorang. Bagi atlet yang berjaya memecahkan rekod di peringkat kebangsaan insentif sebanyak RM4,000.00 diberikan manakala pemecah rekod SUKMA RM2,000.00 diberikan. Bagi pengurusan pasukan dan persatuan di peringkat yang telah berjaya mendapat pingat emas, pengurusan pasukan RM1,000.00 manakala persatuan RM1,000.00. Pingat perak pengurusan pasukan RM750.00 persatuan juga RM750.00. Manakala pingat gangsa RM500.00 dan bagi persatuan juga RM500.00. Bagi insentif atlet Selangor yang menyertai kejohanan antarabangsa Sukan Olimpik. Emas di peringkat Olimpik RM25,00.00, Sukan Komanwel RM10,000.00, Sukan Asia RM5,000.00. Bagi pemenang pingat perak bagi Sukan Olimpik RM20,000.00, Sukan Komanwel Sukan Asia RM7,000.00 manakala Sukan Sea RM3,000.00. Pemegang pingat gangsa di Sukan Olimpik RM15,000.00 di Sukan Komanwel Sukan Asia RM5,000.00, Sukan Sea RM1,500.00. Bagi pasukan yang kurang daripada lima orang berpasukan di emas, Sukan Olimpik RM10,000.00, RM6,000.00 Sukan Komanwel Sukan Asia dan RM3,000.00 di Sukan Sea. Bagi pemenang perak berpasukan RM8,000.00 untuk Olimpik, RM4,000.00 untuk Sukan Komanwel Sukan Asia dan RM2,000.00 di Sukan Sea. Gangsa di Sukan Olimpik secara berpasukan RM5,000.00, Sukan Komanwel Sukan Asia RM2,000.00 dan RM1,000.00 untuk Sukan Sea. Bagi pasukan yang melebihi lima orang individu yang memenangi pingat emas RM8,000.00 di Sukan Olimpik, Sukan Komanwel RM3,000.00 dan Sukan Sea RM1,500.00. Bagi pemenang perak RM5,000.00 di Sukan Olimpik, RM2,000.00 Sukan Komanwel Sukan Asia dan RM1,000.00 bagi Sukan Sea. Gangsa RM2,000.00 bagi Sukan Olimpik, RM1,000.00 bagi Sukan Komanwel Sukan Asia dan RM800.00 di Sukan Sea. Manakala sugu hati penyertaan bagi individu adalah RM1,000.00 di Sukan Olimpik, RM800.00 di Sukan Komanwel dan Sukan Asia manakala Sukan Sea RM500.00.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO. Kerap tanya EXCO Belia dan Sukan ini. Persediaan kita Selangor untuk berhadapan dengan SUKMA pada tahun hadapan, itu yang pertamanya kemudian yang keduanya saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO setuju tak Yang Berhormat EXCO kalau kita di Negeri Selangor ini kita membina Muzium Sukan maksudnya untuk kita menyimpan koleksi-koleksi kejayaan atlet-atlet di Negeri Selangor ini sebagai bahan rujukan dan juga sebagai bahan tatapan untuk generasi yang akan datang, terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer .....

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Biar EXCO yang menjawab Yang Berhormat. Tak apa, EXCO jawab, EXCO jawab kalau andai kata EXCO tak nak jawab tak apa biar EXCO yang tentukan, bukan daripada Sijangkang yang tentukan.

**TUAN SPEAKER** : Baik, ya ya, baik jangan bertengkar Yang Berhormat Sijangkang dengan Templer. Kawan lama dulu (Dewan ketawa). Sila Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Memang persiapan SUKMA adalah rancak disediakan oleh Majlis Sukan Negeri Selangor. Kita pun telah menjadi pasukan atau pun *team* yang bersedia untuk melatih ke arah SUKMA yang akan diadakan di Johor pada tahun hadapan. Tentang berkaitan dengan Muzium Sukan tadi, saya ingat kita serahkan pada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk pertimbangkan tentang peruntukan yang akan diadakan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Soalan tambahan Jeram dah banyak kali dah bangun ini.

**TUAN SPEAKER**: Ya Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Sidang lepas kita pernah bincangkan mengenai penglibatan Adun secara langsung dalam sukan contohnya macam Templer sukan terjun. Untuk menjadi ayah angkat umpamanya untuk sukan itu untuk menempuh sukan sukses. Jadi adakah senarai nama telah ada kepada Yang Berhormat EXCO untuk diberikan kepada Adun-adun yang tidak sabar untuk terlibat secara langsung dalam sukan di Selangor ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Saya akan ambil *note* bahawa Taman Templer mengambil bidang terjun walaupun kaki dah tak berapa nak boleh terjun itu. Tapi saya harapkan *person in charge* boleh bagi senarai-senarai kepada kita untuk kita susul lepas pada itu.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Soalan tambahan, mohon izin.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan silakan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Baik, kepada Yang Berhormat Paya Jaras, tadi Yang Berhormat ada menyatakan nama-nama pemain Selangor yang berjaya mewakili Malaysia dari tahun 2010 hingga 2019. Tapi yang menghairankan saya menampakkan bahawa Yang Berhormat Paya Jaras seorang pencinta wanita, kelima-lima pemain wanita itu disebut wanita. Di mana pemain lelaki yang mewakili skuad negara.

**20 MAC 2019 (RABU)**

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Kita ada pemain lelaki senarai-senarai kita akan serahkan kepada Yang Berhormat secara bertulis nanti ya supaya lebih spesifik.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGGKALAI**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah projek perumahan terbengkalai dan berapakah jumlah yang telah dapat diselesaikan setakat ini?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer, Yang Berhormat Speaker, saya rasa saya hendak jawab soalan ini ada 2 minit ya tak sempat ini. Walau bagaimanapun,

**TUAN SPEAKER :** Tak sempat boleh bagi jawapan bertulis, sekarang jawab sekadar yang boleh.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Bagi Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sentiasa berusaha untuk memulihkan atau pun memberikan komitmen mengatasi masalah projek-projek terbengkalai ini. Walaupun bidang kuasa negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sajalah. Bertindak sebagai pemudah cara kerana punca kuasa adalah kepada atau pun terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Melalui akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966. Jadi sehubungan dengan itu, ada beberapa pendekatan yang telah kita ambil di peringkat negeri melalui LPHS. Pertama adalah dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai. Jadi jawatankuasa ini akan membincangkan dan juga mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai yang ada dan di urus setiakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Jadi LPHS sebagai agensi ...

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Lembah Jaya, masa dah sampai sila duduk. Bagi bertulis saja ya. Maaf ya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan

## 20 MAC 2019 (RABU)

jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, usul di bawah Peraturan Tetap 17(1) oleh Yang Berhormat Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : *Bismillahirrahmannirahim*, terima kasih Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di bawah peraturan tetap 17(1), Yang Berhormat Tuan Speaker saya mohon mencadangkan satu usul di bawah peraturan tetap 17(1) berbunyi seperti berikut, bahawa Dewan Yang Berbahagia ini mengutuk sekeras-kerasnya serangan pengganas yang dilakukan di dua buah Masjid di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac 2019 yang setakat ini telah mengorbankan 50 nyawa termasuk kanak-kanak. Sesungguhnya serangan ini adalah satu perlakuan yang tidak bertamadun dan tidak dapat diterima atas apa-apa alasan atau nama sekalipun kerana tindakan menyerang penganut sesuatu agama yang tidak bersenjata di dalam rumah ibadat mereka sendiri adalah suatu perbuatan yang keji dan tidak bermaruah. Ekstremisme ideologi dan radikalisme agama yang mutakhir ini mendominasi ruang awam jika tidak ditangani dengan bijak dikhuatiri berpotensi membuka jalan ke arah insiden-insiden seumpama ini ibarat virus yang tidak terkawal. Kefahaman hidup bertoleransi serta kesederhanaan dalam hubungan masyarakat perlu diperkukuhkan dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang agama, bangsa dan budaya. Justeru, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk:

Satu, memperkukuhkan dasar dan program keharmonian hidup sesama agama, bangsa dan budaya di Negeri Selangor di samping menggalakkan dialog silang budaya bagi meningkatkan sikap hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat.

Kedua, menjurus fungsi dan peranan institusi surau dan masjid serta institusi semua agama di Negeri Selangor sebagai platform untuk menyebarkan mesej keamanan dan persaudaraan serta menghilangkan prejudis yang menebal terhadap agama dan bangsa lain.

Dewan yang mulia ini perlu membahaskan insiden serangan ini kerana isu ini mempunyai kepentingan orang ramai bagi menghantar mesej yang jelas bahawa tindakan pengganas tidak mempunyai tempat di mana-mana masyarakat pun terutama yang berbilang agama, bangsa dan budaya. Selain itu perkara ini perlu disegerakan agar tiada sebarang perlakuan balas yang dikhuatiri mampu menggugat keharmonian hidup masyarakat di Negeri Selangor. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima dan menimbangkan usul menangguhkan Dewan di bawah Peraturan 17(2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor daripada Yang Berhormat Hulu Klang, saya berpuas hati bahawa usul tersebut menepati tiga syarat yang diperuntukkan di dalam Peraturan 17(1), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor iaitu, ia adalah suatu perkara tertentu kerana insiden ini adalah perkara yang tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Oleh yang demikian,

## 20 MAC 2019 (RABU)

menurut Peraturan 17(3)(A) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan saya dengan ini menanggukkan usul ini sehingga 2.30 petang hari ini.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Pelabuhan Klang, sambung semalam sedikit ya, saya beri masa sedikit.

**Y.B TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Berhormat yang lain, saya ingin menyambung sedikit ucapan perbahasan usul DYMM Tuanku Sultan Selangor iaitu berkenaan dengan sumber air. Air adalah merupakan satu sumber alam yang sangat bernilai kepada kita semua. Semalam jelas kita mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Hulu Klang berkenaan betapa pentingnya air ini yang menjadi satu keperluan kepada manusia. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Klang, oleh itu dengan kejayaan Kerajaan Negeri Selangor dalam mengambil alih dan menstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor pada 4 Januari 2019, saya percaya perkhidmatan yang bakal diberikan kepada rakyat akan bertambah cemerlang. Oleh itu, saya di sini, Pelabuhan Klang ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui Syarikat Air Selangor bagi melancar dan memastikan masalah tekanan air rendah di setengah kawasan di dalam Negeri Selangor ini, supaya Syarikat Air Selangor merancang untuk membina tangki-tangki simpanan air yang besar supaya bekalan air mencukupi walaupun semasa musim kemarau untuk kegunaan penduduk setempat. Saya mengambil contoh seperti di kawasan saya kawasan-kawasan perumahan yang lama, kampung-kampung yang lama seperti di Kampung Pulau Indah, Kampung Idaman Pandamaran Jaya di mana kawasan-kawasan ini sering kali mengalami masalah tekanan air rendah dan juga masalah gangguan bekalan air bersih terutama sekali apabila berlaku masalah paip-paip pecah di sesetengah kawasan kerana masalah paip-paip lama yang masih ada di kawasan Pelabuhan Klang. Jadi saya berharap sangat-sangat cadangan supaya membina tangki-tangki air yang besar untuk simpanan air ini terutama sekali di kawasan Kampung Tradisi dapat dilaksanakan dalam memastikan sumber bekalan air bersih selepas kita mengambil alih air pengurusan air dapat memastikan rakyat mendapat sumber bekalan air bersih yang cukup. Di kesempatan ini juga di dalam Dewan yang mulia ini juga, saya ingin mengucapkan sekali lagi berbanyak-banyak terima kasih kepada YAB Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri Selangor kerana telah meluluskan projek penggantian paip air yang baru sepanjang 6 kilometer di Kampung Teluk Gong dan juga paip-paip baru di kawasan pekan Pelabuhan Klang pada tahun lepas dan sekarang ini pembinaan projek ini sedang dilaksanakan dan saya percaya apabila projek ini berjaya disiapkan ia nya dapat mengatasi masalah tekanan air rendah dan juga mengatasi masalah paip-paip air lama yang sebelum sering kali pecah dan menyebabkan gangguan bekalan air terjadi. Untuk isu yang seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker, iaitu berkenaan dengan isu Rumah SelangorKu, semalam kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat Lembah Jaya selaku EXCO Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar berkenaan yang terkini jumlah

yang memohon dan menanti untuk mendapatkan Rumah SelangorKu adalah seramai 123,352 orang dan saya mengucapkan terima kasih dan syabas juga kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana sekarang ini sedang merancang untuk memastikan pembinaan Rumah SelangorKu ini dan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 114 projek iaitu di mana 57,710 unit Rumah SelangorKu akan dibina, sedang dibina dan sedang dalam perancangan untuk dibina. Oleh itu, saya ingin menyatakan di sini bahawa masih terdapat lagi wujud sesetengah pihak yang cuba memanipulasi syarat-syarat pemilikan Rumah SelangorKu dan seterusnya mengambil kesempatan terhadap peluang pemilikan Rumah SelangorKu. Saya mengambil contoh di kawasan saya, Projek Rumah SelangorKu, iaitu Apartmen Azaria yang terletak di bandar Parkland, telah pun siap dibina dan mula diduduki pada tahun 2018 dan apa yang berlaku apabila pemilik-pemilik mula memasuki rumah ini dan mengambil kunci dan mendapat kunci daripada pemaju, dan ini antara Rumah SelangorKu yang saya rasa paling cantiklah dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang, kerana dengan berpagaranya, dengan sistem *access card*nya dengan nilainya 140,000.00 ringgit satu unit dan ia nya memang mampu untuk dimiliki oleh pemilik-pemilik dan masyarakat di kawasan DUN Pelabuhan Klang tetapi apa yang mengecewakan ialah apabila rumah ini telah mula diduduki terdapat pemilik-pemilik yang menyewakan rumah ini kepada warga tempatan dan yang paling saya tidak boleh terima ialah menyewakan kepada warga asing dan ini telah pun dilaporkan kepada pejabat Yang Berhormat EXCO Lembah Jaya dan saya juga telah melaporkan perkara ini kepada pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan saya ucapkan syabas kerana surat yang dihantar pada bulan Januari dibalas cepat dalam bulan Januari oleh EXCO Lembah Jaya dan juga Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Yang ini efisien cekap bagus. Ok. Tetapi saya melihat kepada jawapan yang diberikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, seolah-olah garis panduan yang kita letakkan, syarat-syarat yang kita nyatakan sebelum kita boleh memiliki atau membeli Rumah SelangorKu itu hanyalah syarat semata-mata, tetapi apabila sudah membeli dan baru kita tahu yang pemilik yang membeli tersebut, Rumah SelangorKu ini kita tahu adalah hartanah kawalan jadi kalau dah beli dan duduk apa kita nak buat. Sekarang ni tak boleh buat apa, saya harap sangat-sangat penduduk atau pemilik-pemilik di apartmen ini sudah datang beramai-ramai ke pejabat saya, mereka tidak gembira kerana rumah ini daripada awal kita lihat antara yang tercantik dan terbaik Rumah SelangorKu yang dibina tetapi sekarang mereka terpaksa duduk bercampur dengan warga asing yang pada saya tidak sepatutnya berlaku di dalam kawasan Rumah SelangorKu yang baru siap, kalau dah 5 tahun, 10 tahun tu kita fahamlah, tetapi ini baru siap, baru ambik kunci, baru mula duduki tetapi kejadian ini sudah pun berlaku. Jadi saya berharap di dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak Kerajaan Negeri Selangor kena memikirkan, kita ada lebih sekarang ni 123,000 orang lagi yang masih belum dapat rumah dan saya harap supaya mekanisme untuk mengenal pasti mereka yang benar-benar layak terutama sekali pasangan muda yang baru berkahwin yang memerlukan rumah untuk mereka ini lah yang layak diberikan, dan mekanisme itu perlu difikirkan dan saya mendapat maklum balas juga dari pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor melalui surat yang dihantar kepada saya, bahawa mereka sekarang sedang mengadakan bengkel dan mungkin pun dah siap bengkel ini untuk memikirkan apa kaedah yang paling tepat dan sesuai untuk membuat

keputusan siapakah yang benar-benar layak memohon, pemohon yang benar-benar layak untuk memiliki Rumah Selangorku ini. Jadi untuk itu, Yang Berhormat saya juga yang akhir sekali ingin mengambil kesempatan di sini, sekejap-sekejap aku dah nak habis dah. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ibu Pejabat Polis Klang Selatan kerana hasil risikan yang mereka buat, hasil aduan yang penduduk buat, hasil aduan yang pejabat saya buat berkenaan dengan vandalisme terhadap lampu-lampu jalan di dalam kawasan Pelabuhan Klang terutama tiang-tiang lampu JKR, pada 13hb Mac yang lepas, pihak PDRM hasil hendapan yang dibuat, intipan yang dibuat telah berjaya menangkap pencuri kabel dan telah berjaya menangkap pembeli kabel pada 13hb Mac dan telah didapati sebanyak seberat 16kg tembaga hasil daripada kecurian 51 tiang lampu dan menyebabkan lampu-lampu di kawasan Pelabuhan Klang tidak menyala. Jadi saya berharap dengan tertangkapnya pencuri-pencuri ini maka tidak akan menjadi masalah tersebut. Jadi oleh itu, Yang Berhormat Tuan Speaker, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat terutama sekali YAB Dato' Menteri Besar kerana banyak kejayaan-kejayaan yang cemerlang yang berjaya dicapai dalam tempoh yang singkat oleh YAB Sungai Tua, Dato' Menteri Besar dan oleh itu, saya dengan ini Pelabuhan Klang menjunjung kasih titah ucapan DYMM Tuanku Sultan Selangor. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum.

**TUAN SPEAKER :** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** *Bismillahirrahmannirahim*, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menjunjung kasih di atas titah ucapan DYMM Tuanku Sultan Selangor yang telah berkenan untuk merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor yang Ke14 Tahun 2019. Mengambil kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Sementa yang telah dipilih sebagai Timbalan Speaker yang baru dan juga kepada Yang Berhormat Semenyih yang telah mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor. Saya ingin menyeru kepada kita semua supaya marilah kita sama-sama berpakat dan bertekad untuk menjadi suara nurani rakyat serta mengangkat martabat dan kewibawaan Dewan Negeri Selangor. Titah Tuanku telah menyentuh pelbagai persoalan yang cukup signifikan sebagai peringatan dan juga pedoman buat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Negeri untuk terus bertanggungjawab dalam memperkasa Agenda Peduli Rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran seluruh anak watan Negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker, titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga membuktikan bahawa kerajaan Pakatan Harapan Negeri Selangor yang terajui oleh Dato' Menteri Besar dari sungai tua telah berjaya memperkukuhkan keyakinan para pelabur untuk terus melaburkan layar pelaburan mereka ke Negeri Selangor. Kita sedia maklum selain daripada kedudukan yang strategik dan infrastruktur yang sempurna antara pra syarat utama yang menjadi pilihan para pelabur adalah kestabilan kerajaan dan politik di samping pentadbiran yang bersih berintegriti dan tersusun. Justeru biarpun pada tahun 2018 yang lalu, kita berhadapan dengan satu pilihan raya umum dan kemudian kita berhadapan lagi dengan tiga pilihan raya kecil Pasca PRU 14 namun keyakinan pelabur terus utuh bersama dengan pakatan harapan

di Negeri Selangor. Negeri bertuah ini terus unggul mencatatkan rekod pelaburan yang tertinggi dalam sejarah Negeri Selangor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM18.9 bilion pada tahun 2018 yakni peningkatan sebanyak 238% pada tahun sebelumnya. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa keyakinan para pelabur ini tidak hanya tertumpu kepada Negeri Selangor semata-mata tetapi keyakinan pelabur ini juga adalah tertumpu pada kerajaan Pakatan Harapan peringkat Persekutuan. Laporan *Malaysian Investment Report* tahun 2018 yang dibentangkan oleh pihak MIDA pada beberapa minggu yang lalu membuktikan bahawa kerajaan baru pakatan harapan di Putrajaya juga telah berjaya menggamit keyakinan para pelabur untuk kembali menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan-pelaburan baru. Buktinya sementara negara telah mencatatkan pelaburan berjumlah RM86.1 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2018, namun pasca PRU 14 antara tempoh Julai hingga Disember 2018, Malaysia telah berjaya melonjakkan pelaburan dengan rekod berjumlah RM115.6 bilion menjadikan keseluruhan pelaburan yang diterima berjumlah RM201.7 bilion.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih. Saya nak bertanya apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan pelabur-pelabur asing di negara luar ni berminat untuk melabur ke Negeri Selangor dan juga ke dalam negeri lain di negara kita sebab ada cakap-cakap menyatakan Pakatan Harapan ni tak pandai tak reti nak memerintah tak reti nak mentadbir, jadi kalau kita dengar tadi ucapan daripada Yang Berhormat Gombak Setia menyatakan bahawa pelaburan banyak masuk ke Negeri Selangor ni, jadi saya hendakkan apakah faktor menyebabkan pelabur-pelabur asing ni berminat untuk melabur di Negeri Selangor dan juga di dalam negara kita ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Terima kasih Yang Berhormat Templer, soalan yang cukup baik, sebab itu saya sebutkan di peringkat awal tadi bahawa selain daripada kestabilan kerajaan dan politik para pelabur ini melihat bagaimana pentadbiran di peringkat persekutuan mahupun di peringkat Kerajaan Negeri boleh melaksanakan pentadbiran dengan tata kelola yang baik yang ada integriti yang mampu menjamin pelaburan mereka jangka masa panjang dan akhirnya dapat memberi pulangan yang hanya bukan kepada mereka tetapi juga memberi pulangan kepada rakyat sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat negara. Sebab itu saya kira penting untuk kita mengetahui tentang hal-hal sebegini kerana bagi saya ianya merupakan juga salah satu pra syarat kepada kita sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk memastikan integriti kerajaan yang ada pada hari ini senantiasa berada pada tahap yang baik. Sebab itu sebagai anggota Dewan Negeri kita harus jujur berterus terang dan bertanggungjawab terhadap pentadbiran yang hari ini ditadbir oleh kerajaan Pakatan Harapan dan saya kira kita tidak pernah segan sebagaimana kerajaan-kerajaan sebelum ini untuk menegur kepimpinan mereka apabila mereka melakukan kesalahan dan untuk memperkukuhkan lagi hujah sebentar tadi kita juga melihat bahawa sektor pembuatan negara terus menjadi antara penyumbang utama dengan mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi sebanyak RM87.4 bilion daripada keseluruhan RM201.7 bilion tadi. Negeri Selangor juga telah mempamerkan

peningkatan yang cukup progresif dalam sektor pembuatan dengan penambahan tahun ke tahun termasuk dari tahun 2017 ke tahun 2018 sebanyak 13.4 bilion iaitu peningkatan melebihi 200%. Dari perspektif yang lain pula, Selangor sekali lagi unggul apabila mencatatkan jumlah projek terbanyak dengan jumlah 241 buah projek berbanding negeri-negeri lain termasuk negeri Johor yang hanya mencatatkan 144 buah projek meskipun mencatat jumlah nilai pelaburan yang lebih tinggi. Justeru itu saya ingin Dewan yang mulia ini merekodkan apresiasi dan ucapan tahniah yang setingginya kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar, Sungai Tua atas usaha gigih untuk terus menyambung legasi kepemimpinan yang cemerlang sebelum ini. Begitu juga dengan ucapan penghargaan kami semua mewakili rakyat Negeri Selangor kepada Yang Berhormat Bandar Baru Klang bersama *Invest Selangor Berhad* yang saya kira cukup komited dan tuntas demi memastikan Selangor terus gah sebagai negeri pilihan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sejak sekian lama kerajaan negeri ini bergantung pada hasil kutipan premium tanah, hasil cukai tanah dan hasil urus niaga tanah sebagai penyumbang utama kepada pendapatan negeri. Secara puratanya saya kira hasil kutipan tersebut menyumbangkan lebih 70% daripada kutipan hasil negeri ini. Namun begitu dalam tempoh kebelakangan ini kita menyaksikan hasil-hasil ini khususnya premium tanah semakin tidak konsisten dan kadangkala merosot sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua dalam sesi soal jawab pagi tadi bahawa kadangkala ianya berlaku ketidaktentuan dan ada kalanya hasil itu sedikit merosot apabila tertangguh ataupun terpaksa menangguhkan projek-projek pembangunan di dalam Negeri Selangor. Namun saya kira itu bukanlah alasan kerana kita tidak mahu apa-apa keputusan kerajaan akhirnya memberi impak yang negatif kepada rakyat di dalam Negeri Selangor ini. Justeru situasi ini menuntut kerajaan negeri untuk segera menyusun strategi bagi mengurangkan kadar kebergantungan pendapatan negeri kepada hasil tanah. Saya kira kerajaan Negeri Selangor perlu mengemblem usaha untuk meneroka sumber pendapatan baru sekali gus menjamin kemapanan ekonomi dan juga kedudukan kewangan Negeri Selangor. Untuk menjayakan hasrat ini saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri memberikan fokus yang intensif untuk memperdaya anak-anak syarikat milik negeri supaya ia dapat mencipta keuntungan dan kemudiannya disalurkan semula kepada negeri sebagai hasil melalui pembayaran dividen yang tetap. Kita harus sedar dan insaf bahawa rakyat Negeri Selangor adalah *stakeholders* dengan izin kepada setiap anak-anak syarikat milik kerajaan Negeri Selangor. Maka menjadi tanggungjawab bagi setiap anak-anak syarikat kerajaan Negeri Selangor untuk menjana keuntungan dan kemudian menyerahkan sebahagian pendapatan mereka kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan pengagihan secara adil berdasarkan prinsip keadilan sosial dan *distributive of justice*. Pada masa yang sama anak-anak syarikat milik kerajaan negeri juga perlu mengorak langkah yang lebih inovatif untuk menjana penciptaan nilai yang lebih mampan atau dengan izin *sustainable value creation* untuk Negeri Selangor. Penciptaan nilai yang tinggi dan mampan akan menjana keuntungan berlipat kali ganda yang seterusnya dapat membantu negeri untuk meraih pendapatan yang lebih tinggi bagi mempertingkatkan kualiti hidup rakyat serta menjamin pengagihan kekayaan yang saksama. Bagi mencapai objektif tersebut, Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Gombak Setia ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat memulakan usaha rasionalisasi aset dan perubahan strategik anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor, supaya anak-anak syarikat milik Kerajaan Negeri ini dapat mengembalikan semula 30% daripada pendapatan mereka kepada hasil negeri. Saya amat optimis melalui jumlah pendapatan yang tinggi ini, lebih banyak pembangunan dapat dilaksanakan, lebih banyak pembangunan yang berkualiti dapat kita bangunkan dan ianya akan menjadi *katalis* atau pemangkin pada pertumbuhan ekonomi yang rancak.

Yang Berhormat Timbalan Speaker sebagai seorang Ahli Dewan Negeri Selangor, sudah tentulah saya berbangga dengan pelbagai kejayaan dan kecemerlangan yang dilakar oleh Negeri Selangor pada hari ini. Selangor hari ini merupakan negeri yang paling kaya. Kita negeri yang paling maju di Malaysia. Selangor juga merupakan peneraju kepada agenda negeri pintar yang saya kira pertama di dalam negara ini. Namun sebagai seorang Ahli Dewan Negeri yang dipilih oleh rakyat Negeri Selangor, kita semua bertanggungjawab memastikan kehidupan rakyat senantiasa berada di dalam keadaan yang baik, sejahtera, harmoni setaraf dengan status ekonomi kerajaan negeri ini. Maka saya ingin mengajak Ahli-Ahli Dewan Negeri sekalian untuk kita sama-sama bermuhasabah dan melihat kembali kualiti dan tahap pembangunan di negeri ini. Apakah bandar-bandar kita telah mencapai tahap yang saya sebut tadi setaraf, kalau tanya Taman Medan dia tahu sekufu, ini setaraf dengan kemajuan yang kita kecapai. Cuba kita bandingkan konsep dan tahap bandar serta landskap yang ada di bandar-bandar utama di negeri kita termasuk Shah Alam dan apakah ianya boleh menandingi bandar-bandar yang lain seperti di Johor Baru, *Georgetown* dan Bandar Hilir di Melaka. Saya boleh bersetuju untuk mengakui bahawa bandar-bandar utama di negeri bertuah ini mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan bandar-bandar utama di negeri yang lain. Namun saya kira kita boleh berlapang dada sekiranya ada kritik ataupun pandangan mengatakan bahawa bandar-bandar utama di Negeri Selangor ini masih belum berjaya misalnya untuk menandingi bandar raya Johor Bahru yang saya kira kalau hari ini kita pergi kita tak boleh beza kita di Singapura atau kita berada di Johor Bahru.

Justeru selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, saya kira sudah sampai masanya kepimpinan Negeri Selangor menyahut seruan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti lingkungan bandar, dengan melaksanakan ikhtiar regenerasi bandar atau *urban regeneration* sebab sebagai sebuah negeri yang maju, Selangor seharusnya menjadi perintis kepada usaha regenerasi bandar yang telah mula dilaksanakan di Eropah lebih 20 tahun yang lalu. Usaha regenerasi bandar ini dapat dilaksanakan melalui kerja-kerja menaik taraf landskap, pembangunan taman hijau dan *pocket park*. Membangun fasad dan seni bina yang lebih kreatif dan moden serta menyediakan lebih banyak kemudahan atau prasarana untuk warga dan orang-orang kurang upaya. Langkah ini saya kira penting untuk memangkinkan apa yang disebut sebagai *urban rainsom* atau kebangkitan semula bandar-bandar utama di Negeri Selangor agar lebih *vibrant* dengan izin dan dapat memacu pertumbuhan yang organik sekali gus mewujudkan ekosistem dan jaringan yang produktif. Menyedari usaha regenerasi bandar ini termasuk usaha menaik taraf landskap dan lingkungan memerlukan perhatian khusus daripada pihak

berkuasa tempatan di Negeri Selangor. Maka saya telah meneliti laporan kewangan bagi kesemua dua belas buah PBT, Pihak Berkuasa Tempatan dan mendapati daripada dua belas PBT yang ada di Negeri Selangor, ada tujuh PBT yang mencatatkan jumlah simpanan tetap atau *reserved* dengan izin melebihi RM300 juta. Maka saya kira kalau PBT-PBT yang sebegini ada *reserved* yang saya kira mungkin lebih besar daripada jumlah belanjawan beberapa negeri di dalam negara kita ini. Maka tidak salah untuk kita mencadangkan supaya setiap PBT ini menggunakan sebahagian daripada jumlah simpanan tetap mereka atau *reserved* mereka. Dan juga menggunakan hasil daripada kutipan cas pemajuan mereka untuk melaksanakan usaha regenerasi bandar-bandar di Negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker saya juga ingin berkongsi pengalaman saya baru-baru ini ketika berkunjung ke daerah Muar, Johor. Dan secara peribadi saya kira saya cukup terkesan dan kagum dengan tahap kebersihan dan keceriaan bandar Maharani tersebut yang hemat saya berada dalam keadaan yang amat mengagumkan. Dengan tahap yang sedemikian tidak hairanlah daerah Muar pada tahun yang lalu dinobatkan sebagai daerah yang terbersih di Rantau Asia Tenggara. Saya membangkitkan isu ini memandangkan sebagai Ahli Dewan Negeri Gombak Setia, saya hampir setiap hari menerima aduan daripada warga yang tidak henti-henti menyampaikan rungutan dan ada kalanya mereka membandingkan antara prestasi pembersihan Jalan Gombak yang merentasi antara kawasan pentadbiran Dewan Bandar raya Kuala Lumpur dan juga Majlis Perbandaran Selayang, sebab jalan itu merentasi antara Setapak dan menuju sehingga akhirnya ke arah Bentong, jalan lama, jalan utama. Dan menyedari Jalan Gombak ini termasuk dalam kategori jalan persekutuan saya telah beberapa kali turun bersama-sama dengan agensi-agensi kita, bersama-sama dengan wakil MPS, KDEB Waste, JKR dan Road Care untuk melihat sendiri keadaan Jalan Gombak dan kawasan sekitar yang pada hemat saya tidak diuruskan dan tidak di selenggara dengan baik.

Antara isu yang berbangkit ketika lawatan saya beberapa kali, adalah isu pertindihan peranan antara agensi. Tugas yang tidak termasuk dalam skop kerja sehingga menyebabkan daun-daun kering hanya disapu sebulan sekali. Sampah-sampah yang pecah daripada plastik itu tidak dikutip. Iklan-iklan haram yang ditampal hampir di setiap tiang itu tidak diturunkan. Manakala ada atau pun masih ada lagi di setiap tiang bendera parti usang yang saya kira kian mereput. Saya tak faham sebab apabila saya turun ke kawasan tersebut dia ada sahaja alasan-alasan yang diberikan dan selain daripada sapuan daun-daun kering itu saya juga menyampaikan aduan tentang rumput yang semakin panjang di pinggir-pinggir jalan utama ini. Sebab hari ini saya kira dalam Negeri Selangor ada di antara jalan utama atau pun di dalam bandar, kita hari ini berhadapan dengan suasana hutan dalam bandar. Kadangkala kontraktor kita ini dia tak mampu membezakan yang mana pokok serai dan yang mana lalang. Jadi saya bangkitkan isu ini dan jawapan yang diberikan kepada saya bahawa pemotongan rumput kalau di jalan utama yang dijalankan oleh Road Care, pemotongan rumput ini hanya dilakukan 3 meter daripada tepi jalan utama. Selepas 3 meter itu, dia boleh jadi hutan belantara tak jadi masalah. Atau kalau kawasan yang ada longkang dia hanya potong sehingga longkang dan selepas longkang itu hanya 1 meter sahaja. Selepas itu boleh jadi hutan belantara tak jadi masalah. Jadi saya kira ini memerlukan sikap yang tegas dan juga perhatian yang serius daripada Kerajaan Negeri kerana isu kebersihan

dan keceriaan ini sebenarnya merupakan cerminan sebenar kepada status kemajuan dan ekonomi negeri ini. Kita boleh mendabik dada menyebut bahawa kita negeri yang kaya, kita negeri yang paling maju tapi akhirnya kita tewas dalam hal-hal yang kecil begini. Ini tidak termasuk dengan isu penguatkuasaan yang saya kira perlu juga kita beri perhatian yang serius kerana isu tapak atau pun kawasan pelupusan sampah haram ini semakin berleluasa di Negeri Selangor termasuk di dalam daerah Gombak. Gombak Setia saja hari ini saya kira ada lebih daripada 3 kawasan tapak pelupusan sampah haram yang masih beroperasi sehingga hari ini. Tapi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato' Pegawai Daerah Gombak dan pasukannya yang saya kira cukup komited memberikan kerjasama yang cukup utuh bersama-sama dengan saya untuk kita membasmi kegiatan-kegiatan haram, penerokaan tanah-tanah haram dan juga isu kawasan-kawasan tanah sama ada kawasan tanah persendirian atau pun tanah kerajaan yang dijadikan tapak pelupusan sampah haram. Beberapa operasi bersepadu juga telah saya jalankan bersama dengan penguat kuasa Pejabat Daerah Gombak dan saya kira mereka memberikan komitmen yang cukup baik, malah kita pernah menjalankan operasi bersepadu dalam waktu bulan Ramadan dan minggu pertama bulan Syawal.

Namun saya juga sedar tidak mungkin jawatan penguatkuasaan ini boleh melaksanakan tugas-tugas mereka dengan baik kerana mereka hanya mempunyai kalau daripada jumlah ADO sehingga ke kerani dalam jabatan penguat kuasa itu hanya ada 29 sahaja untuk jaga kawasan daripada Sungai Pusu sampai ke Batu Arang di Rawang. Mustahil kadang-kadang kalau dalam Gombak Setia saja ada 3 kawasan, dia tak mungkin dia nak jaga 3 orang, nanti Tonto datang 3 orang lari. Jadi dia jaga 10 sini 10 orang sana. Dia buat tempat lain, dia pindah sini orang masuk sana. Itu baru dalam kawasan Gombak Setia tak termasuk dalam kawasan daerah Gombak yang saya sebut tadi, daripada Sungai Pusu sehingga akhirnya ke kawasan Batu Arang di Rawang. Justeru itu saya ingin menyeru Yang Berhormat Timbalan Speaker saya ingat waktu pun dah lewat, sabar Taman Medan. Saya ingin menyeru supaya Kerajaan Negeri memberikan perhatian yang cukup serius untuk kita memperkukuhkan agensi atau pun Jabatan Penguatkuasaan ini sama ada di peringkat Pejabat Daerah mahupun di peringkat PBT untuk memastikan isu-isu pencemaran dan kegiatan haram seperti ini dapat kita banteras dengan tegas dan serius. Saya sebut sekali lagi bahawa kegiatan atau pun tugas ini amat penting untuk kita berikan perhatian kerana isu-isu seperti inilah sebenarnya bagi saya mencerminkan status sebenar atau pun tahap sebenar kemajuan dan juga ekonomi di Negeri Selangor. Yang Berhormat Timbalan Speaker saya menyokong usul menjunjung kasih dan saya ucapkan terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Memandangkan ramai Ahli Dewan yang ingin berbahas maka saya hadkan masa 15 minit sahaja. Saya silakan Kuala Kubu Baru.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Betul. Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker. Tahniah atas pelantikan sebagai Puan Timbalan Speaker dan saya yakin Puan Timbalan Speaker kita akan meneruskan tanggungjawabnya demi mempertingkatkan martabat dan memelihara kewibawaan Dewan yang mulia ini. Jangan kacau ya. Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 2 yang lepas amat

menggembirakan rakyat Selangor. Banyak kejayaan telah dicapai bagi mengekalkan Selangor sebagai negeri yang paling maju. Jumlah pelaburan RM18.947 bilion pada tahun 2018 merupakan tertinggi di dalam sejarah Selangor. Manakala FDI Selangor sebanyak RM10.837 bilion adalah 13.5% daripada FDI Malaysia. Seperti Yang Berhormat Gombak Setia saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Bandar Baru Klang dan Invest Selangor yang membawa masuk pelaburan yang begitu besar ke dalam Negeri Selangor. Kalau ada pelabur yang berminat melabur di Selangor lagi jangan lupa memperkenalkan kawasan perindustrian di Hulu Selangor kepada mereka supaya Hulu Selangor tidak ketinggalan dalam era.

Puan Timbalan Speaker, ramai Ahli Berhormat membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai empat atau lima buah sungai yang tercemar dan menyuruh Kerajaan Negeri melaksanakan penguatkuasaan yang lebih serius terhadap mereka yang melepaskan sisa-sisa buangan ke sungai. Saya pernah membangkitkan isu sampah daripada negara lain yang juga dikenali sebagai sampah import di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas. Negara China telah melarang 24 jenis sampah dari luar negara memasuki negara mereka mulai 1 Januari 2018. Ini telah menyebabkan kilang-kilang negeri China, Negara China mencari tempat lain untuk memproses sampah tersebut. Dan Malaysia adalah salah satu lokasi yang mereka pilih. Berdasarkan kepada jawapan daripada pertanyaan mulut saya, kilang yang memproses sampah import yang berlesen di Selangor adalah sebanyak 88 yang mana 31 buah di kawasan MPK, 35 buah di kawasan MPS, 3 buah di kawasan Majlis Daerah Kuala Langat dan 19 di kawasan MDHS. Kerajaan Negeri melalui penguat kuasa tempatan telah mengambil tindakan tegas terhadap kilang-kilang yang dikenal pasti memproses sampah import secara haram. Saya mengucapkan terima kasih kepada MDHS yang mengambil tindakan secara bersepadu dengan kerjasama daripada agensi teknikal seperti LUAS, TNB, Air Selangor JAS dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk membuat sitaan terhadap barang-barang kilang yang memproses sisa plastik import tanpa izin iaitu Twin Brothers Sdn Bhd yang datang daripada Kuala Langat ke Hulu Selangor baru-baru ini. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kilang yang disita oleh MDHS hanya mempunyai jarak lebih kurang 770 meter daripada kawasan sumber air iaitu Sungai Selangor. Sungai Selangor adalah sungai yang penting dalam pembekalan air terawat kepada penduduk Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Maka kilang tersebut membiarkan sisa air basuhan plastik yang disalurkan ke longkang dan terus ke air Selangor ini tidak boleh dimaafkan. Selain daripada itu penduduk-penduduk yang berdekatan juga sering mengadu kepada saya bahawa terdapat bau kebakaran yang tidak menyenangkan mereka terutamanya pada waktu malam. Selepas MDHS menjalankan operasi bersepadu tersebut penduduk memaklumkan kepada saya bahawa bau kebakaran itu tidak ada lagi dan udara menjadi segar semula. Pengusaha dan pekerja kilang tersebut menghilangkan diri semasa MDHS menjalankan operasi bersepadu. MDHS telah mengeluarkan kenyataan bahawa MDHS akan mendakwa pengusaha di mahkamah sekiranya kilang tersebut didapati masih meneruskan operasi selepas proses penyitaan itu. Syabas kepada MDHS yang berani dan tegas terhadap aktiviti yang mencemarkan alam sekitar. Saya harap MDHS akan

terus komited membanteras aktiviti kitar semula kilang import plastik import di daerah Hulu Selangor dan hanya membenarkan aktiviti tersebut beroperasi setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan mematuhi syarat-syarat teknikal yang lain.

Puan Timbalan Speaker, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku agar kawasan-kawasan tadahan air dan hutan-hutan simpanan di kekalkan dan dipelihara dengan baik demi masa depan perlu dititik beratkan. Saya pernah membangkitkan TNB melaksanakan projek talian mereka Daerah Hulu Selangor dalam dewan yang mulia ini pada tahun lepas. Projek ini melibatkan hutan simpanan kekal seluas 65 hektar di mana sebahagian besarnya adalah berbukit tinggi. Fungsi hutan itu adalah sebagai hutan tadahan air, hutan untuk perlindungan hidupan liar dan Taman Negeri Selangor. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat mengambil berat mengenai keindahan hutan air terjun dan sungai yang mungkin terjejas semasa projek pembinaan menara merentasi hutan simpanan dan sungai. Jabatan Perikanan Negeri Selangor Melayu, melalui surat pada 24 September 2018 dan susulan daripada lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ke *Sanctuary* Ikan Kelah, Sungai Chiling pada 4 Oktober 2018, telah menyebabkan TNB mengkaji semula dan mencadangkan pindaan ke atas jajaran asal yang telah diluluskan sebelum ini. Cadangan pindaan jajaran yang baharu ini, akan melibatkan penambahan jarak sebanyak 2.3KM di dalam hutan simpanan kekal. Walau bagaimanapun, berita yang baik adalah jajaran dipindah ke sebelah atas bahagian Sungai Chiling, dan tidak akan melalui pinggir sungai. Saya amat berharap pihak TNB tidak melakukan penebangan pokok berkala besar, di sepanjang pindaan jajaran talian yang merentasi *Sanctuary* Ikan Kelah dan hanya melaksanakan pemotongan dahan-dahan kecil sekiranya perlu sahaja. Saya mendapat jawapan bertulis daripada Kerajaan Selangor mengenai beberapa syarat tambahan yang dikenakan bagi mengurangkan kesan negatif terhadap hutan simpanan kekal. Saya menyambut baik syarat-syarat tambahan seperti penebangan pokok balak menggunakan konsep potong dan tinggal tiada lagi kerja-kerja penebangan kayu balak pada musim hujan. Helikopter digunakan untuk kerja-kerja pemasangan menara talian penghantaran dari pihak TNB diminta untuk memberi sumbangan kepada konservasi ikan melalui program CSR. Saya ingin menekankan di dewan yang mulia ini, bahawa kawasan hutan simpanan kekal amat sensitif dan perlu dilindungi sepenuhnya, demi keseimbangan biodiversiti. Dengan ini, saya menyeru kerajaan Selangor sentiasa memantau pelaksanaan projek TNB ini dan tidak berkompromi dengan isu alam sekitar iaitu mengambil tindakan yang tegas seperti *stop work order* sekiranya terdapat pencemaran sungai, bencana yang akan berlaku akibat daripada projek TNB tersebut. Puan Timbalan Speaker, pelaksanaan pembangunan sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal, secara menyeluruh dan menggunakan teknologi sisa kepada tenaga WTE, adalah satu langkah yang berani dan mungkin mengundang bantahan daripada golongan tertentu. Rakyat pernah membantah cadangan loji insinerator bernilai 1.5 Bilion di Broga, selama 5 tahun bermula pada 2002 kini terdapat rakyat membantah loji WTE di Kepong. Sebenarnya kerajaan Selangor pernah mencuba loji WTE di Semenyih yang dinamakan Loji RTF pada tahun 2004, malangnya loji RTF terpaksa ditutup kerana kegagalan menyelesaikan masalah sampah sehingga menimbulkan

rungutan penduduk di Semenyih pada Oktober 2016. Kita juga tahu loji WTE di Cameron Highland, Langkawi, Tioman dan Pangkor mengalami kegagalan tetapi Selangor adalah Negeri yang maju dengan pentadbiran yang sangat baik sejak 2018. Saya yakin loji WTE di Jeram yang akan dibina dengan nilai pelaburan 1 billion akan memfaatkan Negeri Selangorku. Saya pernah membuat lawatan ke Nei Hoo *Insinerator Plant* yang diuruskan oleh kerajaan Bandar raya Taipei, Taiwan. Loji WTE di Nei Hoo beroperasi pada tahun 1991, iaitu 28 tahun yang dulu dan loji tersebut sentiasa dinaiktarafkan, kini Taipei mempunyai tiga loji WTE yang boleh memproses 2,850 tan sehari. Oleh itu, saya yakin kerajaan Selangor juga boleh melupus sampah dengan cara WTE dan tidak menjejaskan kesihatan rakyat. Walau bagaimanapun, saya berharap Kerajaan Selangor bukan setakat membina WTE tetapi juga mempunyai satu dasar yang holistik untuk tidak menghasilkan sampah. Aktiviti kitar semula boleh bermula daripada dapur, dengan tidak menggunakan perkakas makanan makan dan minum guna dan terus buang. Seperti pinggan cawan kertas yang kita lihat di mana-mana dapur ataupun mana-mana jamuan yang ada. Saya lihat Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan banyak beg plastik semasa pembersihan awam dijalankan. Sekiranya beg plastik yang sama boleh digunakan beberapa kali maka objektif mengurangkan sampah akan tercapai. Saya harap Kerajaan Negeri memberi penegasan kepada segala aktiviti yang mengurangkan sampah dan tidak membebankan alam sekitar kita. Sekian saya menjunjung kasih titah Tuanku.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ok. Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Terima kasih kepada YB Puan Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Timbalan Speaker yang bagi peluang menyertai perbahasan pada kali ini. *Bismilahiromanirahim.. Assalamualaikumwarahmatuallahibabarakatuh...* dan salam sejahtera. Pertama kali saya mengucapkan tahniah atas pelantikan Timbalan Speaker pada kali ini dan juga kepada YB Semenyih yang baharu dilantik, yang baru dipilih Yang Berhormat Semenyih yang baharu dipilih sebagai Dewan Negeri kita kali ini. Di sini pertama kali saya sebagai wakil rakyat Dun Meru sudah pasti bila kita menyebut soal Meru ini dia ada identiti yang cukup terkenal iaitu berkaitan dengan empat isu, iaitu berkaitan dengan isu jalan, isu perparitan, banjir, kebersihan dan juga kebanjiran warga asing yang melimpah ruah di Meru itu sendiri. Bagi menjunjung titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, dengan ini kita lihat bagaimana Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, cukup gembira dengan pencapaian Kerajaan Negeri Selangor pada tahun lepas, yang mana kita dapat melihat nilai pelaburan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah 18.947 bilion yang merupakan satu rekod yang cukup besar dan juga yang tertinggi yang pernah dicatatkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan keseluruhan kerajaan negeri yang ada dalam negara kita ini. Namun persoalannya adakah angka yang cukup hebat ini hasilnya sampai kepada rakyat yang mana pada kita lihat pada ketika ini dengan tekanan ekonomi yang semakin meruncing, walaupun kita dapat melihat Kerajaan Negeri pada ketika ini masih lagi dapat melaksanakan IPR yang baik dan saya mengharapkan dengan jumlah yang besar ini yang pastinya memberi pulangan yang besar kepada negeri selepas ini Kerajaan Negeri akan dapat menambah baik dan juga menambah lagi manfaat kepada rakyat dan juga dapat

membuka peluang, peluang yang lebih baik kepada rakyat yang memerlukan bantuan di dalam negeri ini. Secara logiknya, sepatutnya apabila berlaku pembangunan yang pesat di dalam satu negeri sudah pasti ia membuka peluang dan ruang pekerjaan yang cukup besar kepada rakyat jelata. Namun sebaliknya, pada ketika ini kita dapat melihat bagaimana peluang-peluang pekerjaan ini dibolot ataupun dikuasai oleh warga asing, khususnya daripada negara Bangladesh, Negara India, Negara Myamar, Nepal dan sebagainya yang boleh dikatakan menjuarai ataupun menguasai kerja-kerja di peringkat bawahan dan atasan apatah lagi di peringkat eksekutif ke atas. Senang kata kita lihat, kalau seboleh-bolehnya peringkat Kerajaan Negeri boleh menetapkan undang-undang, untuk memastikan peluang pekerjaan ini diutamakan dulu kepada rakyat tempatan khususnya warga anak Negeri Selangor untuk mengisi kekosongan ini yang mana kita tak nak walaupun pembangunan cukup banyak, kilang-kilang didirikan cukup banyak, tetapi diisi oleh warga asing, yang lebih malang apabila kebanjiran warga asing ini tidak dikawal, dia akan membawa pelbagai pemasalah-pemasalah lain, antaranya berkaitan dengan permasalahan kebersihan, permasalahan orang kata budaya, permasalahan dari segi orang kata integriti dan sebagainya. Masalah sosial dan sebagainya disebabkan kelemahan daripada pihak kita tidak mengawal ataupun tidak mengenakan tindakan undang-undang yang ketat, tegas pada mereka, dan kalau kita lihat di mana-mana kawasan industri antara permasalahan paling besar bila kebanjiran warga asing ini datang adalah berkaitan dengan masalah kebersihan, yang mana mereka kebanyakannya suka buang sampah merata-rata seolah-olah tidak ada sistem di dalam negara kita. Kesan daripada kurangnya penguatkuasaan yang dilakukan oleh PBT dan sebagainya. Saya tidak boleh menyalahkan mereka semata-mata atas sikap mereka. Kalau kita lihat negara lain, contohnya macam di Karta, di Dubai hatta di Singapura jiran kita yang paling hampir pun, ramai rakyat asing daripada negara-negara yang saya sebutkan ini membanjiri negara mereka sebagai pekerja. Tetapi kita lihat bagaimana negara mereka kebersihannya, cukup orang kata jelas kita dapat lihat dan juga kita dapat lihat bagaimana kerajaan mereka mengawal kebanjiran orang kata, warga asing yang bekerja sehinggakan mereka boleh patuh dan juga mengikuti dan menjaga negara itu sehingga negara itu, negara yang bersih. Sebab itu kita kena melihat balik kelemahan pihak kita walaupun kita ada peraturan ataupun undang-undang tetapi dari segi penguatkuasaannya adakah kita melaksanakan dan juga adakah kita mengenakan tindakan yang tegas kepada mereka ataupun kita sekadar membiarkan sahaja, yang banyak pada ketika ini aduan demi aduan ok. Laporan demi laporan dia hantar kepada pihak-pihak yang berwajib tetapi kita lihat kesannya tindakan yang amat minimum walaupun tindakan ada, tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah secara total sekadar tindakan untuk menutup aduan semata-mata, dan seperti mana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan dengan PBT kita di seluruh Negeri Selangor bertaraf lima bintang, tetapi persoalannya adakah hasil kepada rakyat juga bertaraf lima bintang, yang sepatutnya bila sebut lima bintang ini bukan sahaja di peringkat pengurusan tetapi hasil peringkat bawahan khususnya kepada rakyat juga kena lima bintang. Kalau di Meru Tuan Puan boleh datang tengok penuh dengan sampah, sampah dan juga penuh dengan orang kata sistem perparitan yang cukup mendukacitakan yang mana kalau kita lihat, banjir kilat berlaku sistem perparitan yang tidak sempurna dan infra jalan raya yang sangat teruk, telah menjadi satu *trademark* di Meru sejak dulu lagi. Seperti mana kalau ahli parlimen saya sendiri di parlimen ada mengatakan kalau kita ini ada satu

sakit badan hendak mengurut secara mudah pergi sahaja ke Bukit Meru itu jadi jalan yang bergoyang-goyang itu *Insyallah* akan menghilangkan rasa sakit badan di badan dengan mudah bukan sahaja di Meru, Sungai Semeta pun sama juga. Dangdut ia, itu kena selalu datang secara halal itu *Insyallah*. Semua ini berlaku kerana kegagalan sistem perancangan bandar pada peringkat awal. Kalau kita tengok di Meru, Yang Berhormat sekalian kita bukan menolak pembangunan, pembangunan di Meru ini kawasan perindustrian bagus kita suka dan kita sokong. Tetapi pembangunan tidak seimbang dengan infra yang ada. Bila banyak kilang banyak lori tetapi kemudahan jalan dia pun ikut masih lagi jalan kampung. 80an, 90an punya, 90 peratus jalan di Meru ini perlu pembaikan, dan yang lebih malang saya agak dukacita walaupun ada pembaikan, saya ucapkan terima kasih kepada EXCO, Yang Berhormat EXCO Infra yang turun sendiri bagi penerangan dan sebagainya, pihak JKR sendiri sepanjang, selepas pilihan raya ini kalau kita lihat memang ada pembaikan yang dibuat di Meru, tetapi malangnya pembaikan itu bersifat orang kata sekadar, macam kosmetik. Tidak sampai seminggu jalan sudah rosak balik. Sebab apa, sebab timbul permasalahan-masalahan lain, macam tadi saya sebutkan lori dan sebagainya. Kawasan itu, kawasan kilang, kawasan industri tetapi kemudahannya berstatus kawasan kampung, yang pasti tidak mampu hendak menampung kebanjiran lori-lori yang besar, dan penguatkuasaan pun kalau kita lihat, bukan kata tiada saya ucapkan terima kasih pada pihak JPJ negeri bila kita buat aduan pantas dia datang. Dia terus buat operasi, saya kalau telefon sahaja pihak JPJ Negeri, saya rasa tidak sampai dua jam dia sudah sampai di lokasi yang kita..

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI** : Boleh mencelah..

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Tidak boleh mencelah sebab masa tidak panjang. Semangat sangat Semenyih kita ini. Nanti lepas keluar kita boleh celah. Ok. Tapi malangnya penguatkuasaan ini sekadar kata boleh orang kata sekadar meletakkan mereka ini menakutkan sementara sahaja, pada pengusaha-pengusaha lori ini yang mana kalau kita lihat denda yang dikenakan pada mereka ini, mereka mampu bayar. Berbanding hasil yang mereka dapat daripada kerja mereka itu sendiri. Jadi kita kena ambil perhatian, malahan kalau kita lihat bukan permasalahan orang kata berkaitan dengan jalan dan perparitan sahaja yang jadi permasalahan sebab industri itu tadi, tetapi juga berkaitan bagaimana lemahnya kita memantau permasalahan-permasalahan ini, mungkin pihak PBT sekadar orang kata bertindak berdasarkan *report*, laporan yang diterima tetapi bagaimana di peringkat yang lebih tinggi untuk memastikan operasi-operasi bersepadu dilaksanakan untuk menyelesaikan permasalahan. Sebab itu macam mana Yang Berhormat yang lain berbahas sebelum ini ke kadang bila timbul permasalahan pihak sana kata pihak sini, pihak sini kata pihak sana. Perkara ini berlaku sebab tidak ada penyelarasan dan tidak ada gerak kerja bersama di antara agensi-agensi dan saya tidak pasti dan saya mungkin juga ingin ambil kesempatan di sini untuk bertanya pihak Kerajaan Negeri yang saya nampak ini usaha yang ada di peringkat EXCO Infra Yang Berhormat EXCO Infra sahaja yang menyusun jawatankuasa untuk penyelarasan ini tetapi bagaimana dengan penguatkuasaan. Yang lain. Ini bukan bodek ya, saya bagi tahu ya, jangan bongkar rahsia, tapi yang paling penting di sini, saya mengharapkan Kerajaan Negeri dapat juga memantau mewujudkan satu jawatankuasa berkaitan dengan penguatkuasaan ini .

## 20 MAC 2019 (RABU)

Untuk memastikan permasalahan-permasalahan ini dapat kita selesaikan. Itu yang paling penting bukan ada aduan selesai sekejap, lepas itu masalah berulang. Kita nak masalah itu benar-benar diselesaikan yang ini penting untuk memastikan bukan sahaja masalah rakyat dapat kita selesaikan tetapi menjimatkan perbelanjaan negeri. Kita tak nak lah masalah itu dan pembaikan dan sebagainya berlaku berulang-ulang kali. Akhirnya perbelanjaan itu habis begitu sahaja.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Meru, Taman Templer ingin mencelah.

**Y.B. TUAN FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Sebabkan boss saya, saya kena bagi laluan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Terima kasih Yang Berhormat Meru. Tadi dalam ucapan pembahasan Meru, kita mendengar berkaitan dengan ada undang-undang ada penguatkuasaan dari agensi Kerajaan, cuma penguatkuasaan ini mungkin tak betapa nak tegas. Saya nak tanya pandangan kepada Yang Berhormat Meru, adakah unsur-unsur sabotaj daripada pegawai dan kakitangan kaki tangan Kerajaan dalam usaha kita untuk melayan setiap aduan yang dikemukakan oleh masyarakat kepada kita.

**Y.B. TUAN FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Ok berkaitan sabotaj daripada kakitangan kerajaan setakat ini saya berpuas hati dengan kerjasama daripada kakitangan kerajaan Negeri Selangor. Saya berpuas hati dan mereka memberi komitmen yang tinggi. Cuma permasalahan yang saya nampak di peringkat kakitangan kerajaan ini adalah disebabkan kekangan kekurangan kakitangan itu sendiri. Kekurangan yang amat ketara, kalau tak silap saya, saya rujuk di bahagian Imigresen ya, untuk Klang daerah Klang saya tanya dia berapa pegawai yang ada jaga Port Klang Penguatkuasaan untuk semua daerah Klang. Saya difahamkan hanya 11 orang sahaja dan orang ini lah yang nak buat semua benda dan pelantikan jawatan-jawatan ini pula bukan diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan itu antara permasalahan kita macam juga kakitangan di klinik-klinik Kerajaan dan sebagainya. Yang kita alami kekurangan kakitangan ini menyebabkan *service* itu kurang efisien. Ok, Timbalan Speaker yang di hormat dan juga Yang terhormat sekalian, juga sentuh ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan dengan titah Tuanku untuk menutup sekolah tahfiz swasta tidak berdaftar. Yang ini saya kena jelaskan saya tak nak muncul yang menitahkan titah Tuanku kalau saya mampus kena maki. Mujur yang menitahkan itu Tuanku, saya yakin apa yang dititahkan oleh Tuanku itu untuk kebaikan rakyat Negeri Selangor. Saya yakin apa yang dinyatakan oleh Tuanku itu untuk memastikan para hafiz yang dikeluarkan hufaz dikeluarkan adalah orang benar-benar boleh manfaat kepada rakyat Negeri Selangor. Kita menyokong penuh tindakan menutup yang tidak berdaftar ini, sebab kita bimbang bukan sahaja khawatir anak-anak disalahgunakan untuk kepentingan keuntungan dan juga kita takut

dan bimbang anak-anak ini tak ada masa depan. Paling kita bimbang anak-anak ini ditanam dengan pemikiran-pemikiran yang tidak betul. Sedangkan Islam ini agama rahmat, agama yang memberi kebaikan kepada seluruh umat. Rahmatan Ya Amin rahmat, kata rahmat ini kebaikan untuk makluman juga kepada yang *non muslim*. Turun kebaikan bukan sahaja untuk orang Islam tetapi kepada semua yang bukan Islam. Dalam Islam kita meyakinkan Allah Taala ini adil. Allah Taala tidak hanya memberi kebaikan kepada orang Islam tetapi juga memberi kebaikan kepada yang bukan Islam dan menjadi kewajipan kepada orang Islam melindungi. Dan kita sebagai pemimpin tidak kira apa bangsa apa agama wajib kita lindungi, walaupun mereka itu bukan beragama Islam. Itu yang kita kena faham. Dalam Islam bukan sahaja menjaga hubungan dengan Allah Subhanah Wa Taala tetapi hubungan kita sesama manusia, termasuk juga hubungan juga dengan makhluk termasuk hubungan kita dengan alam sekitar. Ini menjadi kewajipan kita semua untuk kita pelihara dan jaga. Pada hari ini kita melihat permusuhan-permusuhan timbul atas sebab doktrin pemikiran hanya aku yang betul orang lain tak betul yang ini perlu kita sama-sama kita hayati soal bangsa dan sebagainya. Kita dalam perut emak, kita tak boleh pilih kita jadi bangsa apa, ini kita kena faham. Ok tuan daripada titah Tuanku tadi, berkait yang saya sebutkan yang berkaitan menutup tahfiz tadi, saya juga mencadangkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor supaya dapat meneliti kembali dan juga memeriksa kembali ada juga sekolah-sekolah swasta yang ini memang ikhlas nak membantu melahirkan generasi apa nama tahfiz yang baik ini tapi mungkin ada beberapa perkara yang menyebabkan mereka terhalang antara yang perkara yang menyebabkan pendaftaran mereka terhalang gagal mendapat kelulusan daripada PBT daripada pihak Bomba lepas tu orang kata mungkin *silibus* mereka itu sendiri tidak mengikut sistem yang ditetapkan oleh JAIS dan juga sekolah perlu mewujudkan panel pengurusan yang dianggotai sekurang-kurangnya 7 warganegara Malaysia beragama Islam 21 tahun ke atas. Guru perlu mengikuti kursus perakuan mengajar dan lulus ujian terbabit. Sekolah terbabit perlu mendapatkan sokongan daripada Pejabat Kesihatan Negeri dan juga Daerah dan juga bilangan pelajar kurang 20 orang. Jadi kita tak bagilah kelulusan dan saya difahamkan sendiri daripada Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, untuk makluman Yang Berhormat semua, sekolah yang tidak berdaftar sahaja 14 bukan banyak mana pun. 14 sahaja dan mana yang perlu kita bantu, kita bantu untuk mereka melaksanakan operasi mereka ini sebaik yang mungkin. Yang beroperasi secara tidak betul kita pun bimbang kenapa kita dah permudahkan tapi mereka tak nak mohon, mesti ada benda tak kena yang ini perlu juga untuk ambil tindakan sebab kita bimbang akan berlaku orang kata perkara-perkara yang boleh membawa masalah kepada masyarakat dan juga perpecahan di kalangan kita dan yang terakhir Tuan Speaker, tak pun nak tutup dah. Tuan Speaker saya juga menyeru kepada pihak JAIS kursusnya dan juga Kerajaan Negeri perlu menguatkuasakan untuk mengawal masjid dan surau daripada terus dijadikan pentas politik pecah belah orang Melayu daripada pihak pembangkang. Pihak

JAIS perlu memantau dan memastikan Masjid dan Surau perlu bebas daripada pengaruh daripada mana-mana politik. Bukan sahaja setakat jawatan nazir masjid tapi jawatankuasanya juga perlu bebas daripada pengaruh politik. Dan juga saya mengharapkan pihak JAIS dapat menguatkuasakan memastikan tenaga pengajar adalah yang bertauliah dan juga tidak menjadikan masjid ini sebagai tempat untuk menghentam dan juga memfitnah Kerajaan. Yang mana pada ketika ini kita lihat kebanyakan institusi masjid telah disalah gunakan oleh pihak tertentu untuk memburuk dan menabur fitnah kepada pihak Kerajaan. Saya dengan ini, masa tidak mengizinkan menjunjung titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor saya menjunjung penuh apa yang diucapkan oleh Baginda. Sekian Assalamualaikum Warahmatullahi Wabahrakatuh.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih kepada Timbalan Speaker, dan tahniah di atas pelantikan sebagai Timbalan Speaker. Dan juga kerana beri ruang kepada Jeram untuk mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Tuanku sempena Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor. Pertamanya berkenaan dengan sungai tercemar dari bahan buangan dari sisa pepejal dan sisa toksik. Tuanku meminta penguatkuasaan yang lebih serius terhadap mereka yang melakukan atau melepaskan sisa-sisa itu ke dalam parit atau sungai. Untuk makluman Puan Timbalan Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, kes lembu mati di Jeram selepas minum air parit di mana pelupusan sampah berhampiran dan melepaskan air ke dalam parit yang berhampiran. Sehingga kini belum ada jawapan daripada Kerajaan Negeri Selangor atau pun pihak-pihak yang bertanggungjawab dan 6 bulan. Isu ini dipandang remeh sekiranya tidak berlaku apa-apa, tunggu seperti mana yang berlaku di Sungai Kim Kim baru dipandang serius dan pelbagai agensi turun membantu dan sebagainya. Saya tidak pasti apa kah masalah yang terlalu rumit. Ketika saya berhubung dengan pegawai veterinar mengatakan memang dari segi *post mortem* dibuat dia atas lembu itu mendapati ada minuman bahan racun dan sebagainya tetapi mereka masih lagi menunggu makmal laporan makmal kimia dan makmal kimia biasanya mengambil masa yang lama mengambil faktor mengutamakan dulu isu-isu yang berkaitan dengan manusia binatang dikemudiankan tetapi sehingga 6 bulan masih terlalu banyak mungkin manusia yang masih lagi dalam penyelidikan. Jadi majlis pihak majlis juga tidak memberikan sebarang jawapan menunggu keputusan daripada makmal kimia ataupun daripada pegawai veterinar. Jadi saya minta di Dewan yang mulia ini supaya memandang serius isu ini, dan sila beri jawapan kepada mangsa-mangsa, mangsa-mangsa yang menternak lembu di kawasan saya, supaya mereka mendapat pembelaan sewajarnya sebab lembu yang mati ini seekor dua Yang Berhormat, Tuan-Tuan Yang Berhormat yang mati lebih daripada 50 ekor. Jadi kita perlu bertanggungjawab sekiranya, kita sedia maklum yang membuang sampah di

kawasan Jeram ialah syarikat Kerajaan Negeri. Jadi kita bertanggungjawab dengan apa yang kita buat supaya rakyat tidak menjadi ia sebagai satu isu di mana apabila salah laku itu datangnyanya daripada anak syarikat Kerajaan Negeri di cuba dilupakan. Sila-sila.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Mohon mencelah Yang Berhormat Jeram. Tadi dikatakan bahawa pencemaran menyebabkan lembu-lembu ternakan mati mengejut yang dalam jumlah yang agak besar juga seperti mana yang dinyatakan. Jadi lembu-lembu yang didapati mati itu, adakah yang diusahakan secara komersial ataupun penternakan secara keperluan diri kepada para penternak jadi itulah yang saya nak tanya kepada pihak Yang Berhormat Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Yang Berhormat, diusahakan bukan dikata secara komersial maksudnya bukan ladang dengan kebenaran ladang mereka menternak dalam itu beratus ekor dengan kebenaran pihak pengurusan ladang Sime Darby. Jadi bukan di kawasan penduduk ataupun di biarkan begitu sahaja. Jadi saya tidak benarkan lain-lain mencelah kerana masa mencemburui. Jadi saya seterusnya berkenaan yang kedua, Tuanku menitahkan supaya pegawai-pegawai Kerajaan di Negeri Selangor ini dapat terus bekerja dengan bersungguh-sungguh dengan berintegriti berikan komitmen yang tinggi kepada tugas yang diamanahkan ini termasuklah bertugas di pihak PBT yang banyak berurusan dengan kepentingan rakyat. Di Jeram ini ada satu kawasan di panggil kampung Sri Aman dan Kampong Sri Sentosa, pembuangan sampah haram dan lebih daripada 10 ekar. Dah boleh jadi sama macam pembuangan sampah yang di Jeram sana, tetapi saya amat kecewa saya selalu berhujah dan saya turun ke kawasan itu, hanya datangnyanya bukan pegawai yang datangnyanya kerani daripada PBT, bukan boleh buat keputusan untuk menyelesaikan masalah. Jadi apabila kita menghadiri *full board* di majlis sebagai pemerhati jadi sinilah ruangnyanya untuk saya bercakap. Jadi kalau masa itu tak cukup mohon jasa baik Puan Timbalan Speaker sambung selepas rehat nanti. Jadi yang bagusnyanya Pejabat Daerah Pejabat Tanah saya bezakan saya minta pegawai yang bertugas pegawai penguatkuasa datang dan mereka bawa fail. Memang aduan apabila terima aduan penduduk mereka telah mengkaji dan mereka telah membuka fail dan telah menghantar notis 7A iaitu tanah itu sepatutnyanya untuk pembinaan perumahan bukan untuk pembuangan sampah dan saya ditunjukkan notis B, alasan tunjuk sebab 7B dan kemudian akan dihantar notis 8A di mana rampasan semula tanah itu sekiranya tidak mengikut apa yang dikehendaki dan tidak menjawab surat dan sebagainyanya dalam tempoh 100 hari tak silap saya. Jadi bermakna Pejabat Tanah dia mengikut *flow* tidak boleh buat rampasan sewenang wenangnya apabila tanah yang sudah ada geran. Tetapi Majlis sepatutnyanya mengambil tindakan apabila saya panggil kebetulan lori dah datang saya tangkap 1 lori dan kita bawa ke pejabat Majlis. Dan apabila orang yang datang tunjukkan pada saya cuma ada 1 saman sahaja.

Tuan tuan Yang Berhormat bayangkan dah lebih 10 ekar pembuangan sampah haram secara besar besaran tetapi ada 1 saja surat saman kompaun yang dikeluarkan kepada pemandu lori bukannya pada orang yang kutip. Dia pandai, orang yang buat ini pandai di mana tanah dia dibuat laluan macam tol, bayar, tengok setiap lori dia ambil bayaran kemudian buangnyanya di belakang sana. Jadi saya ucap terima kasih kepada Yang

Berhormat EXCO, mungkin tiada di sini telah berbincang, jadi saya minta Yang Berhormat EXCO turun, sebab kalau kita turun tiada orang nak turun Yang Berhormat, kita ni gred 52 saja. Jadi tiada orang nak turun, jadi saya minta Yang Berhormat EXCO turun supaya pegawai-pegawai itu semua turun tengok sendiri belakang tu Yang Berhormat, Sg. Buloh apabila 10 ekar tu kalau buat bahan membuang bahan yang binaan sampah dan sebagainya apabila hujan mengalirnya betul-betul ke Sg. Buloh. Kalau berlaku apa-apa Jeram juga yang kena. Jadi benda-benda ini soalnya jangan benda jadi isu, rumit kemudian barulah nak ambil tindakan. Kenapa apabila yang Berhormat memberikan, mengajukan masalah kepada PBT atau pun Pejabat Daerah kurang mendapat perhatian sewajarnya. Saya kurang menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi berkenaan dengan tahun 2008 setelah Pakatan Rakyat ketika itu telah mengambil alih dan tidak membenarkan Yang Berhormat jadi Ahli Majlis. Bukan Yang Berhormat sini nak jadi Ahli Majlis, bukan, tetapi kuasa perlu ada untuk kita memudahkan kerja. Apa yang baik yang dibuat oleh Barisan Nasional bukannya semua tak baik, kita kena akui kalau tak baik tak ada lah sampai 60 tahun memerintah. Jadi benda yang baik kita kena ambil supaya memudahkan urusan. Rakyat dia tanya kepada saya apabila saya kata tiada kena mengena dengan saya. Kita ajukan kepada Ahli Majlis atau pun kepada Majlis Daerah. Yang Berhormat, saya tidak mengundi Ahli Majlis, saya undi Yang Berhormat. Itu isu longkang yang tersumbat. Jadi bermakna kita bukan nak kan kuasa, kita bukan tamak kita pun tiada masa sebenarnya nak duduk di Ahli Majlis hadir mesyuarat dan sebagainya tetapi suara kita ni untuk memudahkan urusan rakyat. Itu saja. Saya pelik kalau lah kita ni dikatakan Penggubal Dasar Undang-Undang kenapa Yang Berhormat EXCO tidak membuat Usul yang terbaru atau menggubal undang-undang di mana membenarkan Yang Berhormat menghadiri mesyuarat Majlis.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI :** Boleh mencelah?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Jangan la nanti dulu.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI :** Terima kasih Meru diatas penghargaan pada mengenang jasa memerintah lama lebih 60 tahun. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAID BIN ROSLI :** Tapi tang *corner* tu isi borang la. Jadi saya teruskan yang ke tiganya berkenaan *wasted energy* iaitu di mana nilai pelaburan 1 *billion* diperuntukkan ke pada Jeram bukannya untuk pembinaan saja pembinaan kilang di kawasan Jeram. Tempoh hari saya ucap terima kasih kepada *Worldwide*, syarikat yang mana yang mendapat pengurusan *waste energy* tu datang berjumpa saya. Saya tanya apakah peluang pekerjaan kepada orang-orang tempatan? Beliau mengatakan tidak ada sebarang kuota. Saya amat terkejut. Satu pelaburan yang besar di kawasan saya tetapi tiada manfaat kepada penduduk. Itu satu yang tidak betul. Jadi saya minta Yang Berhormat EXCO yang terlibat ataupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar mencadangkan kepada anak syarikat *Worldwide* sekurang kurangnya 30% peluang pekerjaan perlu diberikan kepada orang tempatan. Tidak semata-mata membawa satu teknologi atau pun pelaburan yang besar di kawasan saya iaitu 1 *billion* tetapi orang yang duduk di kawasan itu takkan hanya melihat sahaja. Sekarang ni mereka mengadu

mereka hanya dapat bau sahaja. Jadi saya harap benda ini dapat pertimbangan yang sewajarnya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya maklumkan kepada anak syarikat *Worldwide* berikan peluang 30% sahaja, saya bukan minta 100%. Berikan kuota. Jadi sekurang kurangnya orang kawasan tahu la YB ni buat kerja. Seterusnya, Tuanku mengingatkan bahawa rakyat menaruh harapan dan amanah kepada Ahli Yang Berhormat untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang, pimpinan haruslah sentiasa turun ke padang mendengar aduan rakyat, membuka mata, melihat keadaan semasa serta berfikiran terbuka bagi mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi rakyat. Jadi saya turun tuan-tuan, Yang Berhormat sekalian, saya turun saya mendapati aduan rakyat di kawasan saya, saya pernah juga bawa Usul ini pada sidang yang lepas iaitu Balai Polis dan Bomba. Saya kerap kali saya bawa supaya Yang Berhormat EXCO terlibat tolong ambil berat sekiranya tahun penggal kedua ini kalau tidak ada sebarang perkembangan penggal ketiga saya akan minta Tuanku, minta bantu saya, sebab saya tiada pilihan sebabnya makin lama makin rumit keadaan ini sebab ini kehendak Tuanku. Tuanku yang minta kita turun padang ni. Ayat tu kalau Yang Berhormat boleh tengok dekat titah Tuanku ada mengatakan diminta kita turun dan kita dah turun dan kita dah adukan kepada Yang Berhormat EXCO supaya mengambil berat mengenai Balai Polis dan Bomba di kawasan Jeram yang mana menjadi satu keperluan yang penting.

Yang keduanya iaitu sekolah, sekolah di mana tidak lagi menampung kelas nya tidak mencukupi untuk pelajar-pelajar darjah satu dah melebihi 12 kelas dan jumlah pelajarnya lebih daripada 45 orang, standard yang dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan hanya 35 orang. Jadi sepatutnya Rancangan Malaysia ke11 ada sekolah baru di kawasan saya. Ini dah habis Rancangan Malaysia ke11. Belum ada lagi. Jadi Yang Berhormat EXCO mungkin boleh tolong bantu saya untuk membawa isu ini ke peringkat Nasional. Begitu juga isu pasar malam di kawasan saya. Saya meminta kebenaran Majlis supaya diberikan ruang kepada penduduk tempatan, supaya penduduk tempatan boleh berniaga, yang datang berniaga dari pada kawasan-kawasan lain, yang orang kawasan sendiri berniaga tepi jalan. Bila kita kata, kita akui apa yang dikatanya logik sebab tidak berikan ruang kepada mereka berniaga di pasar malam dan sebagainya iaitu mereka yang duduk di tempat itu jadi saya dah minta tempoh hari 100 kuota apabila saya membuat pemindahan tempat pasar malam di kawasan saya tetapi YDP Majlis bersetuju tetapi tidak ada tindakan sehingga sekarang. Pasar malam yang baru pun dah bermula. Apabila saya tanya Ahli Majlis, mengatakan tidak ada perbincangan berlaku di dalam perbincangan ketika Majlis, jadi saya agak kecewa dan malu apabila peniaga-peniaga tempatan bertanya YB janji apabila pemindahan tempat baru pasar malam, akan diberikan ruang kepada penduduk tempatan tetapi sehingga kini tidak dapat. Apa alasan YB? Saya nak jawab tu susah jadi saya terpaksa tanya di sini.

Selain daripada itu saya ingin membawa satu lagi masalah rakyat tetapi bukan di kawasan saya tetapi itu merupakan tempat asal saya iaitu di kawasan Ulu Bernam. Ulu Bernam ni sebenarnya sempadanan dengan Sg. Panjang. Bekas Menteri Mantan, Menteri Besar pun dari pada sana tetapi tidak selesaikan isu ini. Saya minta kerjasama ataupun pandangan yang positif dari pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat EXCO Infrastruktur tolong bantu untuk membina jambatan dekat Sg.

Bernam itu untuk memudahkan pengundi-pengundi ataupun pelajar-pelajar sekolah yang bersekolah dari pada Selangor ke Perak. Sekarang ni masalahnya feri yang diusahakan oleh *United Plantation* tidak beroperasi sepenuhnya. Selalu rosak. Cikgu-cikgu yang datang daripada Sabak Bernam dan Sg. Besar untuk pergi mengajar ke Ulu Bernam terpaksa sangkut. Tidak boleh pergi mengajar. Ini kekangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar anak-anak yang nak bersekolah berhampiran di Ulu Bernam ini. Jadi sebenarnya selain daripada itu, kecemasan, sekiranya feri itu tidak berfungsi boleh berlaku kematian dan sebagainya, pernah berlaku ibu yang mengandung nak bersalin terpaksa tunggu feri dan terpaksa bersalin dalam kereta kerana kemudahan feri itu amat terhad. Jadi dulu alasan kerajaan Negeri Perak lain, Selangor lain pelbagai alasan tetapi sekarang ni saya rasa Perak dan Selangor semuanya di bawah satu Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi boleh dipertimbangkan untuk membina jambatan. Kalau la jambatan di Klang boleh di naik taraf dengan beratus juta jadi tak salah untuk memberikan ruang kepada Sg. Panjang walaupun Sg. Panjang tak bangkitkan benda ni tetapi saya bertanggungjawab lah sebab itu kawasan asal saya, saya bangkitkan supaya saya dapat membina jambatan itu. Jadi ada 4 minit lagi, banyak lagi sebenarnya Puan Timbalan *Speaker*, ada benda-benda penting lagi nak cerita jadi jangan tak diberi ruang selepas ini. Kemudian bagi memastikan perkhidmatan..

**Y.B. TUAN IDRIS BIN AHMAD :** Saya nak tanya Jeram betul kah bahawa dari kawasan Ulu Bernam banyak pesakit *emergency* mereka pergi ke Perak? Pergi ke Teluk Anson? Keperluan jambatan tu amat penting.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih jiran Ijok yang menyokong. Sebenarnya mereka terpaksa melalui jambatan itu untuk pergi, kalau ada jambatan la sekarang ni naik feri. Perlu melalui Sg. Besar dahulu kemudian baru pergi Sabak Bernam baru pergi Teluk Intan. Tetapi dia penghujung, tetapi paling dekat ialah Hospital Sabak Bernam. Itu yang paling dekat la.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jeram, sila ringkaskan dan maknanya pukul 1 kita minta berhentikan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Jeram, celahan sikit. 30 saat. Berkenaan saya ada tertarik tentang cadangan dari pada Jeram berkenaan dengan jambatan di kawasan Sg. Panjang, cuma saya tak dapat pastikan kawasan mana yang disebutkan oleh Jeram sama ada di kawasan perkampungan di Tanjung Medan, Sepong ataupun di kawasan Ulu Bernam yang menghala ke kawasan Yang Berhormat Hulu Bernam. Kalau la di kawasan Tanjung Medan dan kawasan Sepong kita yakin dan percaya bahawa penduduk di sana akan terus mendapat *direction* jalan yang agak baik jalan darat untuk ke Hospital Sabak Bernam.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jeram, sebelum Jeram meneruskan minta Jeram tamatkan by pukul 1.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Ooo. Tak boleh. Saya ada benda nak cerita ni berkenaan penanaman ganja secara besar besaran ni. Saya perlukan masa Puan

**20 MAC 2019 (RABU)**

Timbalan Speaker. Jadi yang saya maksudkan Ulu Bernam bukan Hulu Bernam. Ulu Bernam Sepong di mana jambatan tu dari pada Tanjung Medan sepatutnya ke Ulu Bernam. Jadi memastikan perkhidmatan yang lebih berkesan pegawai dari Dewan Negeri perlu ditempatkan di PBT dan Pejabat Daerah untuk membantu Adun-adun memudahkan urusan di PBT dan Pejabat Daerah. Ini cadangan saya kepada pihak Kerajaan Negeri kerana saya mendapati *staff* di Pejabat Dewan memang kelas A apabila kita minta apa saja dapat selesaikan bantu kita tanpa kira waktu, masa dan sebagainya. Jadi kalau la boleh letakkan di setiap PBT satu *staff* daripada Dewan ni untuk memudahkan urusan Adun saya rasa itu lebih baik berbanding kita minta bantuan daripada Ahli Majlis dan sebagainya. Jadi saya minta sangat Puan Timbalan Speaker ada 2 benda yang penting untuk kawasan saya, saya perlu jelaskan di sini. Jadi seperti Port Klang semalam selepas habis tempoh diberikan ruang pagi tadi jadi saya harap dia orang diberikan ruang penyambungan selepas rehat. Mohon dipertimbangkan dan diberikan jawapan sekarang.

**Y.B .TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Tak malu ke?

**PUAN TIMBALAN SPEAKAR :** Jeram, sila duduk. Ahli - Ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan di tangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)**

**(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TUAN SPEAKER :** Dewan disambung semula.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul di bawah Peraturan Tetap 17. Usul bagi menangguhkan Mesyuarat perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai berkehendak disegerakan.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian melainkan keadaan memerlukan perubahan saya akan menetapkan masa 50 minit untuk membahaskan Usul ini dan akan saya bagi 5 orang sahaja. Seorang 10 minit. 4 daripada Pihak Kerajaan dan satu daripada pembangkang sekira yang ingin ambil bahagian ya, 50 minit selepas itu akan digulung dan respons daripada Kerajaan. Jadi saya persilakan sesiapa yang ingin membahaskan Usul ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Bismillahirrahmanirahhim, terima kasih Tuan Speaker meluluskan usul yang saya bawa ini sebagai usaha tergepar untuk dibahaskan di dewan yang mulia ini. Usul ini sangat mengesani saya kerana hanya 5 hari sebelum itu saya berada di New Zealand di atas perkahwinan anak saya yang

## 20 MAC 2019 (RABU)

bekerja di sana dan selepas selesai urusan perkahwinannya dan saya balik dan dia kembali balik ke tempatnya di Christchurch.

Dan pada hari Jumaat itu oleh kerana dia masuk pertama kali selepas berumah tangga dia tidak dibenarkan keluar sembahyang Jumaat. Dia tidak keluar dan dia terkejut selepas itu berlaku penembakan di situ. Jadi isu ini sangat sensitif dan sedih bagi saya kerana ia melibatkan keluarga kami yang hampir-hampir kehilangan seorang anak dan menantu yang baru bersuami. Dan saya ingin menegaskan bahawa New Zealand ini ialah sebuah negara yang contoh, contoh negara yang merealisasikan satu negara yang bebas daripada rasa kebencian kaum.

Penduduknya tidak besar, tidak sampai 4.9 juta 70% dari Eropah, 15% dari Mauri kaum asal, 17% dari Asia, 7% dari *Pasific Islanders* dan Kota terbesarnya Auckland merupakan kota yang paling *multi racial* multi etnik tidak kira agama tidak kira bangsa mereka menghormati satu sama lain. Dan program nya adalah program yang menjadikan mereka itu negara yang disayangi sehingga trilogi '*Lord Of The Ring*' filem yang terkenal itu dan trilogi '*hobits*' telah memaparkan bumi yang cantik indah New Zealand dan keuntungan filem sebanyak 700 juta US Dollar. Dan jenama sukan yang terkenal yang menjadi jenama terkemuka di dunia adalah All black. Pemain rugby All black pasukan sangat disenangi dan yang paling disenangi pemain nya ialah yang bernama Sony Bil William seorang European New Zealander yang beragama Islam. Yang pertama sekali di interviu ketika berlaku peristiwa ini dan dia telah mengeluarkan air mata menangis tak henti-henti sedih teramat sangat terhadap peristiwa ini. Bukan hanya berlaku kepada orang Islam tetapi berlaku kepada negaranya yang sepatutnya merupakan contoh negara yang hidup aman dan bahagia. Isu ini adalah sangat penting untuk kita pelajari kerana isu *extremism* boleh berlaku dengan mudah contoh nya *extremism* ideologi ini berlaku dengan mudah dengan satu *claim* sahaja tentang *white supremacy*. Isu *white supremacy* ini keunggulan kehebatan bangsa berkulit putih ini telah di war-war kan dengan hebatnya pada tahun 2017 hingga 2018. Dan dalam satu program yang diadakan oleh Halis Media baru-baru ini yang merancang untuk mengumpulkan New Muslim seluruh dunia pada tahun depan mereka menganggarkan bahawa ini adalah satu perkara akan berlaku. Mereka adalah bangsa Eropah yang beragama Islam yang telah menginterview, mewawancara lebih 50 orang *convert*, *revert* daripada 25 buah negara dibuatkan sebuah filem dan filem itu akan telah ditayangkan di seluruh dunia dan akan ditayangkan di Amerika, di England tahun depan dan mereka menyatakan bahawa sengaja, Islam Fobia ini dilakukan untuk menimbulkan rasa benci, rasa duka terhadap Islam oleh orang yang telah dipesongkan fahamannya tentang hidup bermasyarakat. Contohnya, apabila pembunuh, penganas yang mengaku memperjuangkan keunggulan, ketulenan warna kulit putih ini menembak dan membunuh dia mengatakan bahawa ini adalah satu ideologi yang benar. Ideologi telah membuktikan bahawa hak orang putih membela dendam 1,300 tahun yang dilakukan oleh Islam menghancurkan orang Kristian.

Ini adalah ajaran yang tidak benar. Ini adalah satu perkara yang tidak boleh diterima kerana dia menggambarkan satu penipuan. Dia mengatakan bahawa *revenge against*

## 20 MAC 2019 (RABU)

*Islam dengan izin for one thousand three hundreds years a war and devil station that is as put upon people at west in other peoples out of the world.*

Ini adalah satu fahaman yang memang boleh berlaku dicetuskan dengan mudah di negara kita sendiri. Contohnya, kalau kita siasat hari ini berapa ramai lagi orang Islam mengatakan bahawa orang Hindu menjadikan lembu sebagai tuhan. Itu tidak benar. Setepat itu dan banyak lagi tanggapan-tanggapan yang silap di kalangan orang Islam terhadap agama yang di anut oleh orang Buddha, oleh tau orang Kristian, Protestan, Katholik, Metodist. Macam-macam lagi yang ada pecahan-pecahan aliran mazhab agama masing-masing.

Jadi kita, saya ingin menegaskan di sini Usul yang saya bawa ini adalah untuk kita mengecam sekeras-kerasnya serangan penganas dan kita mengucapkan terima kasih kepada seorang pemimpin hebat Perdana Menteri New Zealand yang mengatakan bahawa dakwaan nama istilah yang digunakan oleh media di negaranya sendiri sebagai gun men, penembak, orang yang bersenjata menembak ditukarnya dengan *terrorist*. Ini adalah sikap yang betul dan saya amat terharu. Saya dan isteri, anak-anak saya mengalirkan air mata apabila mengatakan bahawa *those who are kills maybe migrant, they may be refugees but they are choose New Zealand as their home. And home is New Zealand to them but not to the terrorist.*

Amat terharu dengan kehebatan seorang wanita yang menjadi Perdana Menteri di New Zealand yang tegas tentang *terrorism* dan keganasan dan saya ingin menegaskan bahawa sikap ekstrem kita memang ada contohnya apabila ICERD dipaparkan sebagai satu perkara yang sangat buruk sedangkan ICERD itu adalah satu konvensyen Internasional dan tidak ada mana-mana konvensyen PBB yang mengatasi mana-mana Perlembagaan mana-mana negara. Tapi oleh kerana *head speech* ini mudah dibuat. *Head speech* ucapan-ucapan yang menyemarakkan rasa benci ini senang dibuat maka dikatakan dia akan merampas hak orang Melayu, menjadikan Agung tidak wujud. Raja-raja Melayu akan dihapuskan, Islam agama rasmi tidak akan dijadikan agama rasmi lagi dan sebagainya. Menjadikan negara kita ke tahap yang sangat sulit. Jadi saya perakui kebijaksanaan Perdana Menteri pada masa ini tapi saya yakin perjuangan pertubuhan hak-hak asasi, badan-badan hak-hak asasi yang lain akan terus menjadikan segala usaha untuk *eliminate all form of discrimination on racist basic base* akan dilaksanakan di Malaysia.

Dan dengan itu, saya menyeru agar kita memperkukuhkan lagi dasar dan program keharmonian hidup sesama agama, banyakkkan lagi program silang budaya. Saya pernah dijemput oleh beberapa gereja di Petaling Jaya, Damansara untuk mengadakan dialog, mereka takut-takut jugak nak jemput di kalangan ADUN-ADUN, Ahli-ahli Parlimen, saya kata boleh jemput, boleh jemput. Kita boleh bincang. Mereka rasa takut dan hari ini pun saya rasa saya dapat *message* daripada mereka bahawa peristiwa yang berlaku di New Zealand itu takut-takut akan dituntut balasnya di sini. Ada puak-puak yang tertentu melakukan kekerasan, melakukan kekasaran, menyakiti dan merosakkan harta orang-orang Kristian dan gereja orang-orang Kristian dan ini telah berlaku di tempat kita dalam tempoh kita memerintah Selangor sejak 2008 dulu.

Jadi saya ingat ini satu perkara yang sangat penting dan saya berharap fungsi institusi surau dan masjid hendaklah memantau, melihat bahawa trend-trend begini tidak ada dan tidak ada satu kumpulan yang boleh menyatakan manifesto dia lain daripada manifesto Al-Quran dan menjadikan agama-agama lain juga bekerjasama untuk menjadikan kita lebih mesra tak mengharap sensitif mengenali agama masing-masing, berbincang, berdialog, bertukar pandangan kerana kita adalah sebuah umat yang dikehendaki oleh Allah SWT untuk bekerja bersama-sama. Lita'arafu yang dikatakan oleh Al-Quran. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih. Saya ingin, saya seru agar Usul saya ini disokong oleh pembahas. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Taman Templer. Eh Taman Medan. Minta maaf. Taman Medan. Taman Medan. Terperanjat.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Sayang betul dia.

**TUAN SPEAKER :** Rindu dengan Taman Templer pula. Sila-sila.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Bismillahhirahmanirrahim. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih di atas ruang diberikan. Ya, nampaknya Yang Berhormat Tuan Speaker amat sayang betul dengan Taman Templer. (Ketawa). Sehingga cemburu saya dibuatnya. Ya. Peluang untuk saya berbahas pada Titah DiRaja adalah sesuatu yang tidak dapat saya perolehi maka kali ini saya cuba mengambil peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Usul tergepar yang berkait dengan serangan ke atas masjid di bandar Christchurch, New Zealand pada hari Jumaat yang lepas.

Secara dasarnya kita mengetahui bahawa ia adalah sesuatu yang sama sekali bertentangan dengan mana-mana ajaran agama bila mana kita mengaitkan isu ini ialah isu sebagai untuk menjaga sesuatu agama. Ya, kita sebenarnya melihat bahawa ia adalah lebih kepada soal kemanusiaan yang mana kita sebagai manusia ini diciptakan sama di sisi Allah yang maha mencipta. Maka tidak wajar untuk kita menjadikan ianya sebagai sesuatu yang menghalalkan tindakan yang ganas. Ya, soal nyawa ini berkait juga dengan sesuatu yang menjadi ketetapan untuk dijaga ya dan ia juga mengikut ajaran Agama Islam berkait dengan satu daripada tuntutan yang ada terkandung di dalam maqasid syariah itu sendiri. Iaitu keperluan menjaga nyawa dan ini lah yang dibimbangi bahawa perkara ini juga tidak mustahil boleh berlaku di mana-mana sahaja seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Hulu Klang sebentar tadi bahawa negara New Zealand ini merupakan sebuah contoh model negara yang hidup dengan penuh rasa tenteram, harmoni di antara rakyatnya dan ia adalah negara impian yang mana sesiapa yang tinggal di dalamnya tidak perlu ada rasa kebimbangan untuk ya boleh menjadi mangsa segala bentuk perkara yang memudaratkan hatta kalau mengikut cerita-cerita yang didengari bahawa di sana tidak ada sesiapa yang bermasalah, kekurangan makanan ya bilangan haiwan ternakan lebih banyak daripada bilangan rakyat di sana yang boleh menjadi contoh.

Akan tetapi, berdasarkan daripada sumber-sumber media pelaku kepada perbuatan itu adalah bukan rakyat New Zealand sebaliknya datang daripada negara luar dan bertujuan untuk menimbulkan sesuatu kekacauan yang akan merosakkan nama baik negara New Zealand itu sendiri. Jadi saya begitu teruja bila mana melihat bagaimana Kerajaan New Zealand boleh dijadikan contoh dalam menangani permasalahan tersebut. Bila mana Perdana Menteriya iaitu seorang wanita yang begitu berwibawa dapat ya melaksanakan tugas dengan baik sehingga tertangkapnya orang yang disyaki melakukan keganasan tersebut. Lalu inilah perkara yang sewajarnya menjadi contoh menunjukkan betapa sebuah kerajaan yang telus, yang berintegriti melaksanakan tugas tanpa memilih apa juga aspek untuk melaksanakan tanggungjawab ya dengan adil dan juga saksama. Ya tidak melihat umpamanya apa yang dikatakan sebagai *white supremacy* untuk meningkatkan martabat golongan berkulit putih dan seumpamanya sedangkan hakikatnya yang perlu difahami bahawa ia bukan berkait soal agama tetapi ia berkait soal kemanusiaan itu sendiri. Hatta di dalam ajaran agama Islam tidak dibenarkan sama sekali untuk menceroboh dan juga melakukan sesuatu perkara yang buruk ke atas rumah ibadat mana-mana agama. Itu prinsip umpamanya kalau kita lihat, saya lihat bagaimana kebaikan mereka yang memahami asas-asas agama tanpa mengira agama. Kalau di bumi Palestin umpamanya pernah terjadi pejuang Palestin yang dikejar tentera zionis berlindung di dalam gereja dan kemudian pihak gereja menawarkan perlindungan tidak membenarkan tentera zionis untuk mengambil dan menangkap pejuang-pejuang Palestin ini. Kalau hendak mengambil juga maka paderi besar itu berkata 'ambil nyawa saya dahulu'. Maka, itulah satu contoh keharmonian. Begitu juga berlaku di negara Mesir bila mana ada konflik yang membabitkan bila mana pelaku-pelaku keganasan ini yang melakukan keganasan atas nama agama maka gereja-gereja di negara Mesir di Bandar Cairo umpamanya telah dibuat kawalan oleh masyarakat Islam untuk masyarakat Kristian *Coptic* melaksanakan ibadah mereka yang mahu mereka lakukan pada hari Ahad. Ini satu contoh. Keganasan tidak ada dalam kamus agama. Dalam Islam, sesuatu perkara yang berkait dengan ketegasan hanya boleh dilakukan bila mana berlaku pencerobohan dalam atas nama mempertahankan diri tetapi sama sekali ia tidak menghalalkan. Kalau kita melihat begitu juga kalau berlaku di Negara India bila mana ada pihak menggunakan sentimen agama Hindu untuk melakukan pencerobohan kepada rumah-rumah ibadat orang Islam di sana. Maka, itu juga perkara yang bertentangan sebenarnya dengan prinsip agama Hindu itu sendiri. Sebab itulah kalau kita beramal dengan apa yang disabitkan sebagai toleransi dalam beragama kita perlu menyemai satu sikap iaitu saling faham-memahami di antara satu dengan yang lain. Dalam negara kita, kita boleh melihat contoh yang baik umpamanya di Negeri Sarawak bagaimana rumah ibadat yang berbeza agama boleh saling bertoleransi menggunakan ruang masing-masing di antara gereja dengan masjid bila hari Jumaat jumlah jemaah yang menunaikan solat Jumaat itu begitu ramai maka pihak gereja membuka ruang untuk digunakan ruang parkir kereta di situ untuk oleh jemaah-jemaah yang mendirikan solat fardu Jumaat. Begitu juga bila mana tiba hari Ahad, orang-orang Kristian datang untuk melaksanakan agenda ibadah mereka dalam gereja maka pihak masjid membenarkan ruang parkir kenderaan di masjid itu digunakan mereka oleh pengunjung-pengunjung gereja. Ini satu contoh. Yang kefahaman beginilah yang wajar untuk kita terapkan di dalam masyarakat dan di dalam kalangan warganegara kini. Sebab itulah atas asas menolak segala bentuk keganasan

dan segala bentuk cara yang boleh disabitkan sebagai ekstrem melampau maka sebab itulah kita wajar sama-sama mengutuk dan mengecam serangan ganas tersebut sebab tindakan melampau ini adalah sesuatu yang bertentangan di dalam ajaran mana-mana agama. Kita boleh berdialog dengan baik. Kita boleh dan inilah golongan ini tidak mewakili masyarakat Kristian sebaliknya mereka ini ialah golongan yang ada perasaan dendam kesumat ke atas komuniti yang lain. Atas dasar itu jugalah saya dengan ini mengajak pada Ahli-Ahli Dewan sekalian untuk sama-sama mengecam dan mengutuk serangan ganas tersebut dan dengan ini usul ini disokong. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker memberikan ruangan untuk sama-sama membahas usul mengecam pada tindakan ataupun serangan ganas di Christchurch, New Zealand pada hari Jumaat yang lalu. Saya melihat ini adalah perkara yang terlalu penting terutamanya di dalam negara kita yang harus diambil pengiktibaran untuk keamanan, perpaduan di dalam negara kita yang telah sedia ada di dalam kehidupan yang penuh dengan kesejahteraan. Sudah tentulah, *Alhamdulillah* ia tidak dikaitkan serangan ini tidak dikaitkan seorang individu ataupun penganas kepada mana-mana kaum secara khusus ataupun anutan agama ataupun agama yang dibawa olehnya tetapi serangan ini yang saya kira mungkin disebabkan oleh tidak ada satu kefahaman yang baik, satu perpaduan yang baik yang akhirnya ini berlaku. Hatta, di dalam Islam juga disebutkan kita tidak digalakkan untuk mengutuk menghina agama lain hatta di dalam Islam di dalam Surah Al-Kafirun juga disebutkan 'Untukmu adalah agamamu, Untukku adalah agamaku'. Dan, saya kira ini yang harus kita lihat terutamanya di negara kita yang pelbagai kaum, pelbagai anutan agama dan sifatnya yang mana kalau kita ambil daripada petikan daripada ayat Quran juga dalam Surah Al-Hujah, ayat ke-15 '*Wahai manusia kamu dijadikan daripada lelaki dan perempuan, daripada suku-suku, daripada kaum-kaum untuk kamu berkenalan-kenalan, hidup dalam penuh kesejahteraan*'. Dan saya kira inilah satu ayat yang bersifat umum yang harus kita ambil supaya akhirnya satu perpaduan dapat kita ambil pengiktibaran di negara kita. Sebab itu saya melihat Ahli-Ahli Yang Berhormat saya sebutkan pagi tadi dalam soalan tambahan saya kepada EXCO yang mungkin terlepas pandang ataupun tidak dijawab tadi, apakah modus-modus yang mungkin perlu ada dibangunkan di bawah Pembangunan Modal Insan ini? Soal perpaduan, soal kesedaran sivik kepada masyarakat supaya akhirnya kehidupan ini dapat kita jaga bersama-sama. Hari ini kita cukup khawatir dengan pembangunan media sosial yang akhirnya manusia tidak boleh berjumpa secara terus untuk memberikan komen melalui media. Macam-macam boleh keluar, macam-macam boleh dikomen akhirnya perkara-perkara yang sensitif pun kita boleh keluarkan di situ sebab kita tidak bertentang muka. Sebab itu Ahli-Ahli Dewan Negeri yang saya hormati sekalian, perlu satu ketegasan di peringkat Kerajaan Negeri kalau ada apa-apa isu juga yang melibatkan *you* mungkin akan memecahkan sensitiviti ini. Perlu ada ketegasan. Kalau soal isu agama, Kerajaan Negeri juga perlu ada ketegasan, kalau soal kaum Kerajaan Negeri juga ada ketegasan supaya ia dapat dibendung dengan baik. Saya pun agak rasa kecewa apabila ada beberapa isu-isu yang saya kira agak besar sehingga D.Y.M.M. Tuanku mengeluarkan kenyataan media yang seharusnya Kerajaan Negeri juga mengambil ini

sebagai satu inisiatif yang terhadapan. Sebab itu saya melihat ini adalah satu perkara yang besar, perpaduan kaum, perpaduan kefahaman antara agama, ini kelemahan kita. Saya sendiri saya akui saya mungkin tidak begitu maklum dengan ajaran agama-agama lain ataupun budaya agama-agama lain tapi *Alhamdulillah* saya kira inisiatif yang dilakukan di DUN Sijanggang sejak tahun 2017 kita ada perjumpaan antara agama, yang mana kita panggil semua ketua-ketua agama mewakili agama Kristian, Buddha, Hindu untuk sama-sama meletakkan pada satu tajuk-tajuk tertentu untuk mereka memberikan ucapan daripada pandangan daripada sudut agamanya. Soal perpaduan pernah kita bincangkan, soal kesihatan yang berkaitan dengan puasa kita pernah bincangkan. Hatta, tentang alam sekitar juga pernah kita bincangkan pada baru-baru ini pada bulan Januari yang lepas. Bukan sekadar kita duduk bersama dalam bentuk majlis makan malam, dalam bentuk *hi-tea* kita bincangkan soal-soal ini untuk kefahaman bersama-sama tetapi secara praktiknya kita membuat keputusan ada suatu perkara yang kita boleh lakukan bersama yang akhirnya boleh dilihat oleh generasi muda kebersamaan kita tanpa melihat pada hanyutan agama ataupun perbezaan kaum itu, kita sepakat. Kita adakan program larian *Fun Run Jambatan Kampung Sawah* atas nama perpaduan yang kita panggil daripada wakil-wakil semua anutan-anutan agama. Sebab itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya kira ini ketegasan yang perlu kita ambil supaya ia tidak menjalar di negara kita dan bukan menjadi sesuatu yang harus yang akhirnya kita seolah-olah kita juga dalam keadaan kebingungan di negara kita. Kita terpaksa terlalu berhati-hati dan ia menjadikan kerisauan kepada rakyat atau masyarakat di Negeri Selangor khususnya tetapi ini harus kita mulakan bagaimana kita hendak membangunkan generasi kita di masa akan datang, kefahaman antara agama, kefahaman anutan agama, kebudayaan dan sebagainya supaya akhirnya ada satu toleransi di antara sesuatu kaum, antara satu agama dan kita dalam hidup dalam aman dan sejahtera. Saya kira sekadar itu, terima kasih Tuan Speaker dan saya menyokong usul untuk menolak keganasan yang berlaku di Christchurch, New Zealand dan kita mengharapkan perpaduan, kepelbagaian kaum, kemajmukan kepelbagaian agama negara kita ini dapat terus kita pertahankan bersama. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk membahas usul tergepar ini. Saya amat menghayati kata-kata Yang Berhormat dari Taman Medan dan juga Sijanggang yang terdahulu sebelum saya, tetapi saya rasa tidak berguna kalau kita selalu mengulang kata-kata bahawa semua agama tidak menyokong keganasan. Memang kita maklum tentang isu itu, semua agama memang tidak menyokong tindakan keganasan tapi apa yang hendak kita buat sekarang? Apakah tindakan kita yang seterusnya? Dan saya rasa oleh sebab itu adalah penting untuk kita sebagai kerajaan, kita sebagai warga Selangor dan juga Malaysia untuk mengkaji sebab-sebab tindakan keganasan berlaku. Salah satunya kita perlu mengiktiraf kesan negatif nasionalisme sayap kanan dan kita perlu mengiktiraf kehadiran *casual racism*, dengan izin dalam arena politik kita. Misalnya, kebelakangan ini bekas EXCO Pemuda UMNO bernama Razlan Rafi telah mengeluarkan satu *tweet* mengatakan 'Elok tembak puak-puak DAP ini'. Dia menggunakan perkataan tembak

## 20 MAC 2019 (RABU)

tetapi apabila dikecam oleh orang ramai, dia berkata 'Oh! Perkataan tembak itu ada banyak maksudnya. Mungkin orang DAP kena belajar Bahasa Melayu dengan lebih mendalam lagi'. Itu adalah satu contoh *casual racism*, dengan izin.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Ada sikit celahan, penjelasan.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI** : Ya, silakan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk Kampung Tunku. Ya, Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Saya mendengar dengan teliti perbahasan Yang Berhormat Kampung Tunku dan sebentar tadi Kampung Tunku ada menyebut mantan EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, mantan Ketua Pergerakan Pemuda Wilayah Persekutuan sebenarnya. Saudara Razlan yang menggunakan perkataan 'tembak'. Tapi saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Kampung Tunku apa yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri daripada parti Yang Berhormat Kampung Tunku yang menggunakan perkataan 'perang'. Jadi, apa bezanya? 'Perang' dan juga 'tembak' ini? Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI** : Terima kasih atas soalan itu. Saya rasa pihak yang mengeluarkan kata-kata berikut yang patut menjawab sebab saya tidak berani untuk menjawab untuk orang lain. Tapi kepada hujah saya, dua perkara, Nasionalisme Sayap Kanan dan juga *racism* secara bersahaja. Kita perlu sedar bahawa tindakan di Christchurch ini bukan kejadian yang *isolated*, dengan izin. Kita perlu mengiktiraf ada satu jaringan sayap kanan ekstrem yang merentas sempadan negara-negara dan merentas sempadan tidak kira agama, kaum dan bangsa dan kita perlu meneliti persamaan antara setiap tindakan keganasan dan persamaan antara ideologi yang menggalakkan tindakan keganasan itu. Misalnya, di Selangor sendiri kajian Iman Research yang melibatkan 1139 orang pemuda di Selangor dan Sabah yang berumur di antara 18 hingga 35 tahun mendapati bahawa satu dalam 10 orang pemuda yang dikaji bersetuju dengan tindakan keganasan ekstrem. Mungkin tidak buat tapi bersetuju dan itu menjadi satu *cause of concern*, dengan izin untuk kita sebagai kerajaan dan dari kajian Iman Research itu juga menunjukkan bahawa memang agama bukan motivasi untuk menyokong tindakan keganasan ekstrem tetapi ada di sesetengah pemuda itu menunjukkan sifat manipulatif, *ache no centric* dan mungkin mengalami pengalaman negatif di awal hidup yang menjadikan mereka lebih cenderung kepada menyokong tindakan ekstrem. Jadi, sebagai Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi kata memang tiada agama yang menyokong tindakan keganasan tapi kita sebagai Kerajaan Negeri perlu meneliti faktor sosial, faktor ekonomi, faktor politik yang mungkin menjadikan warga di antara kita lebih cenderung kepada menyokong tindakan ekstrem. Kita boleh katakan perkataan-perkataan yang cantik tapi kalau kita tidak *zoom in*, dengan izin

kepada sebab-sebab tindakan keganasan ini berlaku maka kita hanya boleh *present*, dengan izin *talks and prayers, talks and prayers*, dengan izin saya rasa kita sebagai kerajaan bukan kerajaan *talks and prayers*, dengan izin kita kerajaan yang menunjukkan action, dengan izin. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Assalamualaikum dan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Bagi menyokong Usul tergepar yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang, di sini juga saya ingin menambah beberapa fakta untuk menyokong Usul tergepar yang telah dibentangkan, yang mana kita perlu juga melihat bahawa punca berlakunya serangan ini adalah disebabkan faktor manusia itu sendiri. Apabila manusia ini telah ditanam pemikiran mereka dengan pemikiran-pemikiran yang songsang dan salah. Dan juga ditanam dalam pemikiran mereka ini, perasaan tindakan mereka itu betul dan orang lain tidak betul. Mungkin saya tidak menyentuh di New Zealand, kita dah bahas, pembahas-pembahas lain telah menceritakan, tetapi yang kita bimbangi, perkara ini akan berkembang ataupun merebak ke dalam negeri kita. Itu yang kita bimbang. Dan peristiwa pembunuhan ini satu fenomena yang saya rasa cukup menarik untuk kita perhatikan, di mana dengan pembunuhan ini, yang positifnya, kita lihat bagaimana hubungan antara berbilang agama di New Zealand semakin rapat. Dan yang mengejutkan ramai pula di kalangan orang yang bukan Islam masuk Islam di New Zealand. Maknanya di sana orang yang bukan Islam masuk Islam, tetapi di Malaysia dia lain. Orang Islam di kafirkan. Orang Islam pula, dijatuhkan, dikeluarkan daripada Islam. Sedangkan orang itu juga memperjuangkan Islam. Yang mana yang berlaku di Malaysia ini, pada hari ini, khususnya di negeri Selangor, yang saya bimbang tentang fenomena menanam sikap kebencian, sesama bangsa dan juga berbeza bangsa. Yang berlaku di dalam negara kita, khususnya di negeri Selangor, lebih-lebih lagi benda ini berlaku di dalam masjid-masjid dan di surau-surau. Yang ini cukup mendukacitakan kita. Yang mana sepatutnya rumah Allah, masjid ini menjadi tempat untuk menyatukan umat. Tempat untuk kita bertemu dan juga menyelesaikan permasalahan sesama kita. Kalau di luar negara, hari ini kita tengok di New Zealand sebagai contoh, mereka yang bukan Islam, bukan sahaja pada hari ini menjaga orang Islam untuk mendirikan solat, berada di dalam dewan solat. Tetapi di Malaysia, khususnya di negeri Selangor, kalau kita lihat hari ini, yang bukan Islam kalau masuk dalam masjid pun dah di anggap sebagai satu kesalahan besar. Malahan yang lebih malang lagi, orang yang datang bukan nak berpolitik tapi nak membantu rakyat pula di hina, dilemparkan dengan fitnah, tohmahan, cercaan yang seolah-olah mereka ini pula nak mencemarkan kesucian Islam. Rakan-rakan Yang Berhormat yang bukan Islam di sini, perlu saya nak jelaskan bahawa, Islam tidak menolak tuan-tuan untuk bersama dengan kami. Dan kami sendiri dalam sebagai orang Islam tidak ada halangan sebenarnya, untuk mereka yang bukan beragama Islam untuk mengamalkan ajaran agama Islam. Yang menjadi masalahnya pada hari ini, apabila ajaran pemikiran Islam itu di seleweng, seolah-olah Islam ini hanya hak eksklusif sesuatu pihak sahaja. Islam bukan hak orang Melayu, Islam bukan hak orang cina, Islam bukan hak orang Arab. Islam hak untuk semua. Dan Nabi S.A.W. sendiri dia tidak pernah sama sekali sekalai memperjuangkan Islam atau bangsa atau

## 20 MAC 2019 (RABU)

nama Arab. Dalam satu hadis Nabi S.A.W, dengan izin, (bahasa Arab)... “barang siapa yang berjuang atas dasar bangsa, barang siapa yang berperang atas dasar bangsa, bukan umat aku”, Nabi S.A.W. tidak menerima umat dia yang berjuang atas dasar bangsa. Seheinggakan dalam satu sejarah, dalam Sirah Nabi dan peristiwa sejarah, bagaimana pernah satu ketika, jenazah orang Yahudi, lalu di hadapan Nabi S.A.W., nabi bangun, menghormati jenazah itu. Walaupun secara umum seolah-olah kita mengetahui orang Islam dengan Yahudi, kita bermusuh. Sebenarnya kita tak bermusuh. Dengan Yahudi, yang kita bermusuh ialah dengan Zionis. Itu yang kita kena faham. Dan kalau kita lihat di Australia ini pun, di New Zealand ini pun, bagaimana ada sebahagian orang Yahudi sendiri membela, orang kata orang Islam termasuk juga di Amerika, kalau kita lihat ada golongan-golongan Yahudi mempertahankan dan juga membela pejuang-pejuang Palestin. Yang ini dia kena faham.

Cuba berbalik kepada senario di dalam negeri kita. Perkara ini, seperti mana yang dinyatakan Kampung Tunku tadi, yang mungkin dia bimbangi adalah penularan pemikiran yang salah ini yang boleh menyebabkan, kita akan berbalah sesama kita atas perkara yang di timbulkan atas dasar persepsi sahaja sebenarnya. Dan saya yakin semua bangsa di dalam negara kita, semua agama dalam negara kita, tak nak hidup dalam keadaan kacau bilau. Dia nak hidup dalam keadaan aman harmoni. Tetapi malangnya, ada pihak-pihak yang tertentu yang menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka semata-mata tanpa memikirkan masa depan generasi akan datang yang mungkin akan berlaku macam mana berlakunya di New Zealand. Ini perkara yang kita ambil serius. Dan kita kena perbetulkan. Dan juga kalau kita melihat tentang titah ucapan Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan baginda pada dua hari yang lepas, baginda menekankan soal tahfiz tadi, menutup sekolah tahfiz yang tidak berdaftar, dan saya yakin, tuanku nak memastikan mereka yang dididik ini, dalam ajaran, dalam pemikiran yang sebenar, mengikut ajaran Islam yang sebenar. Dan kita Alhamdulillah, pada ketika ini, kita mempunyai jentera-jentera kerajaan yang setia pada tuanku dan juga melaksanakan tanggungjawab. Cuma kita perlukan penguat kuasa yang lebih kuat. Kalau kita lihat di negeri Selangor, minta maaf, saya sebutkan, ada tenaga-tenaga pengajar yang tidak bertauliah masih lagi dibenarkan mengajar di dalam masjid, membawa doktrin, pemikiran yang salah, dan juga menimbulkan permusuhan dan persangkaan yang buruk sesama bangsa. Dan juga agama di dalam negeri kita. (TEPUK)

Yang ini perlu kita banteras, yang ini perlu kita halang, bukan sahaja mereka ini perlu di ambil tindakan sebagai pengajaran kepada pengajar-pengajar yang lain. Tetapi kita nak menghalang daripada pemikiran yang merosakkan masyarakat ini dapat di sekat. Sebab kita bimbang, permusuhan ini boleh berlaku secara tiba-tiba, pembunuhan ini boleh berlaku secara tiba-tiba. Macam mana yang berlaku di New Zealand. Kita lihat bagaimana New Zealand ini diiktiraf sebagai negara keempat teraman di dunia. Yang Berhormat sekalian, keempat negara teraman di dunia, tapi hari ini, mereka dalam keadaan ketakutan, di sebabkan pengaruh pemikiran yang salah daripada negara luar. Tetapi yang kita bimbang pada hari ini adalah musuh di dalam negara kita sendiri, di dalam diri kita sendiri, di dalam bangsa kita yang sendiri yang memecahkan perpaduan sesama kita. Yang membina balik tembok perkauman, tembok permusuhan. Yang

Pakatan Harapan, Pakatan Rakyat sebelum ini dah berjaya runtuhkan. Yang ini kita perlu kekalkan untuk memastikan negeri kita sentiasa aman dan juga, rakyatnya hidup dalam keadaan harmoni. Dengan itu saya menyokong penuh Usul tergepar yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor, eh, Hulu Kelang. Minta maaf, Hulu Kelang, Hulu Selangor pula, Hulu Kelang dan saya harapkan perkara ini bukan sahaja akan memberi satu pengajaran besar kepada kita semua, tetapi juga menjadi satu panduan kepada kita supaya peristiwa yang berdarah ini tidak akan berlaku di dalam negeri kita yang kita cintai. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**TUAN SPEAKER :** Saya benarkan yang terakhir, sebab ada sedikit masa lagi, saya benarkan kepada Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Saya berdiri di sini, Tuan Speaker, untuk menyokong Usul yang dibawa oleh rakan saya dari kawasan Hulu Kelang. Dan saya ingin menyatakan bahawa pendirian parti DAP, iaitu kami mengutuk sekerasnya-kerasnya tindakan ataupun jenayah yang dilakukan oleh ekstremis ini. Yang kedua, kita menganggap, kami menganggap bahawa ini adalah suatu serangan bukan sahaja kepada umat Islam dan agama Islam tapi ia adalah satu serangan terhadap tamadun manusia, this an attack on humanity. Dan ia perlu di tolak dan dikritik sehabis-habisnya. Kami juga ingin menyampaikan doa selamat kami kepada mangsa dan memastikan, dan kami juga, setahu saya apa yang telah di lakukan, kami telah pun dimaklumkan bahawa salah seorang mangsa yang cedera, saudara Rahimi Ahmad, merupakan seorang rakyat Malaysia yang berasal Pulau Pinang, dari Bayan Lepas. Saya difahamkan bahawa Exco Kerajaan Pulau Pinang, Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, saudara Phee Boon Poh, bersama-sama ADUN Bayan Lepas, saudara Yang Berhormat Azrul Mahathir Aziz, telah pun berlepas ke Christchurch untuk memberi bantuan setakat apa yang boleh kepada mangsa. Dan ini menunjukkan bahawa kami di Pakatan Harapan, termasuk, khususnya DAP, ingin membantu dan menawarkan bantuan kami seikhlas-ikhlasnya kepada rakan, rakan kami di sebelah sana. Tapi Tuan Speaker, saya ingin membawa satu mesej atau dua mesej yang ringkas sahaja, iaitu budaya politik "*Toxic*". Yang mengandungi mesej-mesej benci ataupun hate message, yang semakin tular di social media, bukan sahaja dilakukan oleh Muslim, tetapi dilakukan juga oleh non-muslim. Saya kira ini adalah sesuatu yang kita perlu, kita sebagai kerajaan perlu tengok betul-betul. Sama ada perlu kita melakukan sesuatu untuk mengawal penularan mesej ini. Yang terbaru kita telah pun maklum Encik Tony Fernandes, telah pun menutup akaun Facebook dia sebagai bantahan terhadap syarikat Facebook yang gagal mengawal penularan mesej-mesej yang semakin berleluasa di social media. Di ruangan social media. Saya kira ini adalah satu fenomena yang bukan sahaja kita hadapi di Malaysia, tetapi ia juga sedang berlaku di negara-negara barat. Jadi saya berharap sangat kerajaan dan juga kerajaan Malaysia dan juga Selangor, menunjukkan sedikit kepimpinan, dalam segi ini, untuk memastikan penularan mesej yang bersifat hate message ini dapat dikawal. Ya, silakan.

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Yang Berhormat daripada Banting. Pilihan raya kecil baru-baru ini di Semenyih, bila kita pergi kempen dari rumah ke rumah, dalam siri kempen kita dalam pilihan raya kita di Semenyih, bila kita pergi dari satu rumah ke satu rumah tu, ada tohmahan yang mengatakan bahawa DAP ini parti yang tolak agama Islam, tolak institusi raja, DAP ini tak nak kepada orang Melayu. DAP ini tak nak kepada soal berkaitan dengan untuk kita memperjuangkan hak dan bumiputera di dalam negara kita ini, jadi di kesempatan ini saya nak tanya dengan Yang Berhormat Banting, benar ke tuduhan bahawa yang menyatakan bahawa DAP ini parti rasis, parti yang tak nak kepada agama Islam, orang Melayu dan juga raja-raja dalam negara kita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Sebagai sebuah parti politik yang berjiwa Malaysia, kami nak semua rakyat Malaysia menjadi pemimpin, menjadi ahli, menjadi wakil rakyat, dalam kerajaan. DAP ada wakil rakyat dari kaum Melayu dan Muslim. Kita ada dua di dalam Dewan yang mulia ini. Kita mempunyai, siapa, Yang Berhormat rakan saya, Dusun Tua,

**TUAN SPEAKER :** Melayu ha...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ha, dan juga...

**TUAN SPEAKER :** saya nak tanya, pasti, sebab. Saya nak pastikan kebenaran, sebab, ada keliru, saya keliru, oleh sebab, kenyataan daripada Taman Templer, Speaker pun keliru, tolong jelaskan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Bukan saja Melayu, tapi jawa, jawa. Jadi, confirm, confirm. Dan juga yang Berhormat Bandar Utama, rakan saya, rakan seperjuangan saya di Petaling Jaya. Kita cuba ada wakil rakyat dari Sabah dan Sarawak, dari kaum Bidayah, Iban, dan dari kaum, apa ni, Kadazan Dusun, kita juga ada wakil rakyat Melayu dan India. Kita ada ramai lagi wakil rakyat berketurunan India, daripada parti MIC itu sendiri. Jadi saya kira itu adalah satu tuduhan yang sangat tidak benar. tapi mesejnya terlalu banyak. Selalu kita kena hentam juga. Dekat Facebook, twitter, dengan hashtag(#). Saya pun tak nak baca. #DAPPIG, atau DAPIG. Kalau saya nak pronounce. (GELAK)

**TUAN SPEAKER :** Apa maksud tu...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Susah saya nak cakap, Tuan Speaker.. Saya rasa pun, tapi ialah kita pun, kita punya psikologi, kita punya kesihatan mental kita kuat. Kita boleh terima, mereka nak hentam kita apa pun boleh. Tapi kadangkala isu-isu seperti ini, ia akan menimbulkan, saya tak pastilah sebelah sana ada mengawal atau tidak ahli-ahli parti politik masing-masing supaya berkelakuan bertamadun, semasa berinternet di dalam dunia maya, tapi saya kira keadaan sekarang ini sedikit sebanyak tidak begitu terkawal. Dan saya mengucapkan terima kasih kepada PDRM sebenarnya, yang banyak melakukan operasi-operasi dan gerak kerja untuk mengekang terrorism ini.

Saya rasa itu adalah sesuatu yang cukup, yang perlu kita hormati dan sanjungi. Kerana sebelum ini, kita jangan lupa seminggu yang lepas ada ditangkap lagi, ada ditangkap beberapa orang suspek yang terlibat dalam “*terrorism*” ini dan mereka merupakan warga asing yang berkahwin dengan warga Malaysia dan menjadikan Malaysia ini sebagai satu tapak mereka bergerak dan mereka berjaya dikekang oleh PDRM. Dan saya rasa ini adalah satu contoh bagaimana kita boleh.

**TUAN SPEAKER :** Banting

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya sikit lagi.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pelek masa tinggal sikit lagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya sikit lagi. Tak apa boleh-boleh.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih Tuan Speaker saya nak tanya pandangan Banting, adakah Banting bersetuju MCMC diberi kuasa untuk memadamkan apabila ada “*message*” “*hard speech*” yang perkauman dan sebagainya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Kuasa di Malaysia boleh, tetapi “*facebook*” adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di luar Malaysia, jadi dari segi undang-undang malahan di negara-negara lain seperti Singapura pun belum ada lagi satu cara yang mana untuk mengarahkan “*facebook*” untuk melakukan itu. Kecualilah kalau kita nak “*block facebook*” daripada akses ke Malaysia tetapi saya kira itu adalah sesuatu yang perlu lagi dikaji dengan teliti kerana melainkan tanah besar China tidak ada satu lagi negara yang boleh melakukan perkara seperti itu tapi saya rasa kita perlu membawa satu “*message*” kepada syarikat-syarikat sosial media ini bahawa mereka tidak boleh menutup sebelah mata menganggap perkara ini tidak berlaku jadi mereka perlu melakukan sesuatu lebih-lebih lagi dalam detik ini. Pengganas itu dia membuat “*facebook life*” dia tunjuk dia punya senapang dan sebagainya. Saya rasa rakaman yang amat jijik ini tidak perlulah saya menerangkan di dalam dewan ini tapi setakat dia tahu buat “*facebook life*” dan melakukan perkara yang menjijikkan itu, itu sudah cukup menakutkan. Dan “*facebook*” tidak dapat mengawal penulatan “*message-message*” ataupun video ini. Jadi saya kira itu perlu kita lihat sebagai Kerajaan saya rasa kita perlu buat sesuatu untuk memanggil wakil syarikat “*facebook*” dekat sini untuk menerangkan bagaimana isu ini perlu dikekang dan kita perlu menunjukkan keseriusan kita terhadap “*message-message*” berbentuk kebencian yang ada di dalam di dalam sosial media supaya ianya tidak boleh ditular dan dikenakan tindakan undang-undang. Sekiranya ada mereka melakukan perkara-perkara ini. Jadi saya juga memohon pentadbir “*facebook friendface*” masing-masing khususnya yang mereka yang begitu asyik dengan politik toksik ini. Parti-parti politik yang asyik dengan politik toksik ini mereka kena kawal “*friendface*” kawal diri mereka. Jadi itulah “*message*” saya dan saya menyokong usul tergepar daripada Yang Berhormat Hulu Kelang dan doa kami sentiasa bersama-sama dengan mangsa dan ahli-ahli keluarga yang terlibat. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, terima kasih Yang Berhormat Banting, jadi saya minta perbahasan telah habis untuk pihak Kerajaan kalau ada nak respons.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih seluruh ahli-ahli dewan khususnya Hulu Kelang yang telah membawakan usul yang begitu penting menunjukkan sikap dan juga pendirian. Seluruh ahli dewan baik kerajaan atau pembangkang terhadap tindakan di luar batas kemanusiaan yang boleh dianggap sebagai tindakan ekstrem ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk menilai perkara ini dengan jernih dan jelas kita tidak boleh mengelaskan serta mengelompokkan sesuka hati terhadap kelompok-kelompok tertentu kerana yang nyata dan jelas tindakan-tindakan di luar batas kemanusiaan ini. Memang dilakukan oleh mereka-mereka yang sentiasa yang boleh dianggap dengan tanda kutip gila atau pun ekstrem dan di luar batas akal yang sihat. Ahli Yang Berhormat sekalian kalau kita melihat dan menyelusuri sejarah secara lebih jernih dan lihat. Kita lihat saja dalam kelompok-kelompok apa pun kalau mereka ekstrem, kalau mereka berada dalam keadaan yang terlampau percaya kepada mana-mana kepercayaan dan sebagainya akhirnya menjurus kepada keganasan dan membawa pembunuhan. Kalau kita sebut agama yang cuba untuk membawa kebaikan, kerohanian dan yang tidak ingin membawa pergaduhan bukan soal agama itu. Tetapi pembunuhan rohingya dilakukan oleh kelompok daripada agama yang dikatakan jernih, mengabdikan diri, meninggalkan kemanusiaan. Kita lihat ISIS, DAESH atas nama mulia insan indah tetapi kerana ekstremnya mereka menyembelih dengan menyebut kalimah Allah Hu Akbar dan sebagainya. Kita lihat pembunuhan di Sabra dan Shatila agama yang dikatakan juga membawa kemakmuran, kebaikan dan juga sebagainya juga membawa pembunuhan. Perang Salib ribuan, ratusan, kanan ada kiri ada dan sebagainya ada. Oleh itu saya kira pesanan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap keadaan Dewan Negeri Selangor dan juga anggota-anggota Dewan sentiasa berfikir untuk melihat dalam keadaan kesederhanaan negeri yang moden, negeri yang tidak ekstrem dan selalu diucapkan dan disebutkan di dalam khutbah-khutbah Jumaat kita khususnya kepada khutbah-khutbah kepada masyarakat Islam satu perkara yang sangat penting membawa konsep "bahasa Arab" yang sebenar yang tidak ekstrem dan akhirnya menghormati dan menganggap bahawa masyarakat kita yang berbilang kaum ini harus dipertahankan. Dan kalau kita mengikut pula bagaimana perkembangan Islam di Nusantara yang tidak mengambil mata pedang ataupun pedang sebagai konsep dan juga perampasan kawasan sebagai dakwah dan perubahan sebaliknya menggunakan konsep kebudayaan sebagai elemen-elemen dakwah dan dai mereka hingga timbul debat Nusantara di beberapa tempat sekarang ini dan juga insan kebudayaan yang ditimbulkan beberapa tahun yang lepas. Saya kira konsep-konsep ini sedang tunggu dan didambakan oleh dunia, bahawa dunia sedang melihat apakah jawapan untuk menangani persoalan ini. Selalu kita sebut Islam tidak membawa perpecahan, agama tidak membawa keganasan tetapi beberapa fakta yang saya sebut tadi memang berlaku dan asasnya ialah kerana kepercayaan yang melampau terhadap sesuatu fahaman agama dan sebagainya. Ahli Yang Berhormat sekalian memang sekarang dunia sedang bergerak ke arah pemahaman secara tiba-tiba "*the revival of nationalism*" sebenarnya dan bagaimana kita menangani persoalan ini. Dalam konteks Malaysia baru bagaimana yang disebut oleh Banting sebentar tadi saya percaya elemen kebebasan, elemen-elemen demokratik yang selama ini diperjuangkan kita itu harus

kita pertahankan itu juga prinsip yang harus kita bawa tetapi bila melanggar batas yang dikatakan ekstrem yang dikata melampau semua daripada kita harus bersetuju untuk kita ambil tindakan dan janganlah pula kita membuat "*blanked decision*" dengan mengetepikan kebebasan dan demokratik ataupun demokrasi sebagai asas yang terbukti membawa kebaikan. "*we are agree*", kita percaya dan bersetuju demokrasi adalah satu proses yang bising, hingar bingar dan sebagainya. Tetapi kita juga setuju keganasan, pembunuhan, pembanterasan dan juga pengaliran darah sesama manusia itu juga satu perkara yang penting. Saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang disebutkan oleh ahli-ahli dewan dan saya rasa perkara ini saya dah sebutkan pertama kali. Perbezaan agama, perbezaan fahaman, ideologi dan sebagainya memang satu perkara yang menjurus ke arah perkara tersebut. Namun dalam konteks perdebatan Islam dan sebagainya juga kita harus berhati-hati kerana perbezaan mazhab juga dan sebagainya akan menjurus kepada persoalan-persoalan yang lebih rumit malahan lebih kejam dan lebih keras. Sebab itu di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam kita sentiasa menitik beratkan persoalan ini kerana kita tidak gemar dan tidak akan membenarkan mana-mana tindakan untuk memecahbelahkan dan kalau ada bukti-bukti yang khusus ada rakaman dan sebagainya sila kemukakan dan sikap kita amat jelas. Tidak kira siapa pun yang melakukan jika elemennya untuk membawa perpecahan dan juga pergaduhan serta perbezaan yang keras itu akhirnya akan menghancurkan. Malahan baru-baru ini di Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam telah memanggil timbalan-timbalan pengerusi, setiausaha-setiausaha, nazir Masjid dan sebagainya untuk diberikan penjelasan. Kita panggilkan penceramah-penceramah kita dan malahan kalau ikut urutan sejarah pada zaman lampau perbezaan mazhab hingga membawa pembunuhan dan sebagainya. Kita tidak mahu perkara-perkara ini timbul dan kita jangan cepat-cepat untuk melihat persoalan ini dengan dalam konteks perkauman, dalam konteks kumpulan dan "*group*" kita. Saya ambil contoh di Klang baru-baru ini bila ada timbul orang meletakkan sembahsan agama lain di surau. Saya lihat saya ikuti perdebatan di dalam masjid, di sosial media, saya lihat perdebatan di "*whatsapp-whatsapp group*" akhirnya bila tertangkap ternyata yang dibuat itu adalah orang kurang siuman. Dan mereka yang memberi komen itu semua termasuk dalam kekurangan siuman itu. Jadi saya berharap kepada semua, saya minta tolong ahli dewan menasihatkan kawan-kawan kita yang lain jangan mudah terperangkap dan tersedu dengan sentimen-sentimen itu dan saya percaya kita ada masa, ada waktu dan ketika rujuk "*the ...main*" karya Jonathan Haidt yang saya kita sedikit sebanyak akan memberikan paradigma kepada kita bagaimana sentimen ini berhasil dan kita dapat mengawal sedikit sebanyak dan memberi pengajaran kepada kita supaya tidak berada di dalam urusan melampau dan dalam masa yang sama kita juga jangan terlampau fanatik dengan apa yang kita fahami dan kita ikuti. Saya percaya ahli dewan bersatu kali ini kita sepakat, kita membantah, kita mengutuk serangan di Christchurch dan kita sama-sama sepakat tidak akan membenarkan satu perkara yang sebegitu buruk berlaku di negeri yang kita sayangi Negeri Selangor Darul Ehsan dan juga di Malaysia yang kita sayangi, terima kasih Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawa dewan yang mulia ini mengutuk

## 20 MAC 2019 (RABU)

sekeras-kerasnya serangan pengganas yang dilakukan di dua buah Masjid di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac 2019 yang setakat ini telah mengorbankan 50 nyawa termasuk kanak-kanak. Justeru dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk Satu memperkukuhkan dasar dan program keharmonian hidup sesama agama, bangsa dan budaya di Negeri Selangor di samping menggalakkan dialog sidang budaya bagi meningkatkan sikap hormat-menghormati di dalam kalangan masyarakat. Dua menjurus kongsi dan peranan institusi surau dan masjid serta institusi semua agama di Negeri Selangor sebagai platform untuk menyebarkan “message” keamanan dan persaudaraan serta menghilangkan prejudis yang menebal terhadap agama dan bangsa lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. **YA.** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya izinkan Yang Berhormat Jeram sambung sedikit lagi. Silakan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih banyak-banyak Tuan Speaker yang saya hormati dan saya sayangi. Saya sambung balik 10 minit lama itu. Saya sambung balik di mana Tuan Pegawai Daerah atau DO dan juga JKR Kuala Selangor berjaya menyelesaikan masalah.

**TUAN SPEAKER :** Saya bagi 5 minit sahaja walaupun dikatakan saya disayangi hanya 5 minit.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang berjaya menyelesaikan masalah yang selama ini lebih daripada 10 tahun tidak selesai di kawasan saya iaitu urusan masalah banjir. Jadi bukan sahaja saya mengkritik mana yang tidak betul tapi mana yang betul saya perlu puji dan pihak Kerajaan Negeri perlu memberikan yang terbaik kepada pegawai-pegawai yang membantu ADUN untuk selesaikan masalah-masalah di DUN Jeram. Seterusnya Dewan Negeri Selangor telah meluluskan belanjawan 2019 berjumlah 2.56 bilion mengikut 10 classter. Salah satunya ialah eco- pelancongan di Kuala Selangor terdapat Sky Mirror yang menjadi tarikan pelancong dan juga popular bukan sahaja di negara kita malah mereka telah mempromosikan baru-baru ini pergi ke Ireland untuk mempromosikan dan perbagai negara. Tetapi malangnya tidak ada pemantauan dari segi keselamatan pelancongnya hadir dan begitu juga pelancong daripada negara kita sendiri. Banyak bot-bot yang beroperasi tidak ada lesen, begitu juga ada pengusaha bot daripada Pulau Ketam pun juga datang cari makan maksudnya dia mengambil penumpang daripada jeti untuk membawa ke Sky Mirror. Jadi benda ini perlu ada pemantauan yang serius di mana sekiranya saya dimaklumkan majoriti pelancong daripada China. Apabila berlaku sebarang bentuk kecelakaan yang tidak diingini jadi yang bertanggungjawab ialah Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kerajaan

Malaysia kena bertanggungjawab kepada Negara China kerana mungkin dipandang remeh oleh PBT mahupun sektor pelancongan Selangor kerana dengan harapan memberi peluang kepada orang ataupun pelancong untuk menikmati keindahan tetapi soal aspek keselamatan tidak diutamakan. Sehingga 20 ke 30 orang naik kalau apa-apa berlaku pada jaket keselamatan ia boleh membawa maut. Itu yang pertamanya. Yang keduanya bot-bot yang ada lesen dikacau oleh pihak-pihak berkuasa dan agensi laut dan sebagainya. Jadi saya juga dengar bot-bot yang tidak ada lesen ada bayaran bulanan kepada mereka. Jadi saya minta pihak yang bertanggungjawab tolong pantau isu ini sebagai satu isu yang serius sekiranya tidak ada lesen untuk membawa pelancong untuk aktiviti berkenaan harap diambil tindakan yang sewajarnya dan membatalkan lesen sekiranya ada lesen bot dan sebagainya. Jadi selain daripada itu untuk makluman, Yang Berhormat Menteri Besar dan juga EXCO-EXCO pelaburan. Saya telah usulkan membawa seorang ataupun satu syarikat untuk membuat taman tema air di jeram di tepi pantai sebab selama kerajaan sebelum ini memerintah tidak ada sebarang pembangunan di kawasan saya di jeram ini. Jadi saya membawa sekurang-kurangnya nampak sekiranya adalah PH adanya satu pembangunan iaitu taman tema air. Ia akan membawa taman tema dan juga hotel selain daripada itu akan menaikkan pusat sektor pelancongan di Kuala Selangor selain daripada memberikan peluang pekerjaan kepada orang-orang tempatan. Investor tidak memerlukan 10 sen daripada Kerajaan Negeri mereka akan membiayai sepenuhnya tetapi sehingga kini masih lagi tidak mendapat kelulusan daripada PBT. Saya dimaklumkan pejabat Yang Berhormat Dato Menteri Besar telah pun memberikan surat minta ditimbang dalam tempoh 30 hari dan masa dah hampir 30 hari tidak ada sebarang panggilan untuk membuat membenarkan sebagainya kerana apa ini merupakan satu benda yang Pakatan Harapan apabila pertamanya kali memenangi di Jeram untuk membuat sesuatu menjadi boleh rakyat membolehkan membezakan daripada kerajaan dahulu dengan kerajaan sekarang jadi peluang pekerjaan yang diberi jaminan oleh pelabur itu adalah seratus-peratus daripada orang tempatan jadi ini merupakan satu peluang yang perlu direbut oleh kerajaan negeri di mana memberi peluang pekerjaan kepada orang tempatan dan juga di kawasan Jeram khususnya. Selain daripada itu, jeram juga ingin mencadangkan isu memandangkan Kuala Selangor dikategorikan sebagai kluster pertanian, jadi Jeram juga ingin mencadangkan Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan untuk penanaman pokok ganja untuk tujuan perubatan dan pengeksportan. Untuk makluman yang terhormat sekalian, akta dadah berbahaya 1952 telah membenarkan jabatan kerajaan untuk membuat penanaman untuk tujuan perubatan. Untuk penanaman ini dan juga untuk kajian ini, Professor Dato Dr Mohd Isa daripada pengarah pusat racun negara telah membuat kajian dan bersetuju untuk bekerjasama dengan sebuah syarikat tempatan untuk menjadikan ia tanaman secara komersial dan tujuannya tidak lain tak bukan untuk penyelidikan perubatan dan juga untuk pengeksportan. Untuk makluman Yang Berhormat, Thailand 28/12/2018 telah meluluskannya di parlimen untuk penanaman pokok ganja.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : ganja ke cannabis?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : ..iye ini cannabis..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** ..cannabis ke ham maklumat tidak ada additive property saya rasa ham bukan cannabis

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** ..cannabis..jadi yang penting ialah tujuannya dan kajiannya telah dibolehkan sekiranya mendapat kelulusan menteri kesihatan itu syarat utama. Memandangkan Menteri Kesihatan juga datang juga daripada Parlimen Kuala Selangor jadi sekiranya Kerajaan Negeri boleh memberi kerjasama untuk membuat penyelidikan penanaman dan pemprosesan serta mengeksport dan ia akan menjadikan pulangan yang terbesar untuk Kerajaan Negeri Selangor. Saya ambil satu contoh di mana tanaman sawit 1 ekar boleh mendapat 3 ribu ringgit untuk setahun. Ganja pula membawa pulangan 9 juta setahun. 1 ekar 9 juta setahun dengan 3 kali harvest . sekiranya kita di Selangor ini boleh mengusahakan lebih daripada 100 ekar kita menjadi pengeluar terbesar di dunia dan Selangor akan menjadi...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila... Dengkil

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Terima kasih yang Berhormat Speaker... Adakah Yang Berhormat Speaker adakah Jeram ingin mencadangkan satu jawatankuasa untuk mempertimbangkan cadangan agar penanaman ganja ini untuk tujuan perubatan di kawasan Jeram ?..terima kasih yang Berhormat Speaker

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Itu terpulang pada pihak Kerajaan Negeri adakah perlu dijadikan sebagai anak syarikat dan sebagainya sebab ia membawa keuntungan yang besar dan tujuannya bukannya bukan untuk keburukan hanya untuk kebaikan yang pertama. Yang keduanya tanamannya bukannya seperti kita tanam kelapa sawit. Ianya ada tanaman yang khusus di mana untuk nak masuk ke ladang itu mempunyai spek yang ketat dari segi keselamatannya bukan sahaja di darat melalui udara pun tidak dibenarkan sebab apa pemantauan kajian yang dibuat di negara-negara contohnya Canada dan juga US , telah mengamalkan sekuriti sistem yang lebih ketat. Jadi kita akan menggunakan sistem yang sama. Jadi mungkin jiran Ijok pakar perubatan juga.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Terima kasih jeram...saya ingat ini satu-satu topik yang penting sebab cannabis ataupun ganja dulu-dulu history telah digunakan sebagai ubat tetapi oleh sebab disalahgunakan itu sebab macam opium morfin. Benda-benda berbahaya mesti dikawal , klaau negara kita benda-benda yang simple yang tidak terkawal saya ingat sebelum kita menceburi dalam bidang ini, kita kena berjaga-jaga sebab nanti banyak warga kita, masyarakat kita, jadi ganja addict.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Eksport bole, saya yang kkuatir pemantauan kawalan drugs..even kita punya negara ni even simple medication yang telah di *classified* oleh kementerian kesihatan boleh dapat beli di tepi jalan di farmasi. Jadi itu yang saya sebagai seorang ialah doktor saya tahu masalah ni ubat-ubat nak kawal dari

## 20 MAC 2019 (RABU)

masyarakat sebab penguatkuasaan , *our law* tidak dijalankan dengan baik. Terima kasih jeram..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : ya Jeram..tolong ringkaskan dengan promosi ganja berubatan tersebut ..masa dah habis..

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Untuk makluman yang berhormat... di *Uruguay, Belgium, Netherland, Germany, Italy* mereka benarkan untuk penanaman di rumah sebanyak 10 batang pokok sebenarnya. Jadi kita bukan hendak menggalakkan orang menanam bukan saya nak ceritakan di sini sekiranya tujuan untuk perubatan dan kebaikan tidak ada masalah dan cara penanaman dan juga takut *majority* yang terlibat dengan penagihan Inshaa Allah saya rasa tidak sebab kita ada penanaman dan pemprosesan dan juga kilangnya di satu kawasan bukannya ia terbiar luar dan bukan sembarangan orang boleh masuk selain daripada itu kita juga memberikan peluang pekerjaan sekiranya berjaya untuk menjadi penanaman terbesar peluang pekerjaan kepada seribu orang dan juga dengan 2000 gaji *basic* maknanya peluang pekerjaan dan tidak perlu khawatir dari segi *black market* maksudnya ganja dibawa keluar dan sebagainya dia ada sekuriti sistem yang lebih ketat..jadi..saya rasa..itu sahaja...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : landing la..masa sampai dah ...

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : ia..ia ..ini merupakan dua benda yang penting di mana satu taman tema dan juga penanaman ganja ini dapat pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membolehkan Jeram akan terkenal diseluruh dunia. Jadi saya akhiri saya menunjung kasih titah ucapan Duli Yang Mulia Tuanku..sekian.. terima kasih...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : ia..menyokong ye.. MORIB

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Bismillah hirrahman nirahimm.. terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap ucapan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor istiadat pembukaan persidangan kedua yang keempat belas tahun 2019 .. Pertamanya saya ucapkan tahniah kepada yang berhormat Timbalan Speaker yang baru dilantik daripada Sementa dan juga kepada yang berhormat Semenyih yang baru berangkat sumpah di selaku adun di dewan negeri Selangor dan kita harap sama – sama kita dapat melaksanakan tugas dan memberikan idea terbaik untuk melaksanakan tugas kita ini .. Insyaa Allah ..saya ada beberapa perkara yang hendak saya sentuh yang berkaitan dengan titah ucapan yang telah diberikan oleh duli yang maha mulia

sultan. Yang pertama adalah berkaitan dengan *waste to energy* ataupun sisa kepada tenaga yang mana kerajaan negeri Selangor melalui anak syarikat *Worldwide Holdings Berhad* telah menandatangani perjanjian bagi membangunkan kemudahan *waste to energy* dengan nilai pelaburan sebanyak satu bilion ringgit. Satu projek yang amat besar walaupun saya merasakan mungkin kita agak terlewat dalam *waste to energy* ini namun ianya tidak lah untuk terlewat untuk kita melaksanakan semungkin ianya juga akan dilaksanakan di Jeram . Saya tak pasti apa yang dilaporkan oleh yang berhormat Jeram. Sebelum ini 50 ekor lembu telah mati berdekatan dengan pencemaran daripada pusat pelupusan sampah dan antara perkara yang menjadi topik dalam *waste to energy* ini adalah berkaitan dengan zon penampungan yang mana kita tahu dalam *waste to energy* ini melibatkan pelepasan gas-gas toksik yang berbahaya terhasil daripada proses rawatan yang sering dikaitkan dengan teknologi WTE ini walau bagaimanapun teknologi sekarang mampu menangani gas-gas pelepasan toksik sehingga zon isu penampungan ini tidak timbul sama sekali.. tapi itu tidak bermakna kita tidak mahu menetakkan isu-isu yang berkaitan dengan prosedur *waste* dengan pihak berkuasa tempatan tetapi di negara –negara maju seperti Jepun, Jerman dan Switzerland mereka membuat wte ini berdekatan dengan hospital berdekatan dengan sekolah dan kawasan perumahan. Namun cadangannya kita berikan adalah yang jauh dari penempatan saya kira di Jeram mungkin di Tanjung 12 yang jauh dari penempatan dan kita harapkan teknologi ini akan dapat memberikan kebaikan kepada kita yang di negara jiran kita di Singapura sebagai contoh mempunyai 5 buah *waste to energy* kilang *waste to energy* ini yang mana ianya dapat melupuskan sampah dengan cara yang terbaik. Ia yang pertama ianya dapat mengurangkan pencemaran bau, yang kedua mampu mengurangkan sisa yang akan dihantar ke tapak pelupusan sehingga 85% cuba kita bayangkan pengurangan sisa pepejal yang dihantar sebanyak 85% dan dengan ini membantu memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada selain mengurangkan persaingan guna tanah. Yang seterusnya adalah proses penguraian melalui proses rawatan ialah lebih cepat cuba kita bayangkan plastik yang telah dibakar akan mengurai dengan lebih cepat kalau tidak ianya secara natural mungkin akan mengambil masa yang lama mungkin lima ratus tahun ataupun seribu tahun juga air larut resap yang sedikit dan tiada penghasilan meta tanah yang boleh menyumbang kepada pemanasan global jadi kita harapkan projek ini dapat dilaksanakan dengan segera, terbaik dan kita galakkan kepada dengan memberikan penerangan pada rakyat akan kebaikan kepada program atau project to Wasted Energy ini. Perkara yang kedua, yang ingin saya sentuh adalah berkaitan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor yang Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM 16.6 juta dan dijangkakan lebih kurang sebanyak 1150 pelajar akan mendapat manfaat daripada tabung ini. Ianya untuk membantu pelajar-pelajar kelahiran Negeri Selangor untuk melanjutkan pengajian di IPTA dan IPTS antara program pinjaman pendidikan yang dilaksanakan adalah pinjaman boleh ubah di dalam dan luar negara program khas Selangor brain bank iaitu program pengajian sarjana

muda sehingga PHD. Biasiswa Sagong Tasi untuk anak-anak orang asal dan Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar Selangor. Ini menunjukkan bahawa keprihatinan kita kepada Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat untuk meningkatkan pendidikan. Pendidikan adalah serius dan kita menolak segala tohmahan oleh pihak-pihak yang tertentu yang menyatakan bahawa sekarang tiada lagi bantuan-bantuan apa-apa kepada mereka yang melaksanakan pengajian di IPT dan kita harapkan sudah tentu di pihak Kerajaan Persekutuan mempunyai program dan juga mempunyai perancangan untuk membantu rakyat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dan segala tohmahan ini adalah tidak benar. Juga berkaitan dengan penutupan pusat-pusat tahfiz yang tidak berdaftar yang mana tujuan adalah untuk memberikan sesuatu keadaan yang baik kepada pentadbiran tahfiz itu sendiri yang mana kita telah mempunyai senarai bilangan pusat tahfiz yang ada sebanyak 265 (kalau tidak silap saya) dan sekiranya ada pusat-pusat tahfiz yang tidak mempunyai bilangan murid yang mencukupi sekurang-kurangnya 20 orang murid atau mempunyai isyarat-isyarat lain yang pentadbiran lain perlukan jadi sudah tentulah perkara ini menjadi masalah kepada pentadbiran tahfiz itu sendiri dan ianya juga berkaitan dengan tohmahan yang diberikan kepada kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini antaranya adalah Pakatan Harapan akan menutup pusat-pusat tahfiz. Ini adalah juga satu perkara yang tidak benar yang diberikan oleh pihak-pihak pembangkang kepada pihak kerajaan pada hari ini. Politik toksik.

Yang kedua adalah orang cina akan mengendalikan urusan Tabung Haji dan ini juga adalah politik toksik ataupun tohmahan - tohmahan yang sangat tidak benar tetapi sebahagian masyarakat mempercayainya dan juga kekuasaan orang Melayu yang semakin lemah dalam pentadbiran kerajaan terutamanya Kerajaan Persekutuan pada hari ini dan kalau kita lihat titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mana baginda menjelaskan, menegaskan bahawa kita Negeri Selangor yang makmur dan aman, dikurniakan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama dan adat resam, perpaduan dan keharmonian ini adalah aset negeri yang harus dipertahankan dan dipelihara agar menjamin kestabilan dan kesentosaan negeri dan juga peringatan kepada kita agar tidak menggunakan teknologi yang ada sekarang ini adalah ke arah yang positif agak tidak menggunakan teknologi kepada perkara-perkara yang negatif. Dan begitulah juga telah berlaku di Christchurch, New Zealand yang kita telah bahas sebentar tadi dan kita harapkan perkara dapat dibendung dan media sosial ini dapat digunakan sebaik mungkin untuk perkara-perkara kebaikan. Jadi saya dengan ini menyokong dan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker kerana memberikan peluang Sungai Panjang untuk turut serta dalam perbahasan dengan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat

Sementa kerana telah pun dilantik menjadi Timbalan Speaker dan Yang Berhormat Paya Jaras yang merupakan mantan Timbalan Speaker sebelum ini telah dilantik sebagai ahli MMKN. Alhamdulillah ucapan rasa syukur juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada saudara Yang Berhormat yang baru saya daripada Yang Berhormat Semenyih ( Tepuk Meja) di atas kemenangan pada PKR Semenyih yang lepas. Ini bukan biasa-biasa (Gelak). Dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih penghuni-penghuni Semenyih dan tidak dilupakan juga salam takziah kepada keluarga Almarhum Yang Berhormat mantan ADUN Semenyih dan kita juga mengucapkan dan merakamkan terima kasih khidmat dan juga sumbangan Yang Berhormat Semenyih sebelum ini dan saya juga ingin menyatakan dalam dewan yang mulia ini sebenarnya kemenangan Barisan Nasional di PKR Semenyih adalah satu isyarat yang jelas daripada rakyat bahawa sesuatu yang tidak kena atau yang tidak betul dengan pentadbiran kerajaan pada hari ini sehinggakan beberapa siri pilihan raya kecil di Negeri Selangor akhirnya di Semenyih rakyat menunjukkan beraliran arah daripada Pakatan Harapan kepada Barisan Nasional baru-baru ini. Dan kita sebagai barisan pembangkang yang ada pada hari ini daripada 5 bersaudara hari ini kita sudah ada 6 bersaudara ya. Kita yakin dan percaya kemenangan di Semenyih ini memberikan moral kepada saudara-saudara pembangkang ini terus menjadi pembangkang yang konstruktif dan efektif dalam prinsip semak dan imbang dalam kerajaan yang ada pada hari ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang, Taman Templer ingin mencelah.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Saya nak tanya sikit. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Cuma nak tanya sikit dengan Sungai Panjang bila disebutkan 6 bersaudara dikatakan mula-mula sudah kahwin kemudian kata tidak jadi kahwin. Adik-beradik tidak boleh kahwin pula sebab sumbang mahram. Kita nak tahu juga sebenarnya kedudukannya macam mana (gelak). Orang di bawah ini pun bertanya juga dengan kita sudah kahwin ke belum kahwin sumbang muhrim ke macam mana tentang perjalanan sosial dan politik dari 5 bersaudara sudah jadi 6 bersaudara sekarang ini.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer ini pun sebahagian daripada persepsilah ini. Inilah yang kita panggil persepsi berkahwin lepas itu bersedudukanlah pula tetapi yang pastinya kerjasama di antara UMNO, Barisan Nasional dan juga parti PAS ini adalah satu kerjasama ke arah politik yang lebih baik supaya kita ada satu blok pembangkang yang lebih teguh dan padu. Dalam kita mengimbangi kerajaan Pakatan Harapan yang ada pada hari ini yang mana kalau kita merujuk kerajaan di Negeri Selangor bahawa parti PAS sebelum ini adalah sebahagian daripada kerajaan Pakatan Rakyat dan hari ini ada di blok pembangkang bersama-sama dengan kita untuk kita memastikan kerajaan yang ada pada hari ini mencapai matlamat yang sepatutnya. Terima kasih. Silakan Sungai Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Kalau kerjasama ini adalah tulen mengapa di Kelantan Timbalan Menteri Besar Kelantan daripada PAS ini enggan nak kongsi kuasa dengan UMNO. Tidak nak bagi satu kerusi EXCO pun kepada UMNO.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih di atas pertanyaan. Itu adalah di atas urusan pentadbiran yang mana mungkin kita masih baru lagi kalau kita lihat dulu pun di Negeri Selangor pun di antara negeri yang terakhir sekali PAS mufaraqah pakatan rakyat. Jadi mungkin ini baru lagi mungkin In Sha Allah di masa yang akan datang mungkin ia mudah, dimurnikan dan disekatakan. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh serba sedikit berkenaan ekonomi cuma saya akan ringkaskan mungkin kerana masa yang diberikan agak terhad. Sebagai sebuah negeri menjadi nada utama pembangunan ekonomi negara kerajaan daripada masa ke semasa perlu memperkenalkan dan juga perlu memperbagaikan inisiatif-inisiatif rangsangan ekonomi untuk menarik pelabur-pelabur untuk menjalankan perniagaan mereka di Negeri Selangor. Namun dalam kita merancang dan merencanakan industri-industri perkilangan, perbuatan di dalam Negeri Selangor aspek alam sekitar perlu diambil kira dan juga diberikan titik beratkan supaya ianya tidak menjejaskan pencemaran dan juga sebagainya dan dalam kita membina dan juga mengambil industri-industri daripada luar ini yang perbagai-bagai pelabur daripada luar domestik dan juga antarabangsa. Kita juga perlu memberikan perhatian terhadap peluang-peluang pekerjaan terutamanya kepada anak-anak tempatan, anak-anak negeri Selangor yang profesional ataupun bukan profesional. Jadi ini perlu diberikan keutamaan terutamanya dalam kita membangun konsep ataupun prinsip modal insan di dalam Negeri Selangor yang kita percaya ramai anak-anak muda, rakan-rakan kita di luar sana yang memerlukan pekerjaan pada waktu ini. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker kejadian yang berlaku di Pasir Gudang, Johor perlu dijadikan iktibar buat kita semua dengan izin prevention is better than cure penguatkuasaan dan pemantauan dalam aspek-aspek tertentu yang boleh menjejaskan alam sekitar seperti pembuangan sisa-sisa toksik, asap, sampah sarap perlu diambil berat dan ditekankan secara serius. Tindakan-tindakan seperti penyitaan, arahan penutupan kilang-kilang yang tidak mematuhi wajar diambil segera. Di dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ada juga menyentuh kadar penggunaan air domestik. Saya juga dimaklumkan bahawa di Negeri Selangor ini daerah Sabak Bernam walaupun populasi penduduknya mungkin di antara populasi yang rendah tetapi kadar penggunaan air domestiknya adalah sangat tinggi. Dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada SYABAS dan AIR Selangor yang telah pun memulakan inisiatif yang baru untuk memberikan kesedaran dan taklimat-taklimat kepada penduduk yang mana saya juga dimaklumkan sebelum SYABAS dan AIR Selangor mengadakan program bersama-sama Yang Berhormat Bukit Gasing di kawasan Bukit Gasing untuk diberikan penerangan dan juga sarangan kepada penduduk supaya pentingnya penjabatan dan penggunaan air. Dan program-program seperti ini perlu diteruskan di peringkat DUN-DUN dan semua ahli dewan Yang Berhormat perlu memberikan kerjasama dan juga penyampaian yang khusus kepada penduduk kerana isu penggunaan penjimatan air domestik ini bukan sahaja kita khususkan kepada sikap pengguna isi rumah dan sebagainya tetapi kerajaan juga perlu melihat mungkin ada faktor-faktor lain yang menyumbang kepada pembaziran bekalan air ataupun penggunaan air secara domestik mungkin dari segi fasiliti perpaipannya dan sebagainya. Ini juga perlu diteliti dari masa ke semasa. Berkenaan dengan pembelaan terhadap golongan kelainan upaya, kita menyarankan supaya premis – premis kerajaan sebagai contoh pejabat PBT dan juga

pejabat-pejabat daerah menyediakan parking OKU tapi perlu menyediakan fasiliti-fasiliti yang lain mesra OKU sebagai contoh perlu menyediakan dengan izin Ramp OKU yang khas bersama dengan izin Handrail memudahkan Orang-orang Kelainan Upaya ini untuk berurusan di pejabat daerah dan juga premis-premis kerajaan dalam masa yang sama kita perlu memikirkan kerajaan juga perlu sama-sama memikirkan apakah peluang-peluang yang boleh diberikan kepada golongan OKU ini untuk menambah pendapatan dari segi bantuan-bantuan dan juga peluang-peluang yang lain untuk mereka untuk terus bersaing dengan rakan-rakan kita yang lain. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini saya juga ingin memberikan sedikit pandangan dan juga respons berkenaan dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenaan dengan sarangan ataupun gesaan pihak kerajaan menutup pusat-pusat tahfiz yang tidak berdaftar jadi ini adalah sangat penting dan kita menyokong perkara ini demi kebaikan dan kesejahteraan anak-anak dan juga pelajar-pelajar tahfiz kerana kita tidak boleh membebankan kepada para pelajar ini, Ini adalah kesalahan dan tanggungjawab pengusaha-pengusaha tahfiz untuk mematuhi segala peraturan dan ketetapan yang telah dibuat oleh kerajaan bagi menjamin masa depan anak-anak tahfiz. Jadi, kita menyambut baik titah tuanku bahawa sekolah-sekolah tahfiz yang tidak berdaftar ini ditutup. Namun Sungai Panjang berpandangan bahawa kerajaan perlu juga memberikan perhatian terhadap nasib pelajar atau anak-anak tahfiz yang terlibat yang mana sekolahnya ditutup yang mana mungkin anak-anak dan pelajar-pelajar tahfiz ini dipindahkan atau dibawa ke sekolah-sekolah lain yang telah pun berdaftar dan dalam masa yang sama, pusat-pusat tahfiz yang gagal berdaftar ini perlu segera diambil tindakan termasuklah penutupan dan juga sekiranya diberikan masa bolehlah sekolah-sekolah tahfiz ini memenuhi apa juga keperluan dan syarat-syarat untuk mereka beroperasi dengan sepatutnya. Dan saya juga menyarankan agar kerajaan negeri yang ada pada hari ini dengan izin to adopt atau menerima pakai Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang telah diperkenalkan sebelum ini di peringkat persekutuan. Melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ini yang merangkumi beberapa expect dan juga kurikulum bagi melahirkan graduan hufaz yang mempunyai keseimbangan ilmu agama dan akademik, duniawi pada masa hadapan. Di bawah kurikulum ini juga anak-anak ataupun pelajar-pelajar tahfiz bukan sahaja mampu menghafal Al-Quran tapi turut mempunyai kemahiran pendidikan teknikal atau latihan vokasional (TIVET). Ilmu agama dan bidang profesional dan ini adalah sangat penting. Saya juga mencadangkan supaya kerajaan Negeri Selangor mengambil kira dan menerima pakai dasar ini dilaksanakan sama ada di peringkat sama ada di peringkat Majlis Agama Islam ataupun di peringkat jabatan agama Islam untuk kita menyelaraskan seluruh sekolah-sekolah tahfiz di negara ini berdasarkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang telah diperkenalkan. Dan kejayaan-kejayaan yang kita boleh rujuk sebelum ini, sebelum ini di Negeri Selangor ada sekolah-sekolah agama rakyat yang mana pada beberapa tahun yang lepas kerajaan di peringkat persekutuan melalui kementerian pendidikan telah pun memperkenalkan satu sistem ataupun silibus untuk menyelaraskan seluruh sekolah-sekolah agama rakyat ini di bawah skim ataupun sekolah agama bantuan kerajaan SABK. Ini memberikan *impact* yang positif kepada sekolah-sekolah agama yang mana pada hari ini sekolah-sekolah menengah di Negeri Selangor yang telah pun dijadikan sebagai sekolah SABK yang perlu mengikuti silibus yang telah ditetapkan oleh kementerian pendidikan, jadi dia ada

dia punya kokurikulum nya dan sebagainya melahirkan ramai pelajar-pelajar yang berpotensi yang mana pelajar-pelajar ini mempunyai sahsiah dan keperibadian seorang muslim yang baik. Berdasarkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ini juga kita percaya pada masa akan datang sudah pasti akan lahir profesional sama ada peguam, doktor *engineer*, arkitek dan sebagainya daripada kalangan mereka yang menghafal Al-Quran dan sudah pasti mereka ini akan memberikan lebih banyak lagi manfaat kepada rakyat negeri Selangor ini dan tidak mustahil satu hari nanti di kalangan ahli-ahli dewan negeri ini juga mungkin ada di kalangan para hufaz. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang apa yang dititahkan oleh Tuanku berkenaan perkhidmatan cemerlang oleh ahli-ahli DUN ini. Jadi untuk kita berkhidmat ini pelbagai keperluan yang perlu diberikan oleh ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan saya menyahut baik supaya kerjasama di antara ahli Dewan Undangan Negeri Kerajaan dan juga bukan kerajaan ini supaya kita boleh sama-sama membangunkan kawasan atau tempat yang kita wakili kerana kita menang pilihan raya sebagai wakil rakyat dan rakyat di luar sana mereka tidak melihat kita ini sebagai wakil rakyat kerajaan atau bukan kerajaan sebab dia kenal wakil rakyat. Dia tahu ada masalah, ada *problem*, jalan penyelesaian terakhir adalah jumpa YB. Jadi ini yang perlu kita sama-sama selesaikan walaupun kekangan dari segi peruntukan dari wakil rakyat bukan kerajaan, pada kami ia bukan satu masalah tapi kalau pihak kerajaan ingin mempertimbangkan untuk memberi peruntukan yang sama seperti ahli Dewan Undangan Negeri yang kerajaan, kita menyahut baik tapi kalau tidak sama pun supaya urusan kami dipermudahkan untuk kita sama-sama berurusan dengan penyelaras-penyelaras DUN. Saya juga menyahut baik sistem yang ada pada hari ini yang mana menjemput wakil rakyat wakil rakyat bukan kerajaan ini ke dalam mesyuarat-mesyuarat dan juga perjumpaan dengan pihak PBT. Dan sebelum saya mengakhiri ucapan menjunjung kasih titah DYMM tuanku, saya juga ada membawa beberapa perkara yang kesusahan dan kesulitan oleh rakyat dan juga masyarakat di Sungai Panjang. Yang pertamanya, pembinaan jaringan jalan raya FR5 ini sebenarnya sampai sekarang ini belum lagi berkesudahan terutamanya dari aspek keselamatan, masih lagi rendah terutamanya pada waktu malam, kurangnya pencahayaan terutama di kawasan-kawasan yang diadakan lencongan-lencongan dan kadangkala lencongan-lencongan dan pusingan u ini adalah di dalam kawasan yang sangat merbahaya sama ada berdekatan dengan simpang ataupun berdekatan dengan kawasan perumahan dan penyelenggaraan kepada jalan ini sepatutnya perlu diberikan pemantauan yang lebih sebab ia memberikan banyak kesusahan dan juga kerumitan. Dan dalam masa yang sama juga kita sedia maklum bahawa kawasan sungai panjang ini juga sebagai gugusan industri pertanian dan asas tani dan kawasan Sungai Panjang mempunyai kawasan pertanian yang luas yang dilitupi oleh tanaman padi dan sawit yang sudah pasti rakyat dan penduduknya ramai di kalangan petani, pekebun dan juga nelayan dan mereka ini perlu diberikan bantuan sama ada bantuan modal untuk mereka berpeluang untuk membuat perniagaan-perniagaan sampingan selain daripada pertanian dan dalam masa yang sama juga saya yang terakhir supaya di dalam DUN Sungai Panjang ini saya ingin menarik perhatian Exco Pelancongan di dalam DUN Sungai Panjang ini sebenarnya ada banyak potensi-potensi pelancongan seperti kawasan Inap Desa, Kelip-kelip di Sungai Panjang dan kita juga mahukan supaya Sungai Panjang ini dimasukkan di dalam peta pelancongan Negeri Selangor kerana di dalam Sungai Panjang ini sudah pun ada

kampung-kampung tradisi yang mana kampung-kampung ini telah pun mempunyai keistimewaan dan juga produk-produk tersendiri sama ada daripada segi pemakanan, kebudayaan dan sebagainya. Kita ada kampung yang bertemakan jawa, kita ada kampung yang bertemakan banjar, kita ada kampung yang bertemakan kampar yang mana setiap daripada ini mempunyai makanannya yang tersendiri yang kita hanya boleh cari di kawasan Sungai Panjang dan Sungai Besar dan juga kebudayaan lain kita ada gamelan, silat, kuda kepong dan sebagainya. Ini boleh di naik taraf dan diberikan perhatian supaya seluruh rakyat dan juga warga di Negeri Selangor ini mendapat manfaat dan pengetahuan tentang sejarah-sejarah dan juga geografi yang ada di dalam Negeri Selangor ini. Jadi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada yang YB Puan Timbalan Speaker memberikan peluang dan saya menyokong dan juga menjunjung kasih titah ucapan DYMM tuanku. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Seri Setia

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih yang berhormat puan timbalan speaker, seluruh ahli dewan negeri. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah subhana wataala, dengan berkat limpah kurniannya, kita dapat berkumpul dalam dewan yang mulia ini dan di kesempatan ini saya ingin mengambil sedikit masa mengucapkan tahniah, tahniah kepada DUN Sementa sebagai timbalan speaker bagi Negeri Selangor menggantikan YB Paya Jaras. Kepada Yang Berhormat Paya Jaras, saya ucapkan tahniah atas pelantikan sebagai EXCO Kerajaan Negeri Selangor dan saya tidak lupa juga kepada rakan saya , rakan kita bersama walaupun dalam kerusi pembangkang tetapi beliau membuktikan kemenangannya di Semenyih. Tahniah kepada Yang Berhormat Semenyih atas kemenangan di Semenyih yang lalu. Selamat berkhidmat untuk rakyat Semenyih dan Negeri Selangor saya ucapkan. Puan Timbalan Speaker, pada sesi pembukaan DYMM Sultan Selangor ada menitahkan, Selangor antara nadi pembangunan ekonomi pembangunan negara. Dengan kedudukannya strategi dan prasarana yang tersedia, Selangor menjadi pilihan pada pelabur untuk menjalankan perniagaan mereka di Negeri Selangor. Seperti yang dititahkan oleh Sultan pada sidang pembukaan tempoh hari, sebanyak 241 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor sepanjang tahun 2018 berbanding 220 projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2017. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bandar Baru Klang, selaku EXCO Kerajaan Negeri Selangor kepada YAB Sungai Tua di atas usaha yang telah dibuat yang menarik pelabur-pelabur datang ke negeri ini tetapi jangan lupa di dalam kawasan Seri Setia kita juga ada dua kawasan pelaburan yang besar yang pertamanya di Glenmarie, yang keduanya di Sungai Way. Ini antara pusat pelaburan ataupun perkilangan yang besar. Dalam masa itu juga saya menyarankan supaya tempat ini juga diperkenalkan sebab saya takut ada kadang-kadang kawasan yang kita gembarkan dengan perkilangan pusat perindustrian pertama tetapi lesen nya tidak ada. Kita tidak mahu berlaku setelah berlaku kejadian baru kita tahu benda ini kita tidak pantau dari awal lagi. Ekoran daripada projek perkilangan yang telah diluluskan di Negeri Selangor yang dilihat semakin meningkat saya secara tegas mencadangkan agar kita sebagai wakil rakyat yang telah dipilih bersama-sama membanteras gejala yang boleh membawa kebinasaan seperti yang

boleh berlaku di Pasir Gudang baru-baru ini. Puan Timbalan Speaker, saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang lama. Saya tahu ada masa lagi untuk kawan-kawan, pada sidang yang lalu, saya ada membangkitkan beberapa isu mengenai sebuah perkampungan yang terletak di kawasan Dun Seri Setia, iaitu Kampung Hamid Tuah, sehingga kini saya masih belum dapat jawapannya apa strategi sebenarnya sebab apa yang saya cadangkan di Kampung Hamid Tuah ini dijadikan satu kawasan yang baru di perbaiki kawasannya dikemaskinikan kawasan atau kampung-kampungnya. Inilah satu-satunya kampung yang berada di dalam bandar di dalam Dun Seri Setia, jadi keadaannya cukup-cukup kasihan, Jalan Batu Tiga lama sebelum kita sampai ke Kampung Hamid Tuah, telah ada semak samun di tepi jalan yang dahulunya ada Pusat Giat Mara, Pusat Giat Mara sekarang pun tidak ada di situ yang ada hanya hutan belukar sahaja. Kalau gajah boleh menyorok, pun boleh menyorok di dalam itu. Malahan ada pondok polis satu ketika dahulu tetapi tidak ada pondok polis lagi. Sekarang ini yang ada hanyalah hutan belukar. Ini keadaannya. Bila kita melepasi kawasan semak samun itu, kita akan bertemu sebuah stesen Petronas, selepas stesen Petronas, akan ada kawasan Kampung Hamid Tuah yang saya katakan tadi. Saya buat aduan pada pihak JKR dan juga rock care, tindakan yang diambil dan mampu dibuat hanyalah menebas rumput tersebut. Tetapi itu bukan penyelesaian untuk sepanjang masa, bila rumput panjang akhirnya macam yang dinyatakan oleh sahabat saya pada pagi tadi yang menyatakan rumput dan serai pun dah sama kadang-kadang mereka pun tidak tahu beza rumput dan serai. Jadi, saya minta, supaya ada satu perancangan Exco Kerajaan Negeri Selangor atau Kerajaan Negeri Selangor tentang Kampung Hamid Tuah ini. Saya mohon juga agar kampung ini dijadikan kampung tradisi yang boleh melambangkan Negeri Selangor bukan sahaja dari segi infrastrukturnya tetapi dari segi tradisinya. Kalau rakan-rakan Yang Berhormat menyebut semua kampung-kampung di luar bandar tetapi ini saya nak jadikan satu kampung tradisi di dalam bandar, jadi saya mohon perhatian sekali lagi. Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan perhatian kepada Lembaga Perumahan Negeri Selangor, EXCO Kerajaan Negeri Selangor yang mana kawasan saya ada yang telah dibangunkan dengan Skim Cerianya dan juga pelbagai yang telah dilakukan terutama di kawasan yang terbarunya adalah di Pangsapuri Damai PJS 8 yang di cat semula bangunannya. Tetapi saya nak bertanya bagaimanakah dengan masalah yang beberapa tempatnya yang pangsapuri kos rendahnya tetapi tidak ada Badan Pengurusan Bangunan atau pun JMB. Ada kawasan yang memang...memanggggg dah...dah lebih daripada 15 tahun wujud tetapi apabila disarankan oleh KPKT suatu ketika dahulu supaya ditubuh JMB tetapi masih sehingga kini tidak ada JMB. Di kawasan saya terutamanya kawasan PKNS...kawasan PKNS ni adalah suatu kawasan yang lama yang rumahnya tahun 80an dan sehingga kini kita sarankan tubuh JMB tidak ada pon satu yang berani menubuhkan JMB. Jadi apakah caranya...apakah penyelesaiannya pihak kerajaan negeri yang boleh membantu...sebab...difahamkan bahawa sekiranya tidak ada JMB maka agak sukar untuk mendapatkan Skim Ceria Selangorku...

Puan Timbalan Speaker, dalam kawasan Seri Setia jugak ada kawasan lapang yang macam mana saya nyatakan pada awal tadi di kawasan Kg. Hamid Tuah ada hutan belukar tetapi ini yang betul – betul di kawasan Taman TTDI Jaya pulak...kawasan

Taman TTDI Jaya kita ada satu Komplek SMS...Komplek SMS ini adalah Kompleks Stor menyimpan senjata...bukan SMS telefon tetapi stor menyimpan senjata yang dimiliki oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Kawasan ini cukup luas tetapi...saya mohon jugak mohon perhatian bahawa kawasan ada kawasan yang terbiar oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Kawasan SMS ini cukup besar dan bersebelahan dengan kawasan rumah di kawasan Ladang Glenmarie tetapi kawasan ini jugak mempunyai hutan yang besar yang jugak kadang – kadang binatang berbisa masuk ke dalam rumah di kawasan Ladang Glenmarie. Kita pernah buat aduan heh dengan pihak PDRM dan jugak saya tau Ahli Majlis ada buat aduan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam...tetapi...ini adalah tanah di bawah PDRM bukan di bawah MBSA heh...jadi saya mintak jugak perhatian supaya diberi perhatian membantu saya untuk sama – sama kita menyelesaikan masalah ini. Aduan telah dibuat tetapi tidak ada penyelesaian yang boleh dicapai. Puan Speaker...hurmm Kita mampu bertahan sehingga kini oleh kerana skim – skim yang diperkenalkan oleh kerajaan semenjak 2008 yang mendatangkan manfaat kepada kebajikan rakyat Negeri Selangor...dulunya merakyatkan ekonomi Negeri Selangor dan kini Inisiatif Pre Rakyat. Manfaat yang paling mendapat sambutan di kalangan bayi adalah TAWAS (Tabung Warisan Anak Selangor), Inisiatif Perkahwinan Belia yang sekarang ini masih samar – samar dan bagi warga emas pula Skim Mesra Usia Emas dan saya mengharapkan supaya kita akan lebih lagi memberi inisiatif kepada rakyat – rakyat tetapi janganlah dipotong... Puan Timbalan Speaker saya bersetuju dengan sahabat saya daripada errr...DUN Bukit Gasing...DUN Bukit Gasing Jeran pon saya setuju jugak...(gelak....) tetapi dalam perbincangan di luar..sahabat saya DUN Bukit Gasing yang menyatakan bahawa kita perlu satu hospital yang perlu berada di kawasan Petaling Jaya..saya sebagai ADUN Seri Setia...saya mengharapkan satu hospital mungkin ada yang menyatakan bahawa di Petaling Jaya telah ada PPUM (Pusat Perubatan Universiti Malaya) tetapi...walaupun saya dilahirkan di Hospital Universiti...aaa dulu Hospital Universiti sekarang ni PPUM tetapi ketika itu Pusat Perubatan Universiti Malaya berada dalam Selangor...sekarang ini telah berada di kawasan Wilayah Persekutuan dan Pusat Perubatan Universiti Malaya bukan lah satu hospital kerajaan sekarang ini. Kosnya terlalu tinggi..terlalu padat...pesakitnya terlalu ramai dan kebanyakan mereka ini adalah yang tinggal di kawasan berhampiran kawasan Petaling Jaya. Jadi saya mohon ehh supaya diwujudkan satu hospital yang harus berada di kawasan Petaling Jaya. Di kawasan Petaling Jaya jugak Parlimen Petaling Jaya..pengundinya hampir 150 000 ribu orang dan ini perlu diwujudkan di kawasan Petaling Jaya..satu hospital kerajaan untuk membantu rakyat – rakyat di bawah kawasan kemiskinan bandar ini...

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI:** Puan Speaker....Timbalan Speaker..... saya errrrr pon mengambil kesempatan di Semenyih pun ada permasalahan hospital ini lah...(gelak) hahahha hah jadi bukan 3 hari bulan kan saya harap pihak kerajaan negeri dapat mempertimbangkan lah jugak arrr.....(gelak) terima kasih.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR:** Semenyih...orang baru jadi...bagi lah kami dulu...(gelak) saya ingat saya adik bongsu...gupanya Semenyih adik bongsu...jadi kene tunggulah...  
Jadi....

## 20 MAC 2019 (RABU)

Ya Sungai Pelek.....

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** eerrr Puan Timbalan Speaker...Sungai Pelek dan Tanjung Sepat pun perlukan Hospital Besar....(gelak) hahahha

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Nampaknya ramai yang sakit nampaknya.....(gelak) kahkahkah jadi...saya setuju apa yang disarankan oleh sahabat saya...daripada....DUN Bukit Gasing dan kalau diberi peluang DUN Taman Medan juga akan setuju ya dengan saranan supaya ada hospital di kawasan Petaling Jaya.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Bawak laluan SSTM... eerrr saya sebenarnya bila merujuk kepada eerrr apa yang disebut oleh Yang Berhormat Seri Setia yeaaa....errr memang ada dalam errr memang sewajarnya lah ada cadangan err sebab....errr kita melihat bahawa Bandar raya Petaling Jaya merupakan Bandar raya yang paling besar dalam Malaysia tetapi tidak ada Hospital Kerajaan. Cuma saya nak bertanya dengan (gelak sinis) herherherhh Seri Setia..... Seri Setia ada kenal pasti tapak ke mana yang boleh cadangkan kepada kerajaan negeri untuk di bawak kepada peringkat Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Puan Pengerusi...eh Puan Pengerusi...Puan Timbalan Speaker....kalau dulu pernah dicadangkan di satu kawasan di Kontena Nasional tapaknya. Ketika itu saya menjadi Ahli Majlis Bandar raya Petaling Jaya...errr kerajaan pusat kerajaan Barisan Nasional ketika itu kononnya....untuk membeli Kontena Nasional untuk dijadikan hospital kerajaan di situ. Tetapi...saya pun tak pasti sekarang ini mungkin khabarnya agak harga tanah agaknya yang lebih tinggi...jadi...tak pastilah hehh...tapi macam mana pun boleh disarankan semula...mungkin kerajaan boleh membantu....ada caranya yang boleh mendapatkan kawasan tapak tersebut. Baik....selain itu saya juga menerima banyak rungutan dari kakitangan Pusat Khidmat..apabila wujudnya inisiatif baru...oleh kerajaan negeri...kadang-kala kadang – kadang-kala pegawai ataupun Pusat Khidmat kita tidak menerima sebarang maklumat yang lebih awal berkenaan apa sahaja inisiatif ataupun maklumat dan menyebabkan ketidakselaaa...selllll ketidakselarasan maklumat yang disampaikan kepada masyarakat dan bercanggah maklumatnya... ini cukup penting...errr kita kena haa kita pastikan supaya maklumat ini tepat dan hendak disampaikan kepada siapa...kepada Pejabat DUN siapa yang harus menerima...dan ini yang paling penting...kit..yang paling kita takut sebaran whatsapp sekarang ini yang berterbangan kadang – kadang meragukan kita sendiri.

Ya...Rawang....

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Yang...errr Yang Berhormat Seri Setia adakah yang tu errr...bermaksud program kerajaan Negeri Selangor atau errrr bersama dengan Persekutuan sekali...

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Bukan sahaja errr Program Kerajaan Persekutuan kadang – kadang Program Kerajaan Negeri sendiri pun kita agak bercanggah. Yang Berhormat Puan Speaker....saya...akhir kata...berharap setiap pandangan...cadangan yang diambil..perhatian sepenuhnya..dan...saya mendoakan semoga...Yang Berhormat sekalian terus beristiqamah dan beriltizam menyampaikan perkhidmatan berimpak tinggi dengan cemerlang dan berintegriti sepanjang masa...akhir kalam saya menjunjung kasih menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor...Sekian...Terima kasih...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran.....

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih...Puan Timbalan Speaker..err lima minit (gelak) hehhhh terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada... er... Puan Timbalan Speaker...kerana telah arr....dipilih...dan errr ucap tahniah jugak kepada....Yang Berhormat Semenyih kerana telah berjaya dilantik..errr dipilih oleh rakyat daripada...errr...Semenyih...dan err...Pandamaran ini ingin mengambil peluang ini untuk menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor yang Keempat Belas Tahun 2019. Rakyat Selangor berasa syukur kerana...Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sentiasa mengambil berat terhadap rakyat Selangor. Pandamaran juga ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dan EXCO – EXCO Negeri Selangor yang berjaya mentadbir Negeri Selangor dengan baik dan berjaya..dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Kerajaan Negeri Selangor berjaya pelabur – pelabur seperti kilang pengeluar TV LED Sony yang terbesar di dunia iaitu Kilang *Sony M..EMCS* dan Syarikat *Sweden* yang rela mendirikan pusat pengedaran serantau yang ketiga terbesar di dunia di Pulau Indah iaitu *IKEA* dan lain-lain. Pelabur asing juga begitu menyakin terhadap Negeri Selangor kerana Negeri Selangor merupakan...sebuah negeri yang mempunyai pentadbiran kerajaan yang stabil dan sentiasa mendengar. Walau bagaimanapun kerajaan perlu mengkaji sem...semula sistem pengangkutan awam...sistem lalu lintas di kawasan Pulau Indah dan Pelabuhan Klang. Pandamaran terletak di sebelah DUN Pelabuhan Klang...Oleh itu, banyak kenderaan berat juga menggunakan lalu lintas di sekitar Pandamaran untuk menghantar barang – barang dagang ke Pelabuhan Klang mahupun ke luar dari Pelabuhan Klang. Oleh itu, kita ada kaitan memang erat. Kadar infrastruktur di kawasan Pelabuhan Klang juga tidak begitu memuaskan akibat Pelabuhan Klang telah diabaikan oleh dua ADUN yang tidak mengambil berat dan tidak melaksanakan tanggungjawab mereka pada Penggal Dua sebelum ini..

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Minta laluan...Pandamaran....

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** dan juga Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional sebelum ini tidak mementingkan rakyat Klang..

**20 MAC 2019 (RABU)**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran...Dengkil ingin mencelah.....

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker...saya rasa isu errr...isu yang dibangkitkan oleh Pandamaran ini..sering kali dibangkitkan pada penggal yang lepas...errrr...adakah errr...pelaksanaan berkaitan isu jalan belum lagi dilaksanakan atau diambil tindakan oleh pihak kerajaan.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** ya...errr...ini yang nanti saya akan sampaikan..ok...errrr..sebenarnya errr...ok..saya teruskan eh...sebab nanti saya sampaikan..ok...errr...sebab ok...Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan..Nasional yang tidak mementingkan rakyat Klang yea sebelum pilihan raya umum yang keempat belas yea...kalau kita pergi ke negara lain yang mempunyai Pelabuhan yang pesat keadaan di kawasan Pelabuhan begitu cantik dan baik yaaa...tapi di Malaysia adalah kelainan. Pandamaran berterima kasih kepada Yang Berhormat Pelabuhan Klang baru ini, ya...kerana telah melaksanakan tanggungjawab untuk memperbaiki keadaan di Pelabuhan Klang (gelak)... ya..Pekan Pelabuhan Klang adalah di bawah DUN Pandamaran ya pelik yea...pelik...dan bersebelahan dengan Pelabuhan Klang...kawasan tersebut juga terjejas akibat ketidakbertanggungjawab daripada Kerajaan Persekutuan sebelum ini. Dengan hubungan baik sekarang di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan...oleh itu Pandamaran mohon jasa baik negeri dan kerajaan persekutuan dapat memberi tumpuan dan peruntukan yang besar kepada pelabuhan yang terbesar di Malaysia. Selain daripada Pekan Pelabuhan Klang..yea...jalan-jalan di Persiaran Raja Muda Musa dan Jambatan Simpang Lima juga mengalami kerosakan...Jambatan Simpang Lima terletak berhampiran Istana Alam Shah..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran...Pandamaran...

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Ya...

**Y.B. PUAN SPEAKER :** Sila...duduk...dan sambung perbahasan esok...(gelak)...(tepek meja)...ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah pun 4.30 petang...maka Dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok 21 Mac 2019 bermula jam 10.00 pagi...Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)**